# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

## Akta 4

# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

*Sebagaimana pada 1 Julai 2021*

# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

Tarikh Perkenan Diraja … … … … 2 April 1969

Tarikh penyiaran dalam *Warta* … … … 10 April 1969

Teks bahasa Inggeris adalah
teks sahih … … … … P.U. (B) 80/1969

Kali terakhir dipinda melalui
P.U. (A) 247/2021 yang mula
berkuat kuasa pada … … … 1 Jun 2021

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama ... ... ... ... 1992*

*Cetakan Semula Yang Kedua ... ... ... ... 1999*

*Cetakan Semula Yang Ketiga ... ... ... ... 2006*

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 4

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, takat, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Takrif

BAHAGIAN II

INSURANS DAN CARUMAN

3. Pemakaian
4. Pendaftaran perusahaan
5. Semua pekerja hendaklah diinsuranskan
6. Caruman
7. Majikan utama hendaklah mendahului pembayaran caruman
8. Mendapatkan balik caruman daripada majikan langsung
9. Peruntukan am tentang pembayaran caruman

9A. Caruman jika perusahaan atau pekerja tidak diinsuranskan atau didaftarkan

9B. Pengesahan caruman yang dipungut

10. Cara membayar caruman

Seksyen

11. Majikan hendaklah memberikan penyata dan menyenggarakan daftar dalam hal tertentu

12. Pemeriksa, fungsi dan kewajipan mereka

12A. Kuasa untuk memeriksa dan menggeledah

12B. Halangan terhadap penjalanan kuasa oleh Pemeriksa

12C. Kuasa untuk memeriksa orang

13. Menetapkan caruman dalam hal tertentu

13A. Kuasa Ketua Pengarah meminta maklumat dan permohonan bagi waran geledah

14. Menuntut caruman

14A. Bunga atas caruman tertunggak

BAHAGIAN III

FAEDAH

15. Faedah

16. Bila orang dianggap mengidap keilatan

17. Bila orang berinsurans layak mendapat pencen ilat

17A. Syarat kelayakan bagi pencen penakat

18. (*Dipotong*)

19. Pembayaran pencen ilat

20. Pencen ilat

20A. Pencen penakat

20B. (*Dipotong*)

21. Bantuan ilat

22. Faedah hilang upaya

23. Anggapan tentang kemalangan yang terbit dalam masa pekerjaan

24. Kemalangan semasa dalam perjalanan

25. Kemalangan berlaku tatkala menghadapi kecemasan

26. Faedah orang tanggungan

27. (*Dipotong*)

28. Penyakit khidmat

29. Faedah pengurusan mayat

Seksyen

30. Elaun layanan sentiasa

31. Liabiliti majikan dan pekhidmatnya

32. Menentukan soal keilatan atau hilang upaya

32A. Menentukan penyakit khidmat

33. Rujukan kepada jemaah doktor dan rayuan kepada jemaah doktor rayuan

33A. Orang berinsurans mati sebelum pemeriksaan jemaah doktor

34. Kajian semula keputusan oleh jemaah doktor atau jemaah doktor rayuan

35. Kajian semula pencen ilat

36. Kajian semula faedah orang tanggungan

37. Faedah perubatan

38. Tingkatan faedah perubatan

39. Penubuhan dan penyenggaraan hospital, dsb.

40. Kuasa Pertubuhan untuk bekerjasama dengan pertubuhan yang ada atau menganjur langkah untuk kesihatan, kebajikan, dsb., orang berinsurans

41. Faedah tidak boleh diserahhakkan kepada sesiapa atau ditahan

42. (*Dipotong*)

43. Orang tidak boleh menggantikan faedah berupa wang tunai

44. Orang yang tidak berhak mendapat faedah dalam hal tertentu

45. Pihak yang menuntut faedah hilang upaya atau pencen ilat hendaklah mematuhi syarat

46. Penerima faedah hilang upaya hendaklah mematuhi syarat

47. (*Dipotong*)

48. Hak Pertubuhan jika majikan utama mungkir atau cuai membayar apa-apa caruman

49. Penggantungan pencen ilat

50. Membayar balik faedah yang tidak sepatutnya diterima

51. Pembayaran amaun faedah yang masih belum dibayar tatkala orang berinsurans mati

52. Majikan tidak boleh mengurangkan gaji, dsb.

53. Majikan tidak boleh membuang kerja atau menghukum pekerja dalam tempoh hilang upaya sementara

54. Tuntutan faedah

55. Melaporkan perubahan tentang hal keadaan, dsb.

56. Budi bicara bagi menghitung tempoh kelayakan dan kadar pencen ilat bulanan

Seksyen

57. Kemudahan untuk pemulihan jasmani atau vokasional

57A. Faedah pendidikan

57B. Pertubuhan hendaklah bertanggungjawab bagi mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan

57C. Pelantikan ejen pemungutan

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN AUDIT

58. Pentadbiran Rancangan Keselamatan Sosial

59. Ketua Pegawai Eksekutif

59A. Pertubuhan Keselamatan Sosial

59B. Penubuhan Lembaga

59C. Menteri hendaklah melantik mana-mana orang untuk bertindak sebagai Pengerusi

59D. Jadual Keenam hendaklah terpakai bagi Lembaga

59E. Terhenti menjadi ahli Lembaga

59F. Hilang kelayakan

59G. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

59H. Pekhidmat awam dan pegawai awam

59I. Lembaga menguatkuasakan arahan Menteri

59J. Pewakilan kuasa

59K. Kawalan pentadbiran ke atas pegawai dan pekhidmat oleh Ketua Pengarah

59L. Pelantikan pegawai dan pekhidmat

59M. Penubuhan bahagian, pejabat kawasan, dsb.

59N. Kuasa untuk menyelesaikan soal kakitangan

59O. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah kakitangan

59P. Jawatankuasa

59Q. Jawatankuasa Tatatertib

59R. Tatatertib pegawai

59S. Penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib

59T. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah tatatertib

59U. Pengenaan surcaj

Seksyen


59V. Penubuhan Lembaga Kenaikan Pangkat

59W. Penubuhan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat

60. (*Dipotong*)

61. (*Dipotong*)

62. (*Dipotong*)

63. (*Dipotong*)

64. Fi dan elaun

65. (*Dipotong*)

66. (*Dipotong*)

67. (*Dipotong*)

68. Kumpulan Wang Keselamatan Sosial

69. Pentadbiran Kumpulan Wang

70. Penerimaan bantuan wang, derma, dsb.

71. Bagi maksud apakah Kumpulan Wang boleh dibelanjakan

72. Perbelanjaan bagi pentadbiran

72A. Pengeluaran daripada Kumpulan Wang bagi pinjaman atau kemudahan pembiayaan lain

73. Perbelanjaan pentadbiran adalah tanggungjawab Kerajaan

74. Memegang harta, dsb.

74A. Kuasa Pertubuhan untuk menubuhkan atau mengambil alih syarikat

75. Pelaburan wang

75A. Panel Pelaburan

75B. (*Dipotong*)

76. Mendapatkan pinjaman

77. Anggaran belanjawan

78. Akaun

79. Audit

80. Laporan tahunan

81. Laporan tahunan dan akaun yang telah diaudit

82. Penilaian aset dan tanggungan

BAHAGIAN V

MEMUTUSKAN PERTIKAIAN DAN TUNTUTAN

Seksyen

83. Keanggotaan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial

84. Perkara untuk diputuskan oleh Jemaah

85. Memulakan prosiding, dsb.

86. Pemulaan prosiding

87. Kuasa Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial

88. Kehadiran melalui pengamal undang-undang, dsb.

89. Faedah tidak boleh dibenarkan melainkan jika dituntut dalam masa yang sepatutnya

90. Rujukan kepada Mahkamah Tinggi

91. Rayuan

92. Pembayaran digantung sementara menanti rayuan

BAHAGIAN VI

PENALTI

93. Hukuman bagi maklumat palsu

94. Hukuman bagi kemungkiran membayar caruman, dsb.

94A. Perintah Mahkamah berkenaan dengan caruman yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan

94B. Perbicaraan bagi lebih daripada satu kesalahan

94C. Salinan catatan menjadi keterangan *prima facie*

95. Pendakwaan

95A. Mengkompaunkan kesalahan

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Seksyen

96. Orang berinsurans tidak berhak mendapat lebih daripada satu faedah

96A. Orang tanggungan tidak berhak mendapat kedua-dua pencen penakat dan faedah orang tanggungan bagi tempoh yang sama

97. Pengecualian bagi perusahaan atau kelas perusahaan

98. Pengecualian bagi orang atau kelas orang

99. Pertubuhan hendaklah membuat pernyataan

100. Pengecualian bagi perusahaan yang dipunyai oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan

101. Pengecualian daripada satu peruntukan Akta ini atau lebih

102. Caruman, dsb., yang kena dibayar kepada Pertubuhan hendaklah mendapat keutamaan daripada hutang lain

103. Menjalankan kuasa dan fungsi Pertubuhan

103A. Pelupusan dokumen selepas lebih daripada tiga tahun

104. (*Dipotong*)

105. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

106. Kewajipan Lembaga untuk mengkaji semula faedah

106A. Kadar faedah

107. Tambahan faedah

108. Kuasa untuk menghapuskan kesulitan

108A. Tanggungan bersesama dan berasingan pengarah

109. Mendapatkan balik caruman, dsb.

110. Kuasa Ketua Pengarah

111. Pertubuhan berurusan dengan orang yang diberi kuasa

112. Faedah bagi dua kemalangan atau lebih yang berturut-turut

112A. Penyerahan dokumen secara elektronik

Seksyen

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

JADUAL KELAPAN

JADUAL KESEMBILAN

JADUAL KESEPULUH

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 4

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai keselamatan sosial dalam kontingensi yang tertentu dan bagi membuat peruntukan mengenai beberapa perkara lain yang berhubung dengannya.

[*Lihat Lampiran*]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut:

### BAHAGIAN I

### PERMULAAN

**Tajuk ringkas, takat, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

**1**. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

(3) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi peruntukan yang berlainan Akta ini dan juga bagi Negeri yang berlainan atau bagi bahagiannya yang berlainan.

**Takrif**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika ada sesuatu yang tidak bersesuaian dalam perkara atau konteksnya—

(1) (*Dipotong oleh Akta A675*);

(1A) "Lembaga", kecuali dalam Bahagian V, ertinya Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial yang ditubuhkan di bawah seksyen 59B;

(1B) "anak" ertinya anak seorang orang berinsurans yang mati—

*(a)* iaitu anak yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun dan meliputi—

(i) anak yang dilahirkan selepas kematian bapanya, anak tiri tanggungan dan anak tidak sah taraf orang berinsurans; dan

(ii) anak yang diambil menjadi anak angkat oleh orang berinsurans di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau mana-mana adat atau kelaziman, apabila pengangkatan tersebut dibuktikan dengan memuaskan; dan

*(b)* iaitu anak yang, walau berapa pun umurnya, terencat mentalnya atau menjadi tidak upaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri;

(2) "caruman" ertinya jumlah wang yang kena dibayar oleh majikan utama kepada Pertubuhan bagi seorang pekerja berinsurans dan termasuklah apa-apa wang yang kena dibayar oleh atau bagi pihak pekerja mengikut peruntukan Akta ini;

(3) "orang tanggungan" ertinya mana-mana daripada saudara yang berikut bagi orang berinsurans yang mati, iaitu—

*(a)* balu, atau duda atau anak; dan

*(b)* jika tiada balu atau duda atau anak—

(i) anak perempuan, jika telah berkahwin tetapi belum dewasa, atau jika menjadi balu tetapi belum dewasa;

(ii) adik lelaki atau adik perempuan yang belum dewasa, yang belum berkahwin atau adik perempuan belum dewasa yang telah menjadi balu;

(iii) menantu perempuan yang menjadi balu;

(iv) anak yang belum dewasa kepada anak lelaki yang mati sebelum orang berinsurans mati;

(v) anak yang belum dewasa kepada anak perempuan yang mati sebelum orang berinsurans mati jika bapa anak itu sudah mati;

(vi) ibu atau bapa; atau

(vii) nenek atau datuk, jika ibu bapa orang berinsurans sudah mati:

*(c)* (*Dipotong oleh Akta A814*).

Dengan syarat bahawa Menteri boleh memberikan apa-apa arahan yang didapatinya perlu bagi mengatasi kesusahan mana-mana saudara lain bagi orang berinsurans yang mati itu termasuk duda ilat;

(4) "dilantik dengan sempurna" ertinya dilantik mengikut peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

(5) Tertakluk pada seksyen 3, "pekerja" ertinya seseorang yang diambil kerja dengan bergaji di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan dengan seorang majikan, sama ada kontrak itu nyata atau tersirat ada atau dengan lisan atau dengan bertulis, dalam

atau berhubung dengan kerja sesuatu perusahaan yang terhadapnya Akta ini terpakai dan—

(i) orang itu diambil kerja secara langsung oleh majikan utama dalam apa-apa kerja perusahaan, atau yang bersampingan dengan atau sebagai permulaan bagi atau yang berhubungan dengan kerja perusahaan, sama ada kerja itu dilakukan oleh pekerja itu di premis perusahaan itu atau di tempat lain; atau

(ii) orang itu diambil kerja oleh atau melalui seorang majikan langsung di premis perusahaan atau di bawah penyeliaan majikan utama atau ejennya dalam kerja yang biasanya adalah sebahagian daripada kerja perusahaan itu atau yang adalah permulaan bagi kerja yang dijalankan dalam atau yang bersampingan dengan maksud perusahaan itu; atau

(iii) perkhidmatan orang itu adalah dipinjamkan atau disewakan bagi sementara kepada majikan utama oleh orang yang dengannya orang yang perkhidmatannya dipinjamkan atau disewakan itu telah membuat suatu kontrak perkhidmatan;

(6) "bencana kerja" ertinya bencana pada seorang pekerja sendiri disebabkan oleh kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya dalam sesuatu perusahaan yang terhadapnya Akta ini terpakai;

(6A) "Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Keselamatan Sosial yang ditubuhkan di bawah seksyen 68;

(7) (*Dipotong oleh Akta A590*);

(7A) (*Dipotong oleh Akta A675*);

(8) "Kerajaan" ertinya Kerajaan Malaysia;

(9) “majikan langsung”, berhubung dengan pekerja yang diambil kerja oleh atau melaluinya, ertinya seseorang yang telah sanggup melaksanakan di premis tempat majikan utama menjalankan perdagangan atau perniagaan, profesion, vokasion atau pekerjaannya, atau di bawah penyeliaan majikan utama atau ejennya, kesemua atau sebahagian apa-apa kerja yang biasanya adalah sebahagian daripada kerja perdagangan atau perniagaan, profesion, vokasion atau pekerjaan majikan utama atau yang adalah permulaan bagi kerja yang dijalankan dalam, atau yang bersampingan dengan maksud, mana-mana perdagangan atau perniagaan, profesion, vokasion atau pekerjaan tersebut, dan termasuklah seseorang yang telah membuat suatu kontrak perkhidmatan dengan seorang pekerja dan meminjamkan atau menyewakan bagi sementara waktu perkhidmatan pekerja tersebut kepada majikan utama;

(10) “perusahaan” ertinya apa-apa perniagaan, perdagangan, pengusahaan, perkilangan atau pekerjaan majikan, dan termasuklah apa-apa pekerjaan, perkhidmatan, pertukangan tangan atau kerja perusahaan pekerja;

(10A) “Pemeriksa” ertinya seseorang Pemeriksa yang dilantik di bawah seksyen 12 dan termasuklah Ketua Pengarah dan tiap-tiap Timbalan Ketua Pengarah;

(11) “orang berinsurans” ertinya seorang pekerja yang mengenainya caruman adalah kena atau telah kena atau boleh kena dibayar di bawah Akta ini, walaupun perusahaan atau pekerja itu tidak didaftarkan sedemikian, asalkan perusahaan itu adalah suatu perusahaan yang baginya Akta ini terpakai;

(12) “Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;

(13) “remaja” ertinya seseorang yang umurnya belum mencapai umur dua puluh satu tahun;

(14) “bulan” ertinya sebulan yang dihitung mengikut kalendar Gregory;

(15) Ungkapan "penduduk" dan "kilang" hendaklah masing-masing mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*];

(16) "Pertubuhan" ertinya Pertubuhan Keselamatan Sosial;

(17) "hilang upaya separa yang kekal" ertinya hilang upaya yang berkekalan hingga mengurangkan upaya mencari nafkah seseorang pekerja dalam tiap-tiap pekerjaan yang sanggup dijalankannya pada masa kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya itu:

Dengan syarat bahawa tiap-tiap bencana yang dinyatakan dalam Bahagian II dalam Jadual Kedua hendaklah disifatkan sebagai mengakibatkan hilang upaya separa yang kekal;

(18) "hilang upaya langsung yang kekal" ertinya apa-apa hilang upaya yang berkekalan hingga menghilangkan upaya seseorang pekerja untuk menjalankan segala kerja yang boleh dijalankannya pada masa kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya itu:

Dengan syarat bahawa hilang upaya langsung yang kekal hendaklah disifatkan sebagai diakibatkan oleh tiap-tiap bencana yang dinyatakan dalam Bahagian I dalam Jadual Kedua atau oleh campuran bencana yang dinyatakan dalam Bahagian II dalam Jadual itu jika kesemua peratus kehilangan upaya mencari nafkah, sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II tersebut bersetentangan dengan bencana itu, berjumlah seratus peratus atau lebih;

(19) "majikan utama" ertinya pemunya sesuatu perusahaan atau orang yang dengannya seseorang pekerja telah membuat suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan dan termasuklah—

*(a)* pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab membayar gaji seseorang pekerja;

*(b)* penduduk sesuatu kilang;

*(c)* wakil yang sah di sisi undang-undang bagi pemunya atau penduduk yang mati;

*(d)* mana-mana kerajaan dalam Malaysia, jabatan mana-mana kerajaan itu, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun dan, jika seseorang pekerja diambil kerja dengan mana-mana kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan tersebut atau dengan mana-mana pegawai bagi pihak mana-mana kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan tersebut, pegawai yang di bawahnya pekerja itu bekerja:

Dengan syarat bahawa tiada seseorang pegawai tersebut boleh bertanggungan sendiri di bawah Akta ini bagi apa-apa perkara yang dilakukan atau tidak dilakukan dengan suci hati olehnya sebagai seorang pegawai majikan itu;

(20) "peraturan" ertinya sesuatu peraturan yang dibuat oleh Menteri;

(21) (*Dipotong oleh Akta A450*);

(22) "Jadual" ertinya sesuatu Jadual kepada Akta ini;

(23) "hilang upaya sementara" ertinya suatu keadaan yang diakibatkan oleh suatu bencana kerja yang memerlukan rawatan doktor dan menyebabkan seseorang pekerja, sebagai akibat bencana itu, tidak dapat buat sementara membuat kerja yang dibuat olehnya sebelum atau pada masa bencana itu;

(24) "gaji" ertinya semua saraan yang kena dibayar dengan wang oleh majikan kepada pekerja termasuk apa-apa bayaran berkenaan dengan cuti, kelepasan, lebih masa, dan kerja tambahan pada hari kelepasan tetapi tidak termasuk—

*(a)* apa-apa caruman yang kena dibayar oleh majikan utama atau majikan langsung kepada mana-mana kumpulan wang pencen atau kumpulan wang simpanan, atau di bawah Akta ini;

*(b)* apa-apa elaun perjalanan atau nilai apa-apa konsesi perjalanan;

*(c)* apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada pekerja untuk membayar belanja khas yang dilakukan hasil daripada pekerjaannya;

*(d)* apa-apa ganjaran yang kena dibayar apabila berhenti kerja atau bersara;

*(e)* bonus tahunan;

*(f)* apa-apa saraan lain yang ditetapkan.

## BAHAGIAN II

## INSURANS DAN CARUMAN

**Pemakaian**

**3.** (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi semua perusahaan yang mempunyai seorang pekerja atau lebih.

(2) Dalam seksyen ini, "pekerja" meliputi mana-mana pekerja yang digaji oleh majikan langsung.

(3) Akta ini tidak terpakai bagi orang yang diperihalkan dalam Jadual Pertama.

(4) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama.

**Pendaftaran perusahaan**

**4.** Tiap-tiap perusahaan yang terhadapnya Akta ini terpakai hendaklah didaftarkan dengan Pertubuhan dalam masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan.

**Semua pekerja hendaklah diinsuranskan**

**5.** (1) Tertakluk pada Akta ini, semua pekerja dalam perusahaan yang terhadapnya Akta ini terpakai tanpa mengira amaun gaji hendaklah diinsuranskan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika gaji seseorang pekerja pada bila-bila masa melebihi empat ribu ringgit sebulan, gajinya hendaklah bagi maksud Akta ini disifatkan sebagai empat ribu ringgit sebulan.

**Caruman**

**6.** (1) Caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini bagi seseorang pekerja adalah terdiri daripada caruman yang kena dibayar oleh majikan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai caruman majikan) dan caruman yang kena dibayar oleh pekerja (kemudian daripada ini dirujuk sebagai caruman pekerja) dan hendaklah dibayar kepada Pertubuhan.

(2) Caruman itu hendaklah dibahagi kepada dua jenis yang berikut, iaitu:

*(a)* caruman jenis pertama, yang merupakan caruman yang kena dibayar oleh atau bagi pihak pekerja yang diinsuranskan terhadap kontingensi keilatan dan bencana kerja; dan

*(b)* caruman jenis kedua, yang merupakan caruman yang kena dibayar oleh atau bagi pihak pekerja yang diinsuranskan hanya terhadap kontingensi bencana kerja.

(3) Tiap-tiap jenis caruman itu hendaklah dibayar mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(4) Caruman jenis pertama hendaklah dibayar oleh majikan dan pekerja mengikut bahagiannya masing-masing sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I dalam Jadual Ketiga.

(5) Caruman jenis kedua hendaklah dibayar semuanya oleh majikan.

(6) Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, meminda, menambah, mengubah atau mengkaji semula kadar caruman yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(7) Sebulan ialah kiraan tempoh yang baginya semua caruman kena dibayar di bawah Akta ini.

(8) Caruman yang kena dibayar bagi tiap-tiap satu bulan hendaklah biasanya kena dibayar pada hari akhir bulan itu, dan jika pekerja diambil kerja dengan majikan bagi sebahagian sesuatu bulan, caruman bulan itu hendaklah kena dibayar pada hari akhir dia bekerja dengan majikan itu dalam bulan tersebut.

(9) Jika dua caruman atau lebih dibayar berkenaan dengan orang berinsurans yang sama bagi bulan yang sama, caruman-caruman itu hendaklah dikira sebagai satu caruman bulanan tunggal.

(10) Pada menghitung purata gaji anggapan bagi maksud mengira kadar pencen atau faedah yang kena dibayar di bawah Akta ini, dua caruman bulanan atau lebih yang dibayar berkenaan dengan orang berinsurans yang sama bagi bulan yang sama hendaklah dikira sebagai satu caruman bulanan tunggal yang bersamaan dengan agregat gaji bulanan anggapan yang berlainan yang dimaksudkan oleh caruman itu:

Dengan syarat bahawa jika agregat gaji bulanan anggapan yang berlainan yang bersamaan dengan caruman yang berlainan melebihi gaji bulanan anggapan yang maksimum, maka gaji bulanan anggapan hendaklah gaji bulanan yang maksimum itu.

**Majikan utama hendaklah mendahulukan pembayaran caruman**

**7.** (1) Majikan utama hendaklah membayar caruman majikan dan caruman pekerja kedua-duanya bagi tiap-tiap seorang pekerja sama

ada yang diambil kerja terus olehnya atau melalui seorang majikan langsung.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain tetapi tertakluk pada Akta ini dan peraturan-peraturan, jika ada, majikan utama adalah, mengenai seseorang pekerja yang diambil kerja terus olehnya, berhak mendapatkan daripada pekerja itu caruman pekerja dengan memotong daripada gajinya tetapi tidak dengan cara lain:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa potongan sedemikian boleh dibuat daripada mana-mana gaji kecuali gaji yang bersabit dengan tempoh atau bahagian tempoh yang mengenainya caruman kena dibayar, atau yang lebih daripada caruman pekerja bagi tempoh itu.

(3) Walau apa pun apa-apa kontrak yang berlawanan, majikan utama atau majikan langsung tidak berhak memotong caruman majikan daripada mana-mana gaji yang kena dibayar kepada seseorang pekerja atau mendapatkan caruman itu daripadanya dengan apa-apa cara lain.

(4) Apa-apa jumlah wang yang dipotong oleh majikan utama daripada gaji di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah diamanahkan kepadanya oleh pekerja bagi maksud membayar caruman yang kerananya wang itu telah dipotong.

**Mendapatkan balik caruman daripada majikan langsung**

**8.** (1) Seseorang majikan utama, yang telah membayar caruman bagi seseorang pekerja yang diambil kerja olehnya atau melalui seorang majikan langsung, adalah berhak mendapatkan balik wang caruman yang telah dibayar itu (iaitu caruman majikan serta jua caruman pekerja, jika ada) daripada majikan langsung, sama ada dengan memotong wang itu daripada apa-apa wang yang kena dibayar kepadanya oleh majikan utama di bawah apa-apa kontrak, atau sebagai suatu hutang yang kena dibayar oleh majikan langsung itu.

(2) Dalam hal yang dirujuk dalam subseksyen (1), majikan langsung adalah berhak mendapatkan balik caruman pekerja daripada pekerja yang diambil kerja olehnya atau melaluinya dengan memotong daripada gaji dan tidak dengan apa-apa cara lain, tertakluk pada subseksyen 7(2).

**Peruntukan am tentang pembayaran caruman**

**9.** (1) Caruman (iaitu caruman majikan dan caruman pekerja) hendaklah dibayar oleh majikan utama bagi tiap-tiap bulan yang bagi keseluruhan atau sebahagiannya gaji kena dibayar kepada pekerja dan tidak bagi mana-mana bulan atau bahagian bulan yang lain.

(2) (*Dipotong oleh Akta A675*).

**Caruman jika perusahaan atau pekerja tidak diinsuranskan atau didaftarkan**

**9A.** Caruman hendaklah kena dibayar berkenaan dengan pekerja mulai dari bulan mereka memasuki pekerjaan dan caruman itu kena dibayar walaupun perusahaan yang baginya Akta ini terpakai atau pekerja atau kedua-duanya tidak diinsuranskan atau didaftarkan dengan Pertubuhan:

Dengan syarat bahawa majikan yang telah membayar tunggakan caruman berkenaan dengan seseorang pekerja akan hanya berhak mendapat balik daripada gaji yang kena dibayar walau apa pun proviso kepada subseksyen 7(2) bahagian caruman pekerja yang kena dibayar dalam masa enam bulan terdahulu yang akhir sebelum tarikh pembayaran.

**Pengesahan caruman yang dipungut**

**9B.** Apa-apa caruman yang dipungut oleh Pertubuhan bagi seseorang pekerja yang tidak didaftarkan bagi maksud insurans di bawah Akta ini bagi apa-apa tempoh sebelum 1 Julai 1987 adalah dengan ini

disahkan dan diisytiharkan sebagai telah dipungut secara sah di sisi undang-undang.

**Cara membayar caruman**

**10.** Tertakluk pada Akta ini, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi apa-apa perkara yang berhubungan atau bersampingan dengan pembayaran dan pemungutan caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini dan dengan tidak menyentuh keluasan kuasa yang tersebut di atas peraturan-peraturan itu boleh membuat peruntukan tentang—

*(a)* cara dan masa pembayaran caruman;

*(b)* pembayaran caruman sama ada dengan wang tunai atau cek atau apa-apa cara pembayaran yang lain;

*(c)* tarikh sehingga bila keterangan mengenai caruman yang telah dibayar akan diterima oleh Pertubuhan;

*(d)* catatan dengan cara yang diluluskan butiran dalam atau pada buku, borang mengenai caruman yang dibayar dan faedah yang dibahagikan mengenai orang berinsurans yang berkaitan dengan buku atau borang itu; dan

*(e)* pengeluaran, penjualan, penyimpanan, pengemukaan, pemeriksaan dan penyerahan bahan, buku, atau borang atau penggantian bahan, buku atau borang yang telah hilang, binasa atau cacat.

**Majikan hendaklah memberikan penyata dan menyenggarakan daftar dalam hal tertentu**

**11.** (1) Tiap-tiap majikan utama dan majikan langsung hendaklah menyampaikan kepada Pertubuhan atau kepada mana-mana pegawai Pertubuhan sebagaimana yang diarahkan oleh Pertubuhan apa-apa penyata mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir

sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat bagi maksud ini yang berhubungan dengan orang yang diambil kerja olehnya atau berkenaan dengan mana-mana perusahaan yang mengenainya dia adalah majikan utama atau majikan langsungnya.

(2) Jika, mengenai sesuatu perusahaan, Pertubuhan ada sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu penyata sepatutnya telah disampaikan menurut subseksyen (1) tetapi tidak disampaikan, Pertubuhan boleh menghendaki sesiapa yang mengetuai perusahaan itu memberikan apa-apa butir yang pada pendapatnya adalah perlu bagi maksud membolehkan Pertubuhan memutuskan sama ada perusahaan itu adalah suatu perusahaan yang mengenainya Akta ini terpakai.

(3) Tiap-tiap majikan utama dan majikan langsung hendaklah menyenggarakan daftar atau rekod mengenai perusahaannya sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan yang dibuat bagi maksud ini.

**Pemeriksa, fungsi dan kewajipan mereka**

**12.** (1) Menteri boleh melantik sesiapa yang difikir patut sebagai Pemeriksa, bagi maksud Akta ini.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), seseorang Pemeriksa yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai semua kuasa, fungsi dan kewajipan yang diberikan di bawah Akta ini.

(3) Seseorang Pemeriksa hendaklah tertakluk pada arahan dan kawalan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai atau pekhidmat lain Pertubuhan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihak Ketua Pengarah, dan mana-mana Pemeriksa lain yang berpangkat lebih tinggi daripada Pemeriksa itu, dan hendaklah menjalankan kuasanya, melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya di bawah Akta ini dengan mematuhi segala arahan, petunjuk, syarat, sekatan atau batasan sebagaimana yang ditentukan secara lisan atau bertulis, sama ada secara am, atau dalam mana-mana hal atau keadaan tertentu, oleh Ketua Pengarah, atau seseorang pegawai atau pekhidmat Pertubuhan yang diberi kuasa untuk bertindak

bagi pihak Ketua Pengarah, atau mana-mana Pemeriksa lain yang berpangkat lebih tinggi daripada Pemeriksa itu.

(4) Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah mempunyai semua kuasa seseorang Pemeriksa.

**Kuasa untuk memeriksa dan menggeledah**

**12A.** Tertakluk pada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 105, seseorang Pemeriksa boleh pada bila-bila masa yang munasabah—

*(a)* membuat apa-apa pemeriksaan dan siasatan sebagaimana yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya sedang atau telah dipatuhi;

*(b)* pada bila-bila masa yang munasabah memasuki mana-mana premis atau tempat yang diduduki oleh mana-mana majikan utama atau majikan langsung bagi maksud pemeriksaan dan siasatan sedemikian;

*(c)* memeriksa majikan utama atau majikan langsung atau ejen atau pekhidmatnya atau mana-mana orang yang dijumpai di premis atau tempat itu atau mana-mana orang yang Pemeriksa ada sebab yang munasabah bagi mempercayai merupakan seorang pekerja atau pernah menjadi seorang pekerja;

*(d)* membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana daftar, buku atau dokumen lain yang disimpan di premis atau tempat itu; dan

*(e)* menjalankan apa-apa kuasa lain sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan Akta ini.

**Halangan terhadap penjalanan kuasa oleh Pemeriksa**

**12B.** (1) Tiada seorang pun boleh—

*(a)* enggan memberi mana-mana Pemeriksa yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 12A akses kepada mana-mana premis atau tempat atau mana-mana bahagian premis atau tempat itu;

*(b)* mengamang, menghalang, menggalang atau melengahkan Pemeriksa itu masuk yang berhak dilakukan olehnya;

*(c)* tidak mematuhi apa-apa permintaan Pemeriksa yang sah di sisi undang-undang dalam melaksanakan kuasanya di bawah seksyen 12A;

*(d)* enggan memberi Pemeriksa apa-apa maklumat yang secara munasabahnya dikehendaki daripada orang itu;

*(e)* tidak mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba untuk menyembunyikan daripada, seseorang Pemeriksa, apa-apa harta, buku atau dokumen lain termasuk rekod elektronik yang berhubung dengannya Pemeriksa mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan telah atau sedang dilakukan di bawah Akta ini; atau

*(f)* memberi Pemeriksa sebagai benar maklumat yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk percaya adalah palsu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa untuk memeriksa orang**

**12C.** (1) Seseorang Pemeriksa yang membuat apa-apa pemeriksaan atau siasatan di bawah seksyen 12A boleh memeriksa secara lisan

mana-mana orang yang dia percaya tahu tentang fakta dan hal keadaan kes itu dan boleh bagi maksud itu memanggil mana-mana orang sedemikian hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam saman itu.

(2) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh Pemeriksa yang membuat pemeriksaan, tetapi orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang mempunyai kecenderungan untuk mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat pada keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan.

(4) Seseorang Pemeriksa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu tentang subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bila mana mungkin, diambil secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuat olehnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

**Menetapkan caruman dalam hal tertentu**

**13.** (1) Seseorang Pemeriksa boleh menaksirkan apa-apa caruman yang kena dibayar oleh mana-mana majikan utama atau langsung berdasarkan apa-apa maklumat yang ada, jika majikan itu—

*(a)* tidak menyimpan atau menyenggarakan apa-apa penyata, butiran, buku daftar atau apa-apa rekod

berkaitan dengan setiap pekerja sebagaimana yang dikehendaki supaya disimpan atau disenggarakan olehnya di bawah Akta ini; atau

*(b)* tidak atau enggan mengemukakan apa-apa penyata, butiran, buku daftar atau rekod berkaitan dengan setiap pekerja sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta ini.

(2) Taksiran yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi bukti yang mencukupi tentang tuntutan Pertubuhan untuk mendapatkan balik apa-apa caruman di bawah seksyen 84 atau untuk mendapatkan amaun yang ditetapkan melalui taksiran itu sebagai hutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan di bawah seksyen 14.

(3) Apa-apa taksiran yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disampaikan sama ada sendiri atau melalui pos berdaftar.

**Kuasa Ketua Pengarah meminta maklumat dan permohonan bagi waran geledah**

**13A.** (1) Bagi maksud mendapatkan maklumat yang lengkap untuk menentukan sama ada mana-mana orang bertanggungan untuk membayar caruman di bawah Akta ini, Ketua Pengarah atau mana-mana Pemeriksa yang dilantik oleh Ketua Pengarah bagi maksud itu boleh melalui notis secara bertulis menghendaki mana-mana orang—

*(a)* mengemukakan kepada Ketua Pengarah atau Pemeriksa itu dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu apa-apa maklumat atau butir sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu; atau

*(b)* hadir sendiri di hadapan Ketua Pengarah atau Pemeriksa itu dan mengemukakan untuk diperiksa semua buku, rekod dan dokumen lain termasuk rekod elektronik yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah atau Pemeriksa itu; atau

*(c)* mengemukakan maklumat atau butir mengikut perenggan *(a)* dan juga hadir mengikut perenggan *(b)*.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika didapati oleh mana-mana Majistret, berdasarkan maklumat bertulis yang dibuat secara bersumpah, dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa terdapat di mana-mana premis tertentu apa-apa buku, akaun, rekod (termasuk rekod elektronik) atau dokumen lain, yang pengemukaannya telah dikehendaki menurut subseksyen (1) dan yang tidak dikemukakan bagi mematuhi kehendak itu, maka Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang dinamakan di dalamnya, dengan atau tanpa pembantu—

*(a)* untuk menggeledah premis itu dan memecah buka dan menggeledah apa-apa almari, laci, almari berlaci, peti, kotak, bungkusan atau bekas lain, sama ada suatu lekapan atau tidak, dalam premis itu; dan

*(b)* untuk mengambil milik, atau melindungi daripada gangguan, apa-apa buku, akaun, rekod (termasuk rekod elektronik) atau dokumen lain yang tampak sebagai buku, akaun, rekod atau dokumen lain yang pengemukaannya dikehendaki sedemikian.

**Menuntut caruman**

**14.** Apa-apa caruman atau bunga yang kena dibayar di bawah Akta ini boleh dituntut sebagai hutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan.

**Bunga atas caruman tertunggak**

**14A.** Jika amaun caruman bulanan atau sebahagian daripada apa-apa caruman bulanan yang kena dibayar oleh majikan di bawah seksyen 6 tidak dibayar dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan, majikan hendaklah bertanggungan untuk membayar bunga yang hendaklah dikreditkan kepada Pertubuhan atas apa-apa amaun pada apa-apa kadar yang boleh ditetapkan melalui peraturan-peraturan berkenaan dengan apa-apa tempoh yang amaun itu masih tidak dibayar.

BAHAGIAN III

FAEDAH

**Faedah**

**15.** Tertakluk pada Akta ini, orang berinsurans, orang tanggungan mereka atau orang yang disebut di bawah ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah berhak kepada faedah yang berikut, iaitu:

*(a)* bayaran berkala kepada seseorang berinsurans sekiranya berlaku keilatan yang diperakui oleh suatu jemaah doktor yang dilantik dengan sempurnanya atau oleh suatu pihak berkuasa yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan bagi maksud ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai pencen ilat);

*(b)* bayaran berkala kepada seseorang berinsurans yang mengidap hilang upaya akibat bencana kerja yang berlaku ke atasnya tatkala menjadi seorang pekerja mengikut Akta ini dan diperakui sebagai layak mendapat bayaran itu oleh suatu pihak berkuasa yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan bagi maksud ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai faedah hilang upaya);

*(c)* bayaran berkala kepada mana-mana orang tanggungan seseorang berinsurans yang mati akibat bencana kerja yang

berlaku ke atasnya tatkala menjadi seorang pekerja mengikut Akta ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai faedah orang tanggungan);

*(d)* bayaran bagi faedah atau belanja pengurusan mayat mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada orang yang disebut dalam seksyen 29 atas kematian seorang orang berinsurans akibat bencana kerja yang berlaku ke atasnya tatkala menjadi seorang pekerja di bawah Akta ini atau dalam masa dia menerima faedah hilang upaya di bawah Akta ini, atau seseorang orang berinsurans yang mengidap keilatan dalam masa dia menerima pencen ilat di bawah Akta ini, atau seseorang orang berinsurans yang belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau tempoh kelayakan yang dikurangkan yang disebut dalam subseksyen 29(3) dan (4) (kemudian daripada ini disebut faedah pengurusan mayat);

*(e)* bayaran berkala kepada seseorang berinsurans yang menerima pencen ilat atau faedah hilang upaya jika dan selagi dia tidak berdaya atau tidak berupaya hingga sentiasa memerlukan layanan tersendiri oleh seorang lain (kemudian daripada ini dirujuk sebagai elaun layanan sentiasa):

Dengan syarat bahawa ukuran peringkat hilang upaya yang melayakkan seseorang ilat atau seorang berinsurans yang hilang upaya itu mendapat elaun layanan sentiasa hendaklah disahkan oleh suatu jemaah doktor yang dilantik dengan sempurnanya atau oleh jemaah doktor rayuan atau mana-mana pihak berkuasa lain yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan bagi maksud ini, mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan;

*(f)* rawatan doktor dan layanan terhadap orang berinsurans yang mengidap hilang upaya akibat bencana kerja yang berlaku ke atasnya tatkala menjadi seorang pekerja mengikut Akta ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai faedah perubatan);

*(g)* bayaran berkala kepada orang tanggungan bagi seseorang orang berinsurans yang telah mati semasa dia masih menerima pencen ilat, atau orang berinsurans yang belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau tempoh kelayakan yang dikurangkan bagi pencen penakat yang disebut dalam subseksyen 17A(2) dan (3) (kemudian daripada ini disebut pencen penakat.

**Bila orang dianggap mengidap keilatan**

**16.** (1) Seseorang berinsurans hendaklah dianggap sebagai mengidap keilatan, jika, oleh sebab sesuatu keadaan uzur tertentu yang berkekalan, dia tidak berupaya mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang mendatangkan keuntungan yang bermakna.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

*(a)* sesuatu keadaan uzur hendaklah disifatkan sebagai berkekalan jika keuzuran itu sama ada tidak boleh diubati atau tidak mungkin boleh diubati;

*(b)* seseorang itu hendaklah disifatkan sebagai tidak berupaya mengambil bahagian dalam kegiatan yang mendatangkan keuntungan yang bermakna, jika oleh sebab keadaan uzur tertentunya kerana sakit atau kelemahan itu dia tidak lagi berupaya mencari nafkah, dengan kerja yang berpadanan dengan kekuatan dan tenaganya, yang, dengan memandang kepada latihan dan pekerjaannya yang dahulu, boleh dengan berpatutan diberikan kepadanya di tempat kerjanya atau di sesuatu tempat seumpama itu di kawasan yang berdekatan atau di daerah yang sama, sebanyak satu pertiga daripada pendapatan yang biasa bagi seseorang yang sempurna akal dan sihat tubuh badannya yang mempunyai kelulusan dan latihan yang sepertinya;

*(c)* pada menentukan sama ada pihak menuntut mengidap keilatan, pertimbangan hendaklah diberikan tentang apa-apa kepulihan kekal mengenai keadaan keilatannya yang terhasil atau dijangka terhasil daripada apa-apa langkah pemulihan tenaga atau vokasional yang mungkin diberikan kepadanya dengan percuma oleh Pertubuhan.

**Bila orang berinsurans layak mendapat pencen ilat**

**17.** (1) Tertakluk pada Akta ini, seseorang yang mengidap keilatan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 16 adalah, melainkan jika dia telah mencapai umur *enam puluh tahun, berhak menerima pencen ilat jika dia telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau suatu tempoh kelayakan yang dikurangkan.

(2) Seseorang hendaklah disifatkan sebagai telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan di bawah subseksyen (1) jika—

(i) caruman bulanan telah dibayar mengenainya selama tidak kurang daripada dua puluh empat bulan dalam tempoh empat puluh bulan berturut-turut yang akhir sebelum bulan dia mengemukakan notis ilat mengikut peruntukan peraturan-peraturan; atau

(ii) caruman bulanan telah dibayar mengenainya selama tidak kurang daripada dua pertiga daripada bilangan bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh apabila caruman mula-mula menjadi kena dibayar olehnya di bawah Akta ini dengan bulan sebaik sebelum bulan dia mengemukakan notis ilat mengikut peruntukan peraturan-peraturan, dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang dibayar dalam tempoh yang tersebut di atas hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat.

(3) Seseorang hendaklah disifatkan sebagai telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan yang dikurangkan di bawah subseksyen

---

**CATATAN—lihat* seksyen 12 Akta A1445 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

(1) jika caruman bulanan telah dibayar mengenainya selama tidak kurang daripada satu pertiga daripada bilangan bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh apabila caruman mula-mula menjadi kena dibayar olehnya di bawah Akta ini dengan bulan sebaik sebelum bulan dia mengemukakan notis ilat mengikut peraturan-peraturan dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang dibayar dalam tempoh yang tersebut di atas hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat.

(3A) Jika orang berinsurans gagal menggenapkan tempoh kelayakan di bawah subseksyen (2) atau (3) dan Pertubuhan berpuas hati bahawa kegagalan itu bukanlah disebabkan oleh apa-apa kesilapan orang berinsurans itu atau adalah disebabkan oleh kejahilan orang berinsurans itu, Pertubuhan boleh menganggap bahawa tempoh kelayakan itu telah digenapkan oleh orang berinsurans itu jika jemaah doktor, yang ditubuhkan menurut seksyen 32, yang kepadanya perkara itu dirujukkan oleh Pertubuhan menentukan bahawa keilatan orang berinsurans itu telah bermula sebelum tarikh notis keilatan diterima oleh Pertubuhan mengikut peraturan-peraturan.

(3B) Jika Pertubuhan telah menganggap bahawa tempoh kelayakan telah digenapkan oleh orang berinsurans di bawah subseksyen (3A), maka tarikh orang berinsurans itu mengemukakan notis keilatannya hendaklah disifatkan sebagai tarikh keilatannya bermula.

(3C) Walau apa pun subseksyen (2) dan (3), Pertubuhan mempunyai budi bicara untuk membenarkan tempoh kredit diambil kira bagi maksud menentukan genapnya tempoh kelayakan orang berinsurans, dan bulan-bulan dalam tempoh kredit yang baginya caruman kena dibayar hendaklah dimasukkan bagi maksud pengiraan jumlah bulan bagi maksud subseksyen itu.

(3D) Istilah “tempoh kredit” dalam subseksyen (3C) ertinya tempoh orang berinsurans menerima faedah hilang upaya sementara dan majikan tidak membayar apa-apa gaji kepada orang berinsurans itu.

(4) Jika selepas notis ilat daripada seseorang berinsurans ditolak oleh sebab dia belum genap mana-mana satu daripada tempoh kelayakan itu, suatu notis ilat baru diterima daripadanya, tarikh notis

ilat yang baru itu hendaklah disifatkan, bagi maksud subseksyen (2) dan (3), sebagai tarikh dia mengemukakan suatu notis ilat.

(5) (*Dipotong oleh Akta A450*).

**Syarat kelayakan bagi pencen penakat**

**17A.** (1) Tertakluk pada Akta ini, pencen penakat hendaklah kena dibayar apabila genap tempoh kelayakan atau tempoh kelayakan yang dikurangkan.

(2) Seseorang orang berinsurans yang mati hendaklah disifatkan telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan di bawah subseksyen (1) jika—

*(a)* caruman bulanan telah dibayar berkenaan dengannya bagi tidak kurang daripada dua puluh empat bulan dalam tempoh empat puluh bulan berturut-turut sebelum bulan kematiannya; atau

*(b)* caruman bulanan telah dibayar berkenaan dengannya bagi tidak kurang daripada dua pertiga bilangan bulan-bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh apabila caruman mula-mula menjadi kena dibayar olehnya di bawah Akta ini dengan tarikh kematiannya, dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang telah dibayar dalam tempoh yang tersebut di atas hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat.

(3) Seseorang orang berinsurans yang mati hendaklah disifatkan telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan yang dikurangkan di bawah subseksyen (1) jika caruman bulanan telah dibayar berkenaan dengannya bagi tidak kurang daripada satu pertiga bilangan bulan-bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh apabila caruman mula-mula menjadi kena dibayar olehnya di bawah Akta ini dengan tarikh kematiannya, dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang telah dibayar dalam tempoh yang tersebut di atas hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat.

**18.** (*Dipotong oleh Akta A814*).

**Pembayaran pencen ilat**

**19.** (1) Pencen ilat hendaklah terakru mulai dari hari orang berinsurans itu memberikan notis keilatan mengikut peraturan-peraturan dan hendaklah terhenti pada hari berikutan hari keilatannya terhenti atau pada hari pesara itu mati.

(2) Bagi maksud seksyen ini, kadar harian pencen ilat hendaklah merupakan amaun kadar bulanan pencen ilat yang dibayar atau kena dibayar kepada orang berinsurans, dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan pencen itu terakru atau keilatan itu terhenti atau pesara itu mati.

**Pencen ilat**

**20.** (1) Tertakluk pada seksyen 19, kadar pencen hendaklah seperti yang berikut:

*(a)* bagi seseorang berinsurans yang telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan di bawah subseksyen 17(2), pencen pokok bulanan sebanyak lima puluh peratus gaji bulanan puratanya, ditambah dengan 1 peratus gaji bulanan purata bagi tiap-tiap dua belas caruman bulanan yang dibayar melebihi dua puluh empat bulan yang pertama, baginya dalam tempoh antara tarikh apabila caruman mula-mula menjadi kena dibayar olehnya di bawah Akta ini dan tarikh dia mengemukakan notis ilat mengikut peraturan-peraturan:

Dengan syarat bahawa kadar pencen bulanan, sebagaimana yang ditambah sedemikian itu, tidak boleh, walau bagaimanapun, lebih daripada 65 peratus daripada gaji bulanan purata;

(*b*) bagi seseorang berinsurans yang telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan yang dikurangkan di bawah subseksyen 17(3), pencen pokok bulanan sebanyak lima puluh peratus daripada gaji bulanan puratanya.

(2) (*a*) Istilah "gaji bulanan purata", di mana didapati dalam seksyen ini, merujuk kepada gaji bulanan purata anggapan yang bersamaan dengan dua puluh empat caruman bulanan yang akhir bagi orang berinsurans, yang telah dibayar sebelum sahaja bulan dia mengemukakan suatu notis ilat mengikut peraturan-peraturan:

Dengan syarat bahawa gaji bulanan purata minimum ialah tiga ratus empat puluh dua ringgit dan lapan puluh enam sen tertakluk pada apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan.

(*b*) Gaji bulanan anggapan yang bersepadanan dengan caruman bulanan hendaklah disifatkan sebagai yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(*c*) (*Dipotong oleh Akta A450*).

**Pencen penakat**

**20A.** (1) Jika seseorang orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat, atau jika seseorang orang berinsurans yang belum mencapai umur *enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau tempoh kelayakan yang dikurangkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 17A, mati, maka pencen penakat mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan kenalah dibayar—

(*a*) kepada balu atau duda selama hayat, dan jika ada dua orang balu atau lebih, bahagian pencen penakat bagi balu itu yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan

* *CATATAN—lihat* seksyen 12 Akta A1445 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

hendaklah dibahagi-bahagikan sama banyaknya antara balu-balu itu:

Dengan syarat bahawa jika seseorang balu atau duda layak mendapat lebih daripada satu pencen penakat, balu ataumduda itu hendaklah dibayar satu pencen sahaja, iaitu pencen yang kadarnya lebih tinggi;

*(b)* kepada tiap-tiap orang anak sehingga dia berkahwin atau sehingga dia mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal:

Dengan syarat bahawa dalam hal seseorang anak yang disebut dalam perenggan *(b)* takrif "anak" dalam seksyen 2, pencen penakat hendaklah terus dibayar selagi dia tidak berupaya menanggung dirinya sendiri:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pertubuhan boleh meneruskan pencen tersebut kepada seseorang anak yang menerima pelajaran dalam mana-mana institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melebihi ijazah pertama sehingga dia tamat atau berhenti menerima pelajaran tersebut atau sehingga dia berkahwin, mengikut mana-mana yang lebih awal.

*(c)* (*Dipotong oleh Akta A675*).

(2) Jika seseorang orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat, atau jika seseorang orang berinsurans yang belum mencapai umur *enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau tempoh kelayakan yang dikurangkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 17A, mati dan tidak meninggalkan balu, atau duda yang sepenuhnya atau sebahagian besarnya bergantung pada pendapatan orang berinsurans itu pada masa kematiannya, atau anak, pencen penakat hendaklah kena dibayar kepada ibu yang menjadi balu dan orang tanggungan lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan *(b)* takrif "orang

---

* *CATATAN—lihat* seksyen 12 Akta A1445 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

tanggungan" dalam seksyen 2, mengikut kadar dan selama tempoh yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan.

(3) Pencen penakat adalah terakru dari tarikh kematian orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat atau orang berinsurans yang belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau tempoh kelayakan yang dikurangkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 17A:

Dengan syarat bahawa jika faedah hilang upaya telah kena dibayar kepada orang berinsurans yang telah mati pada tarikh kematian, maka tarikh akruan pencen penakat hendaklah tarikh berikutan tarikh kematian.

**20B.** (*Dipotong oleh Akta A1232*).

**Bantuan ilat**

**21.** (1) Seseorang yang diperakui sebagai ilat, jika dia tidak dapat memenuhi syarat mana-mana tempoh kelayakan yang dinyatakan dalam seksyen 17, adalah berhak mendapat bantuan ilat yang sama banyaknya dengan caruman yang telah dibayar berkenaan dengannya berserta dengan faedahnya mengikut kadar yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan.

(2) Pihak menuntut itu tidak berhak mendapat bantuan ilat melainkan jika dia telah membayar dua belas caruman bulanan semenjak caruman mula-mula menjadi kena dibayar olehnya di bawah Akta ini.

(3) Bantuan ilat di bawah seksyen ini biasanya dibayar hanya apabila orang itu telah mencapai umur enam puluh tahun atau mati sebelum mencapai umur itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), bantuan ilat di bawah Akta ini boleh, mengikut opsyen orang yang berkenaan itu, diberikan pada masa keilatan disahkan sebagai wujud:

Dengan syarat bahawa caruman yang dipulangkan balik itu hendaklah tidak dikira bagi maksud menentukan pada bila-bila masa yang akan datang hak orang itu untuk mendapat pencen.

**Faedah hilang upaya**

**22.** Tertakluk pada Akta ini dan peraturan jika ada—

*(a)* seseorang yang mengidap hilang upaya sementara adalah berhak mendapat bayaran berkala bagi tempoh hilang upaya itu mengikut Jadual Keempat:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa faedah hilang upaya sementara boleh dibayar melainkan jika hilang upaya itu terus berlaku selama tempoh sekurang-kurangnya empat hari termasuk hari kemalangan:

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud seksyen ini dan sama ada atau tidak orang yang mengidap bencana kerja itu dibayar gaji pada hari bencana kerja, mulanya penghitungan tempoh empat hari hendaklah bermula dari hari berlakunya bencana kerja;

*(b)* seseorang yang mengidap hilang upaya kekal, sama ada hilang upaya langsung atau separa, adalah berhak mendapat bayaran berkala bagi hilang upaya itu mengikut Jadual Keempat:

Dengan syarat bahawa jika hilang upaya kekal, sama ada hilang upaya langsung atau separa, telah ditaksir bagi sementara selama suatu tempoh yang terhad atau dengan muktamad, maka faedah yang diperuntukkan di bawah perenggan ini hendaklah dibayar bagi tempoh terhad itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, selama hayat.

**Anggapan tentang kemalangan yang terbit dalam masa pekerjaan**

**23.** Bagi maksud Akta ini, sesuatu kemalangan yang terbit dalam masa pekerjaan seseorang berinsurans hendaklah dianggap, jika sekiranya tiada apa-apa keterangan yang berlawanan, sebagai telah terbit daripada pekerjaan itu.

**Kemalangan semasa dalam perjalanan**

**24.** (1) Sesuatu kemalangan yang berlaku kepada seseorang orang berinsurans hendaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya jika kemalangan itu berlaku semasa orang berinsurans itu—

*(a)* dalam perjalanan mengikut laluan di antara tempat kediamannya atau tempat tinggalnya dengan tempat kerjanya;

*(b)* dalam perjalanan yang dibuat bagi apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan penggajiannya; atau

*(c)* dalam perjalanan di antara tempat kerjanya dengan tempat dia pergi makan dalam masa rehat yang dibenarkan.

(2) Jika kemalangan di bawah subseksyen (1) berlaku dalam masa apa-apa perhentian, atau apa-apa lencongan, perjalanan orang berinsurans itu yang dibuat bagi mana-mana maksud yang dinyatakan dalam subseksyen yang sama, kemalangan itu tidaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya.

**Kemalangan berlaku tatkala menghadapi kecemasan**

**25.** Sesuatu kemalangan yang berlaku atas seseorang berinsurans dalam atau berdekatan dengan mana-mana premis tempat dia pada masa itu diambil kerja bagi maksud perdagangan atau perniagaan, profesion, vokasion atau pekerjaan majikannya, hendaklah disifatkan sebagai terbit daripada atau dalam masa pekerjaannya, jika

kemalangan itu berlaku tatkala dia menjalankan langkah-langkah, pada waktu sesuatu kecemasan yang sebenar atau keadaan yang berupa kecemasan di premis itu, bagi menyelamatkan, membantu atau melindungi orang yang mendapat bencana atau bahaya atau yang difikirkan sebagai atau yang mungkin mendapat bencana atau bahaya atau bagi mengelakkan atau mengurangkan kerosakan harta.

**Faedah orang tanggungan**

**26.** (1) Jika seseorang orang berinsurans mati akibat sesuatu bencana kerja yang berlaku ke atasnya tatkala menjadi seorang pekerja mengikut Akta ini (sama ada atau tidak dia menerima apa-apa bayaran berkala kerana hilang upaya sementara mengenai bencana itu) maka faedah orang tanggungan mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Keempat hendaklah dibayar kepada orang tanggungannya seperti yang berikut:

*(a)* kepada balu atau duda selama hayat, dan, jika ada dua orang balu atau lebih, bahagian faedah orang tanggungan bagi balu itu yang dinyatakan dalam Jadual Keempat hendaklah dibahagi-bahagikan sama banyaknya antara balu-balu itu:

Dengan syarat bahawa jika seseorang balu atau duda layak mendapat lebih daripada satu faedah orang tanggungan, balu atau duda itu hendaklah dibayar satu faedah sahaja, iaitu faedah yang kadarnya lebih tinggi;

*(b)* kepada tiap-tiap orang anak sehingga dia berkahwin atau sehingga dia mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal:

Dengan syarat bahawa dalam hal anak yang disebut dalam perenggan *(b)* takrif "anak" dalam seksyen 2, faedah orang tanggungan hendaklah terus dibayar selagi dia tidak berupaya menanggung dirinya sendiri:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pertubuhan boleh meneruskan faedah itu kepada mana-mana anak yang

menerima pelajaran dalam mana-mana institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melebihi ijazah pertama sehingga dia tamat atau berhenti menerima pelajaran tersebut atau sehingga dia berkahwin mengikut mana-mana yang lebih awal.

*(c)* (*Dipotong oleh Akta A675*).

(2) Jika seseorang orang berinsurans yang mati akibat sesuatu bencana kerja tidak meninggalkan seseorang balu atau anak, faedah orang tanggungan hendaklah dibayar kepada ibu yang menjadi balu dan orang tanggungan yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan *(b)* takrif "orang tanggungan" dalam seksyen 2 mengikut kadar dan selama tempoh yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

**27.** (*Dipotong oleh Akta A1232*).

**Penyakit khidmat**

**28.** (1) Jika seseorang pekerja yang diambil kerja dalam apa-apa pekerjaan yang diperihalkan dalam Jadual Kelima mendapat apa-apa penyakit atau bencana yang dinyatakan dalam Jadual tersebut sebagai berkaitan dengan pekerjaan itu, atau jika seseorang pekerja yang telah bekerja dalam pekerjaan itu mendapat sesuatu penyakit atau bencana itu dalam tempoh enam puluh bulan selepas berhenti bekerja sedemikian itu, penyakit yang didapati atau bencana yang berlaku ke atasnya itu hendaklah, melainkan jika akasnya dibuktikan, disifatkan sebagai bencana kerja yang terbit daripada atau dalam masa pekerjaan:

Dengan syarat bahawa tempoh enam puluh bulan itu boleh, mengikut budi bicara Pertubuhan, dilanjutkan lagi apabila dikemukakan keterangan perubatan dan keterangan lain yang relevan bagi menyokong pelanjutan itu.

(2) Apabila seseorang pekerja membuat suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan dengan seseorang majikan utama atau majikan langsung untuk bekerja dalam apa-apa pekerjaan

yang dinyatakan dalam Jadual Kelima atau pekerja itu, dengan persetujuannya, ditukarkan oleh majikan utama atau majikan langsungnya kepada suatu pekerjaan seperti itu, dia hendaklah, jika diminta oleh majikan itu atau Pertubuhan, membenarkan dirinya diperiksa oleh seorang pengamal perubatan yang dilantik dengan sempurnanya; akan tetapi pekerja itu tidaklah dikehendaki membenarkan dirinya diperiksa oleh seorang pengamal perubatan yang dilantik dengan sempurnanya kecuali dengan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau pada lat tempoh yang lebih singkat daripada yang ditetapkan di dalamnya.

(3) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, meminda, menggantikan, menambah atau memotong apa-apa penyakit yang dinyatakan dalam Jadual Kelima dan apa-apa pekerjaan yang diperihalkan di dalamnya.

(4) Kecuali subseksyen (1) dan (3), tiada apa-apa faedah boleh dibayar kepada seseorang pekerja mengenai apa-apa penyakit melainkan jika penyakit itu secara langsung menyebabkan suatu bencana tertentu melalui kemalangan yang terbit daripada dan dalam masa pekerjaannya.

(5) Seksyen 23 tidaklah terpakai terhadap hal yang mengenainya seksyen ini terpakai.

**Faedah pengurusan mayat**

**29.** (1) Jika seseorang orang berinsurans mati akibat suatu bencana kerja atau dalam masa dia masih menerima faedah hilang upaya di bawah Akta ini, atau jika seseorang orang berinsurans yang mengidap keilatan mati dalam masa dia masih menerima pencen ilat, atau jika seseorang orang berinsurans yang belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau tempoh kelayakan yang dikurangkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen (3) atau (4), mati, maka faedah pengurusan mayat sebanyak amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan hendaklah dibayar kepada seorang atau lebih daripada seorang orang yang berikut:

*(a)* balu (jika ada dua orang balu atau lebih, balu-balu itu sama-sama berkongsi faedah pengurusan mayat);

*(b)* duda;

*(c)* anak lelaki atau anak angkat lelaki yang tertua sekali yang masih takat;

*(d)* anak perempuan atau anak angkat perempuan yang tertua sekali yang masih takat;

*(e)* ibu atau bapa (jika ada kedua-dua ibu bapa, ibu dan bapa sama-sama berkongsi faedah pengurusan mayat).

(2) Jika tidak ada orang seperti yang disebut dalam perenggan (1)*(a), (b), (c), (d)* atau *(e),* mana-mana orang lain yang sebenarnya menanggung perbelanjaan pengurusan mayat hendaklah dibayar belanja pengurusan mayat orang berinsurans yang telah mati itu atau amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen (1), mengikut mana-mana yang lebih kurang:

Dengan syarat bahawa tuntutan bagi apa-apa faedah itu hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan selepas kematian orang berinsurans itu atau dalam sesuatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pertubuhan atau mana-mana pegawai atau pihak berkuasa yang diberi kuasa olehnya bagi maksud ini:

Dengan syarat selanjutnya bahawa, walau apa pun syarat di atas, jika ada apa-apa pertelingkahan mengenai soal kepada siapa bayaran faedah pengurusan mayat patut dibuat, maka keputusan Ketua Pengarah atau keputusan pegawai yang diberi kuasa olehnya adalah muktamad.

(3) Seseorang orang berinsurans yang belum mencapai umur enam puluh tahun hendaklah disifatkan telah genap tempoh kelayakan di bawah subseksyen (1) jika—

*(a)* caruman bulanan telah dibayar berkenaan dengannya bagi tidak kurang daripada dua puluh empat bulan dalam tempoh

empat puluh bulan berturut-turut sebelum bulan kematiannya; atau

*(b)* caruman bulanan telah dibayar berkenaan dengannya bagi tidak kurang daripada dua pertiga bilangan bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh apabila caruman mula-mula menjadi kena dibayar olehnya di bawah Akta ini dengan tarikh kematiannya, dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang dibayar dalam tempoh tersebut hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat.

(4) Seseorang orang berinsurans yang belum mencapai umur enam puluh tahun hendaklah disifatkan telah genap tempoh kelayakan yang dikurangkan di bawah subseksyen (1) jika caruman bulanan telah dibayar berkenaan dengannya bagi tidak kurang daripada satu pertiga bilangan bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh apabila caruman mula-mula menjadi kena dibayar olehnya di bawah Akta ini dengan tarikh kematiannya, dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang dibayar dalam tempoh tersebut hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat.

**Elaun layanan sentiasa**

**30.** Seseorang orang berinsurans yang berhak mendapat pencen ilat atau faedah hilang upaya langsung yang kekal adalah juga berhak mendapat elaun layanan sentiasa pada *kadar sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan, jika dan selagi dia tidak berdaya dengan teruknya hingga sentiasa memerlukan layanan tersendiri oleh seorang lain:

Dengan syarat bahawa ukuran peringkat hilang upaya yang melayakkan seseorang orang berinsurans mendapat elaun layanan sentiasa hendaklah disahkan oleh suatu jemaah doktor atau Jemaah Doktor Khas atau jemaah doktor rayuan atau mana-mana pihak

---

* *CATATAN—lihat* seksyen 7 Akta A1445 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

berkuasa lain yang dibenarkan sedemikian oleh Menteri mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan.

**Liabiliti majikan dan pekhidmatnya**

**31.** Seseorang orang berinsurans atau orang tanggungannya tidaklah berhak menerima atau mendapat daripada majikan orang berinsurans itu, atau daripada mana-mana orang lain yang merupakan pekhidmat majikan itu, apa-apa pampasan atau ganti rugi di bawah mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa berkenaan dengan bencana kerja yang berlaku padanya sewaktu menjadi seorang pekerja di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa larangan dalam seksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa tuntutan yang berbangkit daripada kemalangan kenderaan motor jika majikan atau pekhidmat majikan adalah dikehendaki diinsuranskan terhadap Risiko-Risiko Pihak Ketiga di bawah Bahagian IV Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*].

**Menentukan soal keilatan atau hilang upaya**

**32.** Apa-apa soal—

*(a)* sama ada kemalangan atau penyakit yang berkaitan itu telah mengakibatkan keilatan;

*(b)* sama ada bencana kerja yang berkaitan itu telah mengakibatkan hilang upaya yang kekal;

*(c)* sama ada takat kehilangan upaya mencari nafkah boleh ditaksir bagi sementara atau dengan muktamad bagi maksud faedah hilang upaya;

*(d)* sama ada taksiran tentang kadar hilang upaya mencari nafkah itu sementara atau muktamad bagi maksud faedah hilang upaya; atau

*(e)* berkenaan taksiran sementara bagi maksud faedah hilang upaya tentang tempoh selama bila taksiran itu boleh dipakai,

hendaklah diputuskan oleh suatu jemaah doktor yang ditubuhkan mengikut peraturan-peraturan, jika ada, dan soal tersebut hendaklah kemudian daripada ini dirujuk sebagai "soal keilatan" atau "soal hilang upaya", mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Menentukan penyakit khidmat**

**32A.** (1) Apa-apa persoalan sama ada sesuatu bencana kerja disebabkan oleh penyakit khidmat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima boleh ditentukan oleh suatu jemaah doktor yang dikenali sebagai Jemaah Doktor Khas yang ditubuhkan mengikut peraturan-peraturan.

(2) Jemaah Doktor Khas hendaklah memeriksa orang yang hilang upaya dan menghantar laporan dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Pertubuhan dengan menyatakan—

*(a)* sama ada orang yang hilang upaya itu mengidap satu atau lebih daripada satu penyakit yang dinyatakan dalam Jadual itu;

*(b)* sama ada penyakit yang berkaitan telah mengakibatkan hilang upaya yang kekal;

*(c)* sama ada takat kehilangan upaya mencari nafkah boleh ditaksir secara sementara atau muktamad;

*(d)* taksiran tentang kadar hilang upaya mencari nafkah itu, dan bagi taksiran sementara, tempoh selama bila taksiran itu boleh dipakai.

(3) Pertubuhan boleh merujukkan apa-apa taksiran yang bersifat sementara kepada Jemaah Doktor Khas bagi tujuan kaji semula tidak lewat daripada akhir tempoh yang diambil kira dalam taksiran sementara itu.

(4) Apa-apa keputusan Jemaah Doktor Khas boleh dikaji semula olehnya pada bila-bila masa.

(5) Orang yang hilang upaya hendaklah dimaklumkan secara bertulis oleh Pertubuhan tentang keputusan Jemaah Doktor Khas dan faedah, jika ada, yang berhak didapati oleh orang berinsurans itu.

**Rujukan kepada jemaah doktor dan rayuan kepada jemaah doktor rayuan**

**33.** (1) Perkara seseorang berinsurans untuk mendapat pencen ilat atau faedah hilang upaya yang kekal hendaklah dirujukkan oleh Pertubuhan kepada suatu jemaah doktor untuk diputuskan soal keilatan atau soal hilang upaya itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan jika, atas rujukan itu atau apa-apa rujukan yang kemudiannya, takat hilang upaya mencari nafkah bagi orang berinsurans itu ditaksir bagi sementara, soal itu hendaklah dirujukkan sekali lagi kepada jemaah doktor tidak lewat daripada akhir tempoh yang diambil kira dalam taksiran sementara itu.

(2) Jika orang berinsurans atau Pertubuhan tidak berpuas hati dengan keputusan jemaah doktor, orang berinsurans atau Pertubuhan boleh merayu, mengikut cara yang ditetapkan dan dalam tempoh yang ditetapkan, kepada jemaah doktor rayuan yang ditubuhkan mengikut peruntukan peraturan-peraturan.

(3) Peraturan-peraturan boleh menetapkan bahawa pihak yang menuntut pencen ilat atau faedah hilang upaya yang kekal yang dipanggil hadir di hadapan suatu jemaah doktor atau, sekiranya rayuan dibuat oleh Pertubuhan, di hadapan jemaah doktor rayuan, yang berhubungan dengan keputusan soal keilatan atau soal hilang upaya, boleh dibayar belanja perjalanan dan belanja lain yang telah dilakukan olehnya berhubung dengan kehadiran dalam perkara itu dan mengikut jadual serta tertakluk pada syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan.

**Orang berinsurans mati sebelum pemeriksaan jemaah doktor**

**33A.** Jika seseorang orang berinsurans, yang telah mengemukakan notis keilatannya atau permohonannya untuk dirujukkan kepada jemaah doktor untuk menentukan soal hilang upaya mengikut peraturan-peraturan, mati sebelum diperiksa oleh jemaah doktor, Pertubuhan boleh menurut budi bicaranya, tertakluk pada apa-apa keterangan perubatan yang ada yang memuaskan hatinya, merujukkan hal itu kepada jemaah doktor untuk menentukan soal keilatan atau soal hilang upaya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Kajian semula keputusan oleh jemaah doktor atau jemaah doktor rayuan**

**34.** (1) Apa-apa keputusan jemaah doktor (termasuk Jemaah Doktor Khas) atau jemaah doktor rayuan di bawah Akta ini boleh dikaji semula pada bila-bila masa oleh jemaah doktor atau jemaah doktor rayuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika jemaah itu berpuas hati dengan keterangan baru bahawa keputusan itu telah diberikan oleh sebab sesuatu nyataan material telah tidak dizahirkan atau telah tersalah beri oleh pekerja atau mana-mana orang lain (sama ada hal tidak menzahirkan atau tersalah beri itu berlaku dengan maksud tipuan atau tidak).

(2) Apa-apa taksiran mengenai takat hilang upaya akibat bencana kerja berkaitan boleh juga dikaji semula oleh jemaah doktor, jika jemaah berpuas hati bahawa semenjak taksiran itu dibuat akibat bencana berkaitan itu telah bertambah buruk dengan tidak disangka:

Dengan syarat bahawa sesuatu taksiran tidak boleh dikaji semula di bawah subseksyen ini melainkan jika jemaah doktor berpendapat bahawa memandang kepada tempoh yang diambil kira dalam taksiran itu, kezaliman besar akan berlaku jika tidak dikaji semula taksiran itu.

(3) Kecuali dengan kebenaran jemaah doktor rayuan, taksiran tidak boleh dikaji semula di bawah subseksyen (2) jika sesuatu permohonan yang dibuat itu kurang daripada tiga tahun, atau mengenai

taksiran sementara, kurang daripada enam bulan, dari tarikh taksiran itu dan apabila membuat dikaji semula itu tempoh yang diambil kira oleh apa-apa taksiran yang disemak tidak boleh termasuk tempoh sebelum tarikh permohonan itu.

(4) Tertakluk pada subseksyen (3), jemaah doktor boleh menguruskan sesuatu perkara dikaji semula dengan apa-apa cara seolah-olah perkara itu ialah rujukan yang asal kepadanya, dan khususnya jemaah itu boleh membuat suatu taksiran sementara walaupun taksiran yang dikaji semula itu ialah taksiran muktamad; dan peruntukan seksyen 33 hendaklah terpakai bagi sesuatu keputusan jemaah doktor berkenaan dengan permohonan itu sebagaimana peruntukan itu terpakai bagi perkara faedah hilang upaya di bawah seksyen itu dan bagi sesuatu keputusan jemaah doktor berkenaan dengan perkara itu.

## Kajian semula pencen ilat

**35.** (1) Tertakluk pada Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat bagi maksud ini, Pertubuhan boleh mengkaji semula bayaran sesuatu pencen ilat dan sebagai hasil kajian semula itu Pertubuhan boleh menambah, meneruskan, mengurangkan atau memberhentikan pencen itu.

(2) Jika kajian semula perlu oleh sebab keadaan keilatan beransur sembuh, pencen ilat tidak boleh ditarik balik, melainkan jika orang berpencen itu berupaya mendapat daripada sesuatu pekerjaan sesuai yang masih boleh dijalankan olehnya lebih daripada setengah daripada apa yang boleh didapati oleh seorang yang sempurna akal dan sihat tubuh badannya yang mempunyai pengalaman dan latihan sepertinya:

Dengan syarat bahawa pencen ilat hendaklah dikurangkan sebanyak jumlah yang didapati lebih daripada satu pertiga daripada gaji puratanya sebelum ilat.

**Kajian semula faedah orang tanggungan**

**36.** (1) Apa-apa keputusan yang menghukum supaya faedah orang tanggungan atau pencen penakat dibayar di bawah Akta ini boleh dikaji semula pada bila-bila masa oleh Pertubuhan jika Pertubuhan berpuas hati dengan keterangan baru bahawa keputusan itu telah diberikan oleh sebab sesuatu nyataan material telah tidak dizahirkan atau telah tersalah beri oleh pihak menuntut atau mana-mana orang lain (sama ada hal tidak menzahirkan atau tersalah beri itu berlaku dengan maksud tipuan atau tidak) atau bahawa keputusan itu tidak lagi mengikut Akta ini disebabkan oleh apa-apa kelahiran atau kematian atau disebabkan oleh perkahwinan, perkahwinan semula, tidak ada lagi kelemahan atau tercapainya umur dua puluh satu tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada pihak yang menuntut.

(2) Tertakluk pada Akta ini Pertubuhan boleh, apabila membuat kajian semula yang tersebut di atas, mengarahkan supaya faedah orang tanggungan atau pencen penakat itu diteruskan, ditambah, dikurangkan atau diberhentikan.

**Faedah perubatan**

**37.** (1) Seseorang orang berinsurans yang keadaannya memerlukan, akibat bencana kerja, layanan dan rawatan doktor adalah berhak mendapat faedah perubatan.

(2) Faedah perubatan itu boleh diberikan sama ada dengan berupa layanan dan rawatan sebagai pesakit luar di sesebuah hospital atau dispensari, klinik atau yayasan lain atau melalui lawatan ke rumah orang berinsurans itu atau rawatan sebagai pesakit yang dimasukkan ke hospital atau yayasan lain.

(3) (*Dipotong oleh Akta A450*).

**Tingkatan faedah perubatan**

**38.** (1) Seseorang orang berinsurans berhak mendapat faedah perubatan hanya mengikut jenis dan tingkatan yang diperuntukkan oleh Pertubuhan, dan orang berinsurans itu tidak berhak menuntut apa-apa rawatan doktor kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh dispensari, klinik, hospital atau yayasan lain yang diuntukkan baginya, atau sebagaimana yang diperuntukkan oleh peraturan-peraturan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh memberikan hak kepada seseorang orang berinsurans untuk menuntut bayaran ganti daripada Pertubuhan apa-apa belanja yang dilakukan bagi apa-apa rawatan doktor, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan.

**Penubuhan dan penyenggaraan hospital, dsb.**

**39.** (1) Pertubuhan boleh menubuhkan dan menyenggarakan hospital, dispensari dan perkhidmatan perubatan dan pembedahan lain yang difikirkannya patut bagi faedah orang berinsurans.

(2) Pertubuhan boleh membuat perjanjian dengan mana-mana Kerajaan, pihak berkuasa tempatan, orang, sama ada sendirian atau perseorangan berkenaan dengan mengadakan layanan dan rawatan doktor untuk orang berinsurans, di sesuatu kawasan dan juga berkenaan dengan membayar belanja bagi rawatan dan layanan itu.

**Kuasa Pertubuhan bekerjasama dengan pertubuhan yang ada atau menganjur langkah untuk kesihatan, kebajikan, dsb., orang berinsurans**

**40.** (1) Pertubuhan boleh, selain rancangan faedah yang dinyatakan dalam Akta ini, menganjurkan langkah atau bekerjasama dengan pertubuhan yang ada bagi memperbaiki kesihatan, keselamatan pekerjaan dan kebajikan orang berinsurans dan bagi pemulihan dan memberi kerja semula kepada orang berinsurans yang telah hilang upaya atau mendapat bencana dan boleh melakukan bagi langkah itu

perbelanjaan daripada wang Pertubuhan mengikut had yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Langkah di bawah subseksyen (1) boleh termasuk mengadakan anggota badan buatan dan alat-alat, peluang untuk mendapat pekerjaan berkeuntungan dalam keadaan yang sesuai dan juga rumah betah.

**Faedah tidak boleh diserahhakkan kepada sesiapa atau ditahan**

**41.** (1) Hak untuk menerima apa-apa pembayaran sesuatu faedah atau bantuan ilat di bawah Akta ini, dan banyaknya caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini, tidak boleh dipindahkan atau diserahhakkan kepada sesiapa.

(2) Tiada apa-apa faedah berupa wang tunai termasuk bantuan ilat atau caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini boleh ditahan atau dijual bagi melaksanakan apa-apa dekri atau perintah mana-mana mahkamah.

**42.** (*Dipotong oleh Akta A981*).

**Orang tidak boleh menggantikan faedah berupa wang tunai**

**43.** Kecuali diperuntukkan oleh peraturan-peraturan, tiada sesiapa pun berhak menggantikan apa-apa bayaran berkala yang dibenarkan di bawah Akta ini dengan wang pukal:

Dengan syarat bahawa jika kehilangan keupayaan mencari nafkah telah ditaksir pada lebih daripada dua puluh peratus, seseorang orang berinsurans boleh memilih bagi menggantikan satu perlima daripada faedah harian yang kena dibayar dengan wang pukal dan menerima bakinya sebagai bayaran berkala.

**Orang yang tidak berhak mendapat faedah dalam hal tertentu**

**44.** Tiada sesiapa pun berhak mendapat faedah hilang upaya kerana hilang upaya sementara bagi mana-mana hari yang dia bekerja dan mendapat gaji.

**Pihak yang menuntut faedah hilang upaya atau pencen ilat hendaklah mematuhi syarat**

**45.** Pihak yang menuntut faedah hilang upaya atau pencen ilat hendaklah hadir dan membenarkan dirinya untuk pemeriksaan doktor atau apa-apa pemeriksaan lain yang difikirkan perlu oleh Pertubuhan atau sesuatu jemaah doktor atau jemaah doktor rayuan bagi mengesahkan dan memperakui hilang upaya atau keilatannya.

**Penerima faedah hilang upaya hendaklah mematuhi syarat**

**46.** (1) Seseorang yang menerima faedah hilang upaya (kecuali faedah yang diberikan kerana hilang upaya yang kekal)—

*(a)* hendaklah sentiasa dalam rawatan doktor di sesuatu dispensari, hospital, klinik atau yayasan lain yang diperuntukkan mengikut Akta ini dan hendaklah menjalankan arahan yang diberikan oleh pegawai perubatan atau atendan perubatan yang menjaganya;

*(b)* tidak boleh dalam masa rawatan melakukan apa-apa perkara yang mungkin memudaratkan peluang sembuhnya;

*(c)* tidak boleh meninggalkan kawasan di mana rawatan doktor diberikan mengikut Akta ini dengan tiada kebenaran pegawai perubatan, atendan perubatan atau mana-mana pihak berkuasa sebagaimana yang dinyatakan bagi maksud ini dalam peraturan-peraturan; dan

*(d)* hendaklah membenarkan dirinya diperiksa oleh mana-mana pegawai perubatan yang dilantik dengan sempurna atau oleh

orang lain yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Pertubuhan.

(2) Faedah hilang upaya kerana hilang upaya sementara boleh digantung, jika seseorang yang menerima faedah itu tidak mematuhi apa-apa kehendak subseksyen (1), dan penggantungan itu boleh berlangsung selama beberapa hari sebagaimana yang diputuskan oleh Pertubuhan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Pertubuhan.

**47.** (*Dipotong oleh Akta A450*).

**Hak Pertubuhan jika majikan utama mungkir atau cuai membayar apa-apa caruman**

**48.** (1) Jika mana-mana majikan utama mungkir atau cuai membayar apa-apa caruman yang dia bertanggungan membayarnya di bawah Akta ini bagi mana-mana pekerja dan oleh sebab yang demikian orang itu atau orang tanggungannya berhak mendapat faedah mengikut suatu tingkatan rendah, Pertubuhan boleh, apabila berpuas hati bahawa caruman itu sepatutnya telah dibayar oleh majikan utama itu, membayar kepada orang itu atau kepada orang tanggungannya faedah tersebut mengikut kadar yang dia atau mereka sepatutnya berhak jika tiada berlaku kemungkiran atau kecuaian itu dan Pertubuhan adalah berhak menuntut daripada majikan utama itu sama ada—

(i) selisih antara jumlah faedah yang telah dibayar oleh Pertubuhan kepada orang tersebut atau orang tanggungannya dengan jumlah faedah yang sepatutnya kena dibayar berdasarkan caruman yang sebenarnya telah dibayar oleh majikan; atau

(ii) dua kali ganda jumlah caruman yang majikan itu telah mungkir atau cuai membayarnya,

mengikut mana-mana yang lebih banyak.

(2) Wang yang boleh dituntut di bawah seksyen ini boleh dituntut sebagai hutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan.

(3) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi pencen ilat.

**Penggantungan pencen ilat**

**49.** (1) Pertubuhan boleh menggantung pencen ilat bagi tempoh selama tidak lebih daripada dua belas bulan jika orang berpencen itu telah bertindak dengan tipuan terhadap Pertubuhan berhubung dengan apa-apa tuntutan yang telah dibuat olehnya atau apa-apa pembayaran yang telah diterima olehnya.

(2) Pertubuhan boleh menggantung pencen itu jika dan selagi orang berpencen ilat itu—

*(a)* mengambil bahagian dalam apa-apa pekerjaan yang kerananya dia kena diinsuranskan di bawah Akta ini, jika amaun yang diperoleh daripada pekerjaan sedemikian lebih daripada satu pertiga daripada gaji puratanya sebelum keilatan;

*(b)* mungkir hadir, dengan tiada sebab yang baik, apabila diarahkan, di hadapan jemaah doktor atau mana-mana pihak berkuasa lain untuk mengesahkan adanya atau masih adanya keilatannya;

*(c)* enggan atau cuai, dengan tiada sebab yang baik, mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh atau bagi pihak Pertubuhan tentang apa-apa proses pemulihan jasmani atau pemulihan vokasional atau latihan vokasional yang dia dikehendaki menjalaninya dengan percuma; atau

*(d)* mungkir, dengan tiada sebab yang baik, membenarkan dirinya untuk menerima dengan percuma rawatan doktor termasuk pemasangan alat bantuan yang ditawarkan oleh Pertubuhan bagi keilatannya atau mungkir menjalankan apa-apa arahan pegawai perubatan yang menjaganya:

Dengan syarat bahawa dia tidak boleh dikehendaki menjalani apa-apa pembedahan yang boleh membahayakan nyawa atau kesihatannya.

**Membayar balik faedah yang tidak sepatutnya diterima**

**50.** (1) Jika seseorang itu telah menerima apa-apa faedah atau bayaran di bawah Akta ini manakala dia tidak berhak kepadanya, dia adalah bertanggungan membayar balik kepada Pertubuhan nilai faedah itu atau banyaknya bayaran itu, atau jika sekiranya dia mati, wakilnya adalah bertanggungan membayarnya balik daripada aset simati, jika ada, dalam tangannya.

(1A) Jika mana-mana orang itu telah menerima apa-apa faedah atau bayaran di bawah Akta ini sedangkan dia tidak berhak kepadanya, dan selepas itu menjadi layak untuk mendapat faedah lain di bawah Akta ini, Pertubuhan berhak mendapatkan nilai faedah itu atau amaun bayaran itu daripada faedah lain itu yang dia berhak kepadanya.

(2) Nilai apa-apa faedah yang diterima, kecuali bayaran wang tunai, hendaklah ditentukan oleh mana-mana pihak berkuasa yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat bagi maksud ini dan keputusan pihak berkuasa itu adalah muktamad.

(3) Wang yang boleh dituntut di bawah seksyen ini boleh dituntut sebagai hutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan.

**Pembayaran amaun faedah yang masih belum dibayar tatkala orang berinsurans mati**

**51.** Jika seseorang itu mati dalam tempoh dia berhak menerima faedah berupa wang tunai (atau manakala dia berhak mendapat bantuan ilat) yang diperuntukkan di bawah Akta ini, faedah (atau bantuan) itu hendaklah dibayar kepada sesiapa jua yang dinamakan dengan bertulis oleh simati dalam borang yang ditentukan dalam peraturan atau, jika tidak ada sesiapa yang dinamakan, kepada waris atau wakil di sisi undang-undang bagi simati itu:

Dengan syarat bahawa faedah berupa wang tunai itu hendaklah dibayar sehingga dan termasuk hari kematiannya, bagi faedah hilang upaya (dan elaun layanan sentiasa, jika ada) dan faedah orang tanggungan dan pencen penakat dan sehingga hari akhir bulan yang mendahului bulan bila orang berpencen itu mati, bagi pencen ilat (dan elaun layanan sentiasa, jika ada).

**Majikan tidak boleh mengurangkan gaji, dsb.**

**52.** Tiada seseorang majikan jua boleh, semata-mata oleh sebab tanggungannya terhadap apa-apa caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini, boleh, secara langsung atau tidak langsung, mengurangkan gaji mana-mana pekerja, atau kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan, memberhentikan atau mengurangkan faedah yang kena dibayar kepada pekerja itu menurut syarat perkhidmatannya yang serupa dengan faedah yang diberikan oleh Akta ini.

**Majikan tidak boleh membuang kerja atau menghukum pekerja dalam tempoh hilang upaya sementara**

**53.** (1) Tiada seseorang majikan jua boleh, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan, membuang kerja, memberhentikan atau mengurangkan atau pun menghukum seseorang pekerja dalam tempoh dia menerima faedah hilang upaya kerana hilang upaya sementara.

(2) Tiada apa-apa jua notis membuang kerja atau memberhentikan atau mengurangkan yang diberikan kepada seseorang pekerja dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) boleh menjadi sah atau berkuat kuasa.

**Tuntutan faedah**

**54.** Tiap-tiap tuntutan untuk sesuatu faedah atau pencen atau bantuan ilat hendaklah disampaikan kepada mana-mana pihak berkuasa dengan

borang yang mengandungi apa-apa keterangan bagi menyokong tuntutan itu, sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan.

**Melaporkan perubahan tentang hal keadaan, dsb.**

**55.** Seseorang penerima faedah di bawah Akta ini hendaklah melaporkan kepada Pertubuhan dengan seberapa segera yang boleh tiap-tiap peristiwa atau perkara yang menyentuh atau mungkin menyentuh haknya bagi mendapat faedah itu selanjutnya atau kadar faedah itu.

**Budi bicara bagi menghitung tempoh kelayakan dan kadar pencen ilat bulanan**

**56.** (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 17, 17A, 20 dan 29 dan Jadual Kelapan, Pertubuhan boleh mengambil kira, bagi maksud menghitung tempoh kelayakan bagi pencen ilat, pencen penakat, faedah pengurusan mayat dan kadar bulanan pencen ilat dan pencen penakat, apa-apa caruman berkenaan dengan seseorang orang berinsurans yang, sungguhpun kena dibayar di bawah Akta ini, sebenarnya belum lagi dibayar.

(2) Jika, kalaulah tidak diambil kira caruman yang disebut dalam subseksyen (1), tempoh kelayakan seseorang itu tidak akan genap atau dia akan berhak mendapat pencen ilat atau pencen penakat mengikut kadar yang lebih rendah, nilai aktuari pada masa itu bagi pencen atau sebahagian pencen yang bersabit dengan caruman yang diambil kira dalam subseksyen (1), boleh dituntut oleh Pertubuhan daripada majikan yang telah mungkir membayar caruman tersebut di atas itu, atau jika majikan ada lebih daripada seorang, daripada semua mereka, mengikut nisbah jumlah caruman yang telah mungkir dibayar oleh mereka.

**Kemudahan untuk pemulihan jasmani atau vokasional**

**57.** (1) Seseorang orang berinsurans yang mengidap atau mengaku mengidap keilatan atau hilang upaya yang kekal boleh diberi

kemudahan dengan percuma oleh Pertubuhan untuk pemulihan jasmani atau pemulihan vokasional.

(2) Kemudahan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut keadaan dan tingkatan dan hendaklah diberikan kepada mana-mana orang berinsurans serta mengikut syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan.

(3) Seseorang orang berinsurans yang mengidap atau mengaku mengidap keilatan atau hilang upaya kekal boleh, jika keadaannya memerlukan, diberi dengan percuma alat-alat prostetik, ortotik atau alat-alat lain yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan dan alat-alat tersebut boleh dibaharui, jika perlu, dengan percuma.

(4) Seseorang orang berinsurans yang kena menjalani pemulihan jasmani atau pemulihan vokasional atau yang dipasang atau akan dipasang dengan alat-alat prostetik, ortotik atau alat-alat lain boleh dibayar atau dibayar ganti sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan, belanja yang dilakukan atau akan dilakukan dengan berpatutan olehnya mengenai perjalanan atau penyenggaraan berhubung dengan langkah itu, atau pemasangan alat-alat prostetik, ortotik atau alat-alat lain.

**Faedah pendidikan**

**57A.** Faedah pendidikan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa boleh diadakan bagi anak tanggungan seseorang orang berinsurans yang—

*(a)* mati akibat suatu bencana kerja;

*(b)* mati semasa menerima pencen ilat;

*(c)* mati sebelum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau suatu tempoh kelayakan yang dikurangkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 17A;

*(d)* menerima pencen ilat; atau

*(e)* menerima bayaran berkala faedah hilang upaya yang kekal,

mengikut terma dan syarat yang disifatkan oleh Pertubuhan patut dikenakan.

**Pertubuhan hendaklah bertanggungjawab bagi mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan**

**57B.** (1) Pertubuhan hendaklah bertanggungjawab bagi mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan yang telah dibayar kepada anak tanggungan di bawah seksyen 57A.

(2) Sesuatu pinjaman pendidikan yang tidak dibayar balik atau yang menjadi tertunggak hendaklah dianggap sebagai hutang sivil yang terhutang oleh anak tanggungan kepada Pertubuhan dan Pertubuhan boleh menggunakan apa-apa cara yang dibenarkan di bawah undang-undang bagi mendapatkan hutang itu.

**Pelantikan ejen pemungutan**

**57C.** Pertubuhan, dengan kelulusan Menteri, boleh melantik apa-apa bilangan ejen bagi maksud mendapatkan pinjaman pendidikan yang telah dibayar kepada anak tanggungan di bawah seksyen 57A.

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN AUDIT

**Pentadbiran Rancangan Keselamatan Sosial**

**58.** (1) Rancangan Keselamatan Sosial yang terkandung dalam Akta ini hendaklah ditadbirkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial mengikut Akta ini.

(1A) Pertubuhan boleh mentadbir apa-apa rancangan keselamatan sosial yang lain jika pentadbiran bagi rancangan itu diberikan kepada Pertubuhan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Arahan dan pengawasan am Pertubuhan hendaklah terletak hak pada Lembaga yang hendaklah ditubuhkan mengikut Akta ini.

**Ketua Pegawai Eksekutif**

**59.** (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan.

(2) Menteri boleh juga melantik seorang atau lebih daripada seorang Timbalan Ketua Pengarah.

(2A) Jika bagi apa-apa tempoh Ketua Pengarah tiada buat sementara dalam Malaysia atau menjadi tidak upaya buat sementara kerana sakit, atau kerana apa-apa sebab lain tidak dapat melaksanakan kewajipannya, atau jika jawatan Ketua Pengarah menjadi kosong, Menteri hendaklah melantik seorang daripada Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan Ketua Pengarah dalam tempoh itu.

(3) Terma dan syarat perkhidmatan bagi Ketua Pengarah dan bagi Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah hendaklah ditetapkan oleh Menteri dengan berunding dengan Menteri Kewangan.

**Pertubuhan Keselamatan Sosial**

**59A.** Pertubuhan hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dengan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk pada dan bagi maksud Akta ini, boleh mengikat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap perihalan harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau secara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletakhak pada Pertubuhan atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

**Penubuhan Lembaga**

**59B.** (1) Suatu lembaga yang hendaklah dikenali sebagai Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial hendaklah ditubuhkan.

(2) Lembaga hendaklah dianggotai seperti yang berikut:

*(a)* seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;

*(b)* Ketua Pengarah Pertubuhan;

*(c)* seorang pegawai mewakili Kementerian Kewangan;

*(ca)* seorang pegawai mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;

*(cb)* seorang pegawai mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi kesihatan;

*(d)* tidak lebih daripada empat orang mewakili majikan yang akan dilantik oleh Menteri dengan berunding dengan pertubuhan yang mewakili majikan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri bagi maksud tersebut;

*(e)* tidak lebih daripada empat orang mewakili orang berinsurans yang akan dilantik oleh Menteri dengan berunding dengan pertubuhan yang mewakili orang berinsurans sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri bagi maksud tersebut;

*(f)* tiga orang yang mempunyai pengalaman dalam perkara keselamatan sosial yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(3) Pelantikan ahli Lembaga hendaklah diberitahukan dalam *Warta*.

(4) Ahli Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (2)*(a)*, *(d)*, *(e)* dan *(f)* hendaklah memegang jawatan selama tempoh dan tertakluk

pada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam surat cara pelantikan mereka.

(5) Lembaga tidak terhalang daripada menjalankan mana-mana daripada fungsi, kewajipan dan tanggungannya di bawah Akta ini dengan sebab apa-apa kekosongan dalam keahliannya:

Dengan syarat bahawa Menteri hendaklah mengambil segala langkah yang boleh untuk memastikan supaya sesuatu kekosongan antara orang yang dilantik mengikut perenggan (2)*(a)*, *(d)*, *(e)* dan *(f)* diisi dengan seberapa segera yang munasabah praktik.

(6) (*Dipotong oleh Akta A981*).

(7) Menteri boleh melantik seorang pegawai Pertubuhan bagi menjalankan kewajipan Setiausaha Lembaga dan seorang pegawai lain sebagai Penolongnya.

(8) Menteri boleh bagi setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (2)*(d)* dan *(e)* melantik seseorang menjadi ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga menggantikan ahli itu apabila ahli itu tidak dapat hadir kerana sakit, ketidakupayaan atau apa-apa sebab lain:

Dengan syarat bahawa pelantikan ahli silih ganti itu hendaklah dirundingkan dengan pertubuhan yang mewakili majikan atau orang berinsurans, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(9) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi semua maksud disifatkan sebagai seorang ahli Lembaga.

(10) Seseorang ahli silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu berhenti daripada menjadi ahli atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi ahli silih ganti apabila ahli yang dia ialah ahli silih gantinya tidak lagi menjadi ahli Lembaga.

**Menteri hendaklah melantik mana-mana orang untuk bertindak sebagai Pengerusi**

**59C.** (1) Jika bagi apa-apa tempoh Pengerusi Lembaga tidak ada buat sementara dalam Malaysia atau tidak berupaya buat sementara oleh kerana sakit, atau oleh kerana apa-apa sebab lain tidak dapat menjalankan kewajipannya, Menteri hendaklah melantik mana-mana orang untuk menjalankan kewajipan Pengerusi dalam tempoh tersebut.

(2) Jika jawatan Pengerusi menjadi kosong, Menteri hendaklah melantik mana-mana orang untuk menjalankan kewajipan Pengerusi sehingga kekosongan itu diisi.

**Jadual Keenam hendaklah terpakai bagi Lembaga**

**59D.** Jadual Keenam Akta ini hendaklah terpakai bagi Lembaga.

**Terhenti menjadi ahli Lembaga**

**59E.** (1) Seseorang ahli Lembaga adalah terhenti menjadi ahli—

*(a)* jika dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa izin Lembaga; atau

*(b)* jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Seseorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 5B(2)*(a)*, (2)*(d)*, (2)*(e)* dan (2)*(f)* boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

**Hilang kelayakan**

**59F.** (1) Seseorang ahli adalah hilang kelayakan menjadi ahli Lembaga—

*(a)* jika dia diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal oleh mahkamah yang kompeten;

*(b)* jika dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan;

*(c)* jika dia mempunyai secara langsung atau secara tidak langsung apa-apa kepentingan dalam sesuatu kontrak yang masih berkuat kuasa dengan atau apa-apa kerja yang sedang dilakukan untuk Pertubuhan kecuali sebagai seorang pengamal perubatan atau sebagai seorang pemegang syer (bukan pengarah) sesuatu syarikat;

*(d)* jika sebelum atau selepas mula berkuat kuasanya Akta ini, dia telah didapati bersalah oleh mana-mana mahkamah yang kompeten atas suatu kesalahan berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

*(e)* jika selepas diminta, seseorang ahli tidak menghantar kepada Pertubuhan caruman yang dahulunya yang telah genap masanya dibayar;

*(f)* jika dia kemudiannya menjadi seorang pegawai atau pekhidmat Pertubuhan, selain Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah; atau

*(g)* jika seseorang ahli telah menjadi seorang ahli mana-mana badan perundangan.

(2) Terhentinya seseorang ahli Lembaga mengikut seksyen ini atau seksyen 59C hendaklah diberitahukan dalam *Warta*.

**Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**59G.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga, atau terhadap mana-mana ahlinya, mana-

mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pertubuhan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya sebagai yang tersebut.

**Pekhidmat awam dan pegawai awam**

**59H.** Semua ahli Lembaga dan pegawai dan pekhidmat Pertubuhan semasa menjalankan kewajipan mereka sebagai ahli, pegawai atau pekhidmat tersebut hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*], dan pegawai awam bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa itu.

**Lembaga menguatkuasakan arahan Menteri**

**59I.** (1) Pada menjalankan kuasa dan menyempurnakan kewajipan dan fungsinya di bawah Akta ini, Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri yang boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan yang tidak berlawanan dengan Akta ini, dan Lembaga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, menguatkuasakan semua arahan itu.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa menghendaki Lembaga mengemukakan kepadanya cadangan untuk mengadakan Rancangan Keselamatan Sosial baru atau mengubahsuaikan atau memperluas rancangan yang sedia ada sebagaimana yang perlu bagi memenuhi program dasar sosial Kerajaan.

**Perwakilan kuasa**

**59J.** Lembaga boleh, tertakluk pada apa-apa syarat, batasan atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut, mewakilkan kepada Pengerusi, Ketua Pengarah, mana-mana ahlinya atau mana-mana orang, kuasa untuk mengizinkan perbelanjaan dari Kumpulan Wang Keselamatan Sosial atau apa-apa wang lain di bawah kawalan Lembaga, sehingga had yang akan ditentukan dalam hal tersebut.

**Kawalan pentadbiran ke atas pegawai dan pekhidmat oleh Ketua Pengarah**

**59K.** (1) Tertakluk pada arahan Pengerusi Lembaga, Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kawalan pentadbiran ke atas pegawai dan pekhidmat Pertubuhan.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menjalankan apa-apa fungsi lain atau tambahan yang ditetapkan oleh Menteri atau Lembaga dari semasa ke semasa.

**Pelantikan pegawai dan pekhidmat**

**59L.** (1) Tertakluk pada seksyen 59, Lembaga boleh melantik pegawai dan pekhidmat lain Pertubuhan sebagaimana yang perlu bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak diambil bekerja sebagai pegawai atau pekhidmat Pertubuhan jika dia mempunyai, secara langsung atau secara tidak langsung, apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Pertubuhan.

(3) Seseorang pegawai atau pekhidmat Pertubuhan yang mempunyai atau memperoleh secara langsung atau secara tidak langsung sesuatu syer atau kepentingan tersebut boleh dibuang oleh Lembaga:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun pegawai atau pekhidmat tersebut boleh dibuang tanpa diberi peluang yang berpatutan untuk didengar.

**Penubuhan bahagian, pejabat kawasan, dsb.**

**59M.** Lembaga boleh menubuhkan dalam Pertubuhan apa-apa bahagian dan pejabat kawasan dan tempatan yang difikirkannya perlu supaya Pertubuhan berjalan dengan cekap.

**Kuasa untuk menyelesaikan soal kakitangan**

**59N.** (1) Tertakluk pada Akta ini dan dalam kaedah-kaedah kakitangan, Ketua Pengarah hendaklah menyelesaikan semua soal yang berhubungan dengan perkhidmatan (selain soal pelantikan, penggantungan, kenaikan pangkat dan pemecatan), gaji, keistimewaan dan elaun pegawai dan pekhidmat Pertubuhan:

Dengan syarat bahawa dalam hal pegawai dan pekhidmat yang bukan dalam kategori Gred 11, kuasa itu, kecuali kuasa untuk memberikan atau menggantung cuti, tidaklah boleh dijalankan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Lembaga.

(2) Mana-mana pegawai atau pekhidmat yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini boleh merayu kepada Lembaga dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah kakitangan.

**Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah kakitangan**

**59O.** (1) Dengan kelulusan Menteri, Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, membuat kaedah-kaedah kakitangan yang berhubungan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat (selain Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah) Pertubuhan:

Dengan syarat bahawa dalam membuat kaedah-kaedah itu, Lembaga hendaklah mengambil perhatian tentang kadar gaji dan syarat lain perkhidmatan yang terpakai bagi pegawai dan pekhidmat badan berkanun.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah itu boleh mengadakan peruntukan mengenai perkara yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

**Jawatankuasa**

**59P.** Walau apa pun peruntukan lain Akta ini, Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada ahli Lembaga atau orang yang bukan ahli Lembaga atau gabungan kedua-duanya untuk menasihati atau membantu Lembaga dalam perkara yang berkenaan dengan fungsinya sebagaimana yang difikirkannya patut, dan Lembaga boleh mewakilkan, tertakluk pada apa-apa syarat atau sekatan yang boleh dikenakan olehnya, apa-apa fungsinya sebagaimana yang difikirkannya patut kepada mana-mana jawatankuasa itu.

**Jawatankuasa Tatatertib**

**59Q.** Suatu Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada tiga orang anggota yang berikut hendaklah ada:

*(a)* dua orang anggota yang hendaklah dilantik oleh dan daripada kalangan anggota Lembaga (selain Pengerusi Lembaga), salah seorang daripadanya hendaklah dilantik menjadi pengerusi; dan

*(b)* Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, tidaklah boleh menjadi ahli Jawatankuasa Tatatertib dalam mana-mana prosiding yang di hadapannya dia adalah pengadu, dalam hal yang sedemikian tempatnya hendaklah diambil oleh seorang ahli yang hendaklah dilantik oleh dan dari kalangan ahli Lembaga.

**Tatatertib pegawai**

**59R.** (1) Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai dan pekhidmat Pertubuhan, selain Ketua Pengarah dan

Timbalan Ketua Pengarah, hendaklah Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 59Q.

(2) Pada menjalankan fungsi, kuasa atau fungsi tatatertibnya, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan hukuman tatatertib yang diperuntukkan melalui mana-mana kaedah yang boleh dibuat di bawah seksyen 59T.

(3) Jawatankuasa Tatatertib boleh, tertakluk pada subseksyen (4), mewakilkan mana-mana fungsi, kuasa atau fungsi tatatertibnya kepada mana-mana pegawai atau pekhidmat Pertubuhan, atau kepada mana-mana jawatankuasa pegawai atau pekhidmat Pertubuhan, berkenaan dengan mana-mana pegawai atau pekhidmat tertentu Pertubuhan atau berkenaan dengan mana-mana kelas atau kategori pegawai atau pekhidmat Pertubuhan, dan pegawai atau pekhidmat atau jawatankuasa yang kepadanya diwakilkan fungsi, kuasa atau fungsi tatatertib itu hendaklah melaksanakan, menjalankan atau menunaikan fungsi, kuasa atau fungsi tatatertib itu di bawah arahan dan kawalan Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengkaji semula, menghapuskan atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan pegawai atau pekhidmat, atau jawatankuasa itu.

(4) Tiada pewakilan boleh dibuat di bawah subseksyen (3) untuk membolehkan seseorang pegawai atau pekhidmat Pertubuhan menjalankan apa-apa kuasa tatatertib atau menjadi anggota sesuatu jawatankuasa yang boleh menjalankan apa-apa kuasa tatatertib ke atas seseorang pegawai atau pekhidmat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya.

(5) Mana-mana pegawai atau pekhidmat Pertubuhan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib atau mana-mana orang atau jawatankuasa yang diwakilkan dengan fungsi, kuasa atau fungsi tatatertib di bawah subseksyen (3) boleh, dalam masa empat belas hari, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang boleh memberikan apa-apa keputusan ke atasnya sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib**

**59S.** (1) Suatu Lembaga Rayuan Tatatertib yang keanggotaannya seperti yang berikut hendaklah ditubuhkan:

*(a)* Pengerusi Lembaga, sebagai Pengerusi; dan

*(b)* anggota Lembaga, tidak termasuk anggota yang menganggotai Jawatankuasa Tatatertib.

(2) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib muktamad.

**Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah tatatertib**

**59T.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa kaedah tatatertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi mengadakan peruntukan tentang tatatertib pegawai dan pekhidmat Pertubuhan.

(2) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen ini boleh mengandungi—

*(a)* peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain, atau peruntukan bagi penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pegawai atau pekhidmat Pertubuhan sementara menanti keputusan prosiding tatatertib;

*(b)* peruntukan bagi kesalahan tatatertib dan hukuman sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian itu boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat; dan

*(c)* tatacara bagi prosiding tatatertib dan peruntukan bagi peluang untuk orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil membuat representasi.

**Pengenaan surcaj**

**59U.** (1) Jika Lembaga berpuas hati bahawa mana-mana orang yang sedang atau pernah berkhidmat dengan Pertubuhan—

*(a)* bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang dengan tidak sepatutnya daripada Kumpulan Wang atau bagi apa-apa pembayaran wang itu yang tidak disokong dengan sewajarnya;

*(b)* bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi kemusnahan pada, apa-apa wang, setem, sekuriti, stor atau harta lain Pertubuhan;

*(c)* yang menjadi atau pernah menjadi pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal untuk menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau

*(d)* telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran, atau bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelengahan dalam pembayaran, wang daripada Kumpulan Wang kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran tersebut kena dibayar di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang tersebut dengan Pertubuhan,

dan jika penjelasan yang memuaskan tidak dikemukakan kepada Lembaga dalam tempoh yang dinyatakan oleh Lembaga, berkenaan dengan kegagalan untuk memungut, pembayaran yang tidak sepatutnya, pembayaran yang tidak disokong dengan sewajarnya, kekurangan atau kemusnahan, atau kegagalan untuk menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan untuk membuat pembayaran, atau kelengahan dalam membuat pembayaran, Lembaga boleh mengenakan surcaj terhadap orang tersebut sejumlah wang yang tidak melebihi amaun itu bagi mana-mana amaun yang tidak dipungut, mana-mana pembayaran, kekurangan, atau kerugian atau nilai harta yang dimusnahkan tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan untuk menyimpan akaun atau rekod

yang sepatutnya, atau kegagalan untuk membuat pembayaran, atau kelengahan dalam membuat pembayaran, Lembaga boleh mengenakan surcaj terhadap orang tersebut suatu jumlah wang sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Ketua Pengarah hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang disurcaj itu.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan telah diterima atau jika selainnya ternyata bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang penarikan balik tersebut.

(4) Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan oleh orang yang terhadapnya surcaj itu dikenakan dan boleh didakwa dan didapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah secara guaman oleh Pertubuhan dan boleh juga didapatkan kembali melalui potongan—

*(a)* daripada gaji orang yang disurcaj tersebut jika Lembaga mengarahkan sedemikian; atau

*(b)* daripada pencen orang yang disurcaj tersebut jika Lembaga mengarahkan sedemikian,

secara ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan orang tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Penubuhan Lembaga Kenaikan Pangkat**

**59V.** (1) Suatu Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan dengan setiap kategori pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual Kesepuluh, yang terdiri daripada anggota yang

dinyatakan dalam ruangan kedua Jadual yang sama hendaklah ditubuhkan.

(2) Lembaga Kenaikan Pangkat yang relevan hendaklah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan fungsinya dalam semua perkara yang berhubungan dengan kenaikan pangkat berkenaan dengan semua pegawai dan pekhidmat Pertubuhan dalam kategori yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual Kesepuluh.

**Penubuhan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat**

**59W.** (1) Suatu Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat berkenaan dengan setiap kategori pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual Kesepuluh yang terdiri daripada anggota yang dinyatakan dalam ruangan ketiga Jadual yang sama hendaklah ditubuhkan.

(2) Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat hendaklah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan fungsinya berkenaan dengan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berhubungan dengan seseorang pegawai atau pekhidmat yang ke atasnya Lembaga Kenaikan Pangkat mempunyai bidang kuasa.

(3) Mana-mana pegawai atau pekhidmat, yang layak untuk kenaikan pangkat, atau untuk pemangkuan sesuatu jawatan bagi maksud kenaikan pangkat, yang terkilan dengan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan, boleh merayu kepada Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat yang relevan.

(4) Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat, selepas mempertimbangkan rayuan itu, boleh mengesahkan atau mengubah keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan, dan keputusan pertimbangan semula itu hendaklah disampaikan dengan sewajarnya kepada Lembaga Kenaikan Pangkat untuk membolehkannya mencapai suatu keputusan.

(5) Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat boleh mengubah tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat dan susunan kekananan pegawai atau pekhidmat yang berkenaan tetapi tanpa menjejaskan kenaikan pangkat per se pegawai atau pekhidmat yang berjaya itu.

(6) Keputusan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat adalah muktamad.

**60–63.** (*Dipotong oleh Akta A675*).

**Fi dan elaun**

**64.** Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan hendaklah menerima apa-apa fi, elaun dan apa-apa faedah lain yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

**65–67.** (*Dipotong oleh Akta A675*).

**Kumpulan Wang Keselamatan Sosial**

**68.** Kumpulan Wang Keselamatan Sosial hendaklah ditubuhkan di bawah Akta ini yang ke dalamnya hendaklah dibayar—

*(a)* caruman yang kena dibayar oleh atau berkenaan dengan orang berinsurans;

*(b)* sewa, bunga, dividen atau apa-apa pendapatan lain yang terbit daripada aset Pertubuhan;

*(c)* jumlah wang yang terakru dengan sepatutnya kepada Kumpulan Wang di bawah Akta ini, termasuk bayaran balik faedah;

*(d)* jumlah wang yang didapatkan di bawah Akta ini sebagai fi, kos, caj dan apa-apa bunga atas tunggakan caruman;

*(e)* jumlah wang melalui pemberian, derma dan hadiah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana individu atau pertubuhan, sama ada diperbadankan atau tidak, bagi semua atau apa-apa maksud Akta ini;

*(f)* jumlah wang yang dipindahkan daripada kumpulan wang yang ditubuhkan sebelum ini di bawah Akta ini; dan

*(g)* apa-apa wang lain yang kena dibayar kepada Pertubuhan.

**Pentadbiran Kumpulan Wang**

**69.** (1) Kumpulan Wang Keselamatan Sosial hendaklah dipegang dan ditadbirkan oleh Pertubuhan bagi maksud Akta ini.

(2) Semua wang yang terakru atau kena dibayar kepada Kumpulan Wang tersebut hendaklah dibayar ke dalam mana-mana bank sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga:

Dengan syarat bahawa Lembaga boleh membenarkan pejabat pos juga menerima, bagi pihak Pertubuhan, semua wang yang terakru atau kena dibayar kepada Kumpulan Wang yang disebut dalam seksyen 68 tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam peraturan.

**Penerimaan bantuan wang, derma, dsb.**

**70.** Pertubuhan boleh menerima bantuan wang, derma dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang perseorangan atau pertubuhan sama ada diperbadankan atau tidak, bagi segala atau mana-mana maksud Akta ini.

**Bagi maksud apakah Kumpulan Wang boleh dibelanjakan**

**71.** Tertakluk pada Akta ini dan peraturan yang dibuat di bawahnya, Kumpulan Wang Keselamatan Sosial hendaklah dibelanjakan hanya bagi maksud yang berikut, iaitu:

(i) membayar faedah dan bantuan wang ilat dan mengadakan layanan dan rawatan doktor bagi orang berinsurans atau bagi orang tanggungan mereka;

(ii) menubuhkan dan menyenggara hospital, dispensari dan yayasan lain dan mengadakan perkhidmatan perubatan dan perkhidmatan tambahan lain untuk faedah orang berinsurans;

(iia) menubuhkan atau mengambil alih syarikat di bawah seksyen 74A dan menyenggara syarikat itu;

(iii) membayar caruman kepada Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pertubuhan sendirian atau orang perseorangan, untuk belanja layanan dan rawatan doktor yang diberikan kepada orang berinsurans termasuk belanja bagi apa-apa bangunan dan kelengkapan, mengikut apa-apa perjanjian yang dibuat oleh Pertubuhan;

(iv) membayar belanja jemaah rayuan dan jemaah doktor yang ditubuhkan di bawah Akta ini;

(v) membayar jumlah wang menurut apa-apa dekri, perintah atau keputusan mana-mana mahkamah atau tribunal terhadap Pertubuhan atau mana-mana pegawai atau pekhidmatnya kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan pada melaksanakan kewajipannya atau menurut sesuatu tolak ansur atau penyelesaian apa-apa guaman atau langkah prosiding lain atau tuntutan di sisi undang-undang yang dibawa atau dibuat terhadap Pertubuhan;

(vi) membayar belanja dan bayaran lain bagi memulakan atau membela sesuatu prosiding sivil atau jenayah yang terbit daripada apa-apa tindakan yang diambil di bawah Akta ini;

(vii) membayar perbelanjaan, mengikut had yang ditetapkan, mengenai langkah bagi memperbaiki kesihatan, keselamatan kerja dan kebajikan orang berinsurans atau orang tanggungan dan bagi memulihkan dan mengambil kerja semula orang berinsurans yang telah hilang upaya atau terkena bencana;\

(viii) membayar fi, elaun dan saraan lain kepada ahli Lembaga dan Panel Pelaburan;

(viiia) memberikan pinjaman atau biasiswa kepada anak tanggungan seseorang orang berinsurans sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 57A; dan

(ix) apa-apa maksud lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan.

**Perbelanjaan bagi pentadbiran**

**72.** Walau apa pun peruntukan seksyen 71, perbelanjaan boleh dilakukan oleh Pertubuhan daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial sehingga amaun yang dibenarkan oleh Menteri melalui peraturan, bagi sesuatu tahun, bagi menjalankan pentadbiran Rancangan Keselamatan Sosial yang diperuntukkan di bawah Akta ini termasuk—

*(a)* membayar gaji, perbelanjaan cuti dan pertukaran, elaun perjalanan dan pampasan, ganjaran dan elaun ihsan, caruman kepada kumpulan wang faedah, kebajikan dan rekreasi pegawai dan pekhidmat Pertubuhan dan membayar perbelanjaan berkenaan dengan pejabat dan perkhidmatan

lain yang ditubuhkan bagi maksud menguatkuasakan Akta ini;

*(b)* membayar fi dan saraan lain kepada juruaudit, aktuari, ejen, penasihat teknik, jurubank, broker saham, juruukur atau orang lain yang diambil kerja sementara atau tidak sepenuh masa untuk melaksanakan tujuan Akta ini; dan

*(c)* membeli atau menyewa peralatan.

**Pengeluaran daripada Kumpulan Wang bagi pinjaman atau kemudahan pembiayaan lain**

**72A.** Walau apa pun seksyen 71, Pertubuhan boleh membenarkan pengeluaran apa-apa amaun daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial sebagaimana yang diperlukan bagi memberikan pinjaman atau kemudahan pembiayaan lain kepada pegawai dan pekhidmat Pertubuhan sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah kakitangan atau bagi maksud yang serupa dengan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi anggota dalam perkhidmatan awam.

**Perbelanjaan pentadbiran adalah tanggungjawab Kerajaan**

**73.** Walau apa pun peruntukan seksyen yang tersebut di atas, Kerajaan boleh melakukan segala perbelanjaan untuk dan berhubung dengan penubuhan Pertubuhan sehingga tarikh penubuhannya dan kemudian daripada itu boleh menanggung semua perbelanjaan pentadbiran atau setakat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan berhubung dengan maksud yang disebut dalam seksyen di atas.

**Memegang harta, dsb.**

**74.** Pertubuhan boleh, tertakluk pada syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan memperoleh dan memegang harta sama ada boleh dialih atau tidak

boleh dialih, menjual atau pun memindahkan hakmilik apa-apa harta boleh alih atau tak boleh alih yang hak mengenainya telah terletak hak padanya atau telah diperoleh olehnya dan melakukan apa-apa perkara yang perlu bagi maksud yang kerananya Pertubuhan ditubuhkan.

**Kuasa Pertubuhan untuk menubuhkan atau mengambil alih syarikat**

**74A.** (1) Pertubuhan boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, menubuhkan atau mengambil alih mana-mana syarikat di bawah *Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] untuk menjalankan, mentadbir, mengendalikan dan menguruskan apa-apa projek, usaha sama, program penswastaan, rancangan, perusahaan atau apa-apa perkara lain yang telah dirancang atau diusahakan oleh Pertubuhan bagi maksud Rancangan Keselamatan Sosial di bawah Akta ini.

(2) Pertubuhan boleh memberikan arahan kepada syarikat yang disebut dalam subseksyen (1) mengenai perkara yang berhubungan dengan pentadbiran, kewangan dan pengendalian syarikat itu yang selaras dengan peruntukan Akta ini, dan syarikat itu hendaklah melaksanakan arahan itu.

**Pelaburan wang**

**75.** (1) Tertakluk pada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan, wang Pertubuhan yang tidak dikehendaki dengan segera bagi menjelaskan perbelanjaan di bawah Akta hendaklah dilaburkan—

*(a)* dalam pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan bagi pelaburan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa;

*(b)* dalam pelaburan dalam syer dan debentur dalam mana-mana syarikat awam yang harganya disebut atau sedang

---

*CATATAN— Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] telah menggantikan Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2017—*lihat* subseksyen 620(1) Akta 777 dan P.U.(B) 50/2017.

diusahakan supaya disebut di bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia; dan

*(c)* dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga:

Dengan syarat bahawa apa-apa pelaburan yang dibuat di bawah Akta ini boleh diubah, ditukar atau dihasilkan dari semasa ke semasa.

(2) Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan pengosongan sebahagian daripada atau keseluruhan, atau melarang pelaburan dalam, mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

"debentur" meliputi saham debentur, bon, nota atau apa-apa sekuriti atau obligasi lain sesuatu syarikat, sama ada merupakan gadaian ke atas aset syarikat atau tidak dan juga meliputi hak untuk melanggan mana-mana debentur;

"syer" ertinya syer berbayar (sama ada berbayar sepenuhnya atau tidak) dalam modal syer sesuatu syarikat dan termasuk saham dan hak untuk melanggan mana-mana saham atau syer.

**Panel Pelaburan**

**75A.** (1) Suatu Panel Pelaburan yang hendaklah, tertakluk pada arahan yang boleh dikeluarkan oleh Lembaga, bertanggungjawab mengenai perkara yang berkaitan dengan pelaburan Pertubuhan hendaklah ditubuhkan.

(2) Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada orang yang berikut:

*(a)* Pengerusi Lembaga sebagai Pengerusi;

*(b)* dua orang anggota yang dilantik oleh Lembaga daripada antara anggota Lembaga, seorang mewakili majikan dan seorang mewakili orang berinsurans;

*(c)* Ketua Pengarah Pertubuhan;

*(d)* seorang wakil dari Perbendaharaan; dan

*(e)* (*Dipotong oleh Akta A1508*).

*(f)* tiga orang anggota lain yang mempunyai pengalaman perniagaan dan kewangan yang dilantik oleh Menteri:

Dengan syarat bahawa seseorang yang dilantik mengikut perenggan ini hendaklah, tertakluk pada Jadual Kesembilan, berkhidmat untuk tempoh dua tahun dari tarikh pelantikannya.

(3) Jadual Kesembilan hendaklah terpakai bagi Panel Pelaburan.

**75B.** (*Dipotong oleh Akta A981*).

**Mendapatkan pinjaman**

**76.** Pertubuhan boleh, dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran Menteri Kewangan dan mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan olehnya, mendapatkan pinjaman dan mengambil langkah bagi menyelesaikan pinjaman itu.

**Anggaran belanjawan**

**77.** Pertubuhan hendaklah pada tiap-tiap satu tahun merangka suatu belanjawan menunjukkan terimaan yang akan diterima dan perbelanjaan yang dicadangkan untuk dilakukan olehnya dalam tahun yang berikutnya dan hendaklah menyampaikan satu salinan belanjawan itu untuk diluluskan oleh Menteri sebelum tarikh yang

ditetapkan olehnya bagi maksud itu dan belanjawan itu hendaklah mengandungi peruntukan yang, pada pendapat Menteri, cukup untuk menyempurnakan tanggungan yang dilakukan oleh Pertubuhan dan untuk menyenggara suatu imbangan kerja.

**Akaun**

**78.** Pertubuhan hendaklah menyenggara akaun dan rekod yang wajar dan hendaklah menyediakan suatu penyata akaun bagi tiap-tiap tahun atau bagi apa-apa tempoh lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

**Audit**

**79.** (1) Akaun Pertubuhan hendaklah diaudit tiap tahun oleh Ketua Audit Negara.

(2) Ketua Audit Negara atau seseorang pegawai yang diwakilkannya adalah pada setiap masa yang munasabah berhak melihat buku, akaun dan dokumen lain Pertubuhan dan boleh, bagi maksud audit, meminta apa-apa penerangan dan maklumat yang dikehendakinya atau memeriksa mana-mana pegawai utama atau pegawai lain Pertubuhan.

(3) Lembaga hendaklah menghantar kepada Menteri suatu salinan laporan juruaudit dan apa-apa pandangan bersama-sama dengan suatu salinan akaun Pertubuhan yang telah diaudit. Menteri boleh mengarahkan Lembaga supaya menghantar suatu salinan laporan juruaudit dan suatu salinan apa-apa penyata akaun kepada mana-mana jabatan Kerajaan dan apa-apa penyata akaun yang perlu kepada Ketua Audit Negara.

**Laporan tahunan**

**80.** Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tahunan mengenai kerja dan aktiviti Pertubuhan sebelum 30 Jun tahun yang berikutnya melainkan jika dilanjutkan selainnya oleh Menteri.

**Laporan tahunan dan akaun yang telah diaudit**

**81.** Laporan tahunan dan akaun Pertubuhan yang telah diaudit hendaklah dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

**Penilaian aset dan tanggungan**

**82.** Lembaga hendaklah, pada lat tempoh lima tahun, menyebabkan suatu kajian semula aktuari dijalankan mengenai perjalanan rancangan yang diperuntukkan di bawah Akta ini, yang berkaitan dengan penilaian aset dan tanggungan Pertubuhan, dan laporan itu hendaklah dikemukakan kepada Menteri:

Dengan syarat bahawa adalah terbuka kepada Menteri untuk mengarahkan supaya kajian semula aktuari dan penilaian itu dibuat pada masa-masa lain yang difikirkannya perlu.

## BAHAGIAN V

## MEMUTUSKAN PERTIKAIAN DAN TUNTUTAN

**Keanggotaan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial**

**83.** (1) Menteri hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan suatu Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (disebut sebagai "Jemaah" dalam Bahagian ini) bagi Negeri atau kawasan yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

(2) Jemaah itu hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan dua orang pengapit.

(3) Seseorang adalah layak dilantik sebagai Pengerusi Jemaah itu jika—

*(a)* dia seorang warganegara; dan

*(b)* selama sepuluh tahun sebelum pelantikannya dia telah menjadi seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang Persekutuan atau seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi dalam Malaysia.

(4) Pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri mengikut terma dan syarat yang ditentukan olehnya.

(5) Dua orang pengapit itu hendaklah mewakili majikan dan pekerja dan hendaklah dipilih oleh Pengerusi daripada panel orang yang dilantik di bawah subseksyen (6).

(6) Menteri hendaklah, selepas berunding dengan mana-mana pertubuhan yang masing-masing mewakili majikan dan pekerja sebagaimana yang difikirkannya patut, melantik suatu panel yang terdiri daripada apa-apa bilangan orang yang difikirkannya sesuai untuk berkhidmat sebagai pengapit.

(7) (*Dipotong oleh Akta A1232*).

(8) (*Dipotong oleh Akta A1232*).

**Perkara untuk diputuskan oleh Jemaah**

**84.** (1) Jika terbit apa-apa soal atau pertikaian tentang—

*(a)* sama ada seseorang itu adalah seorang pekerja mengikut pengertian Akta ini atau sama ada orang itu bertanggungan membayar caruman pekerja;

*(b)* kadar gaji atau gaji harian purata seseorang pekerja bagi maksud Akta ini;

*(c)* kadar caruman yang kena dibayar oleh majikan utama bagi seseorang pekerja;

*(d)* seseorang yang menjadi atau telah menjadi majikan utama bagi seseorang pekerja;

*(e)* hak seseorang untuk mendapat apa-apa faedah dan tentang banyak dan lama tempoh faedah itu;

*(f)* apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan di bawah seksyen 35 dan 36 mengenai sesuatu kajian semula apa-apa bayaran pencen ilat atau faedah orang tanggungan atau pencen penakat; atau

*(g)* (*Dipotong oleh Akta A590*).

*(h)* apa-apa perkara lain yang dipertikaikan antara seseorang majikan utama dengan Pertubuhan, atau antara seseorang majikan utama dengan seseorang majikan langsung, atau antara seseorang dengan Pertubuhan atau antara seseorang pekerja dengan seseorang majikan utama atau majikan langsung, berkenaan dengan apa-apa caruman atau faedah atau bayaran-bayaran lain yang kena dibayar atau boleh dituntut di bawah Akta ini, atau apa-apa perkara lain yang dikehendaki diputuskan atau boleh diputuskan oleh Jemaah di bawah Akta ini,

soal atau pertikaian itu, tertakluk pada subseksyen (3), hendaklah diputuskan oleh Jemaah mengikut Akta ini.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), tuntutan yang berikut hendaklah diputuskan oleh Jemaah, iaitu:

*(a)* tuntutan untuk mendapatkan balik caruman daripada majikan utama;

*(b)* tuntutan oleh seseorang majikan utama untuk mendapatkan balik caruman daripada seseorang majikan langsung;

*(c)* (*Dipotong oleh Akta A590*);

*(d)* tuntutan ke atas seseorang majikan utama di bawah seksyen 48;

*(e)* tuntutan di bawah seksyen 50 untuk mendapatkan balik nilai atau banyaknya faedah yang diterima oleh seseorang manakala dia tidak berhak dengan sah kepadanya; dan

*(f)* apa-apa tuntutan untuk mendapatkan balik apa-apa faedah yang dibenarkan di bawah Akta ini.

(3) Jika terbit dalam apa-apa prosiding di hadapan Jemaah soal keilatan atau hilang upaya dan keputusan sesuatu jemaah doktor atau jemaah doktor rayuan belum didapati mengenainya manakala keputusan atas soal itu adalah perlu untuk menentukan tuntutan atau soal itu di hadapan Jemaah, Jemaah hendaklah mengarahkan Pertubuhan supaya mendapatkan soal itu diputuskan menurut Akta ini dan kemudiannya hendaklah menentukan tuntutan atau soal di hadapannya mengikut keputusan jemaah doktor atau jemaah doktor rayuan.

(4) Tiada sesuatu Mahkamah Sivil jua berkuasa memutuskan atau menguruskan apa-apa soal atau pertikaian yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) atau membuat keputusan atas apa-apa tanggungan yang, menurut Akta ini, kena diputuskan oleh Jemaah.

(5) Tiada sesuatu Mahkamah Sivil jua berkuasa memutuskan atau menguruskan apa-apa soal atau pertikaian yang, menurut Akta ini, kena diputuskan oleh suatu jemaah doktor atau suatu jemaah doktor rayuan.

**Memulakan prosiding, dsb.**

**85.** (1) Tertakluk pada Akta ini dan peraturan yang dibuat di bawahnya, semua prosiding di hadapan Jemaah hendaklah dimulakan pada Lembaga yang dilantik bagi kawasan tempat orang berinsurans itu bekerja pada masa soal atau pertikaian itu terbit.

(2) Menteri boleh memindahkan apa-apa perkara yang belum selesai di hadapan mana-mana Jemaah di sesuatu Negeri atau kawasan kepada mana-mana Jemaah seperti itu di suatu Negeri atau kawasan lain.

(3) Jemaah yang kepadanya apa-apa perkara dipindahkan di bawah subseksyen (2) hendaklah meneruskan prosiding itu seolah-olah prosiding telah dimulakan pada asalnya padanya.

**Pemulaan prosiding**

**86.** (1) Prosiding di hadapan sesuatu Jemaah hendaklah dimulakan dengan permohonan.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah dibuat dalam tempoh tiga tahun dari tarikh alasan tindakan terbit.

(3) Bagi maksud subseksyen (2)—

*(a)* alasan tindakan bagi sesuatu tuntutan faedah tidak boleh disifatkan sebagai terbit melainkan jika orang berinsurans itu atau dalam hal faedah orang tanggungan atau pencen penakat, orang tanggungan orang berinsurans itu atau, dalam hal faedah pengurusan mayat, orang yang menuntut itu, menuntut faedah itu mengikut peraturan yang dibuat bagi maksud itu dalam tempoh dua belas bulan selepas tuntutan kena ditunaikan atau dalam tempoh yang selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Jemaah atas alasan yang pada pendapatnya berpatutan;

*(b)* alasan tindakan bagi sesuatu tuntutan oleh Pertubuhan untuk mendapatkan caruman daripada majikan utama atau sesuatu tuntutan oleh majikan utama untuk mendapatkan caruman daripada seseorang majikan langsung tidak boleh disifatkan sebagai terbit hingga tarikh yang padanya atau sebelumnya keterangan mengenai caruman yang telah dibayar genap masanya untuk diterima oleh Pertubuhan menurut peraturan-peraturan;

*(c)* tiap-tiap permohonan itu hendaklah mengikut bentuk dan hendaklah mengandungi butir-butir dan hendaklah disertai dengan bayaran, jika ada, sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan.

**Kuasa Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial**

**87.** (1) Jemaah mempunyai segala kuasa seseorang Hakim Mahkamah Sesyen bagi maksud mengeluarkan saman dan memaksa kehadiran saksi, penzahiran, pengemukaan suratan dan benda-benda mustahak, mentadbirkan sumpah dan merekodkan keterangan.

(2) Jemaah hendaklah mematuhi apa-apa tatacara sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan.

(3) Segala belanja bersabit dengan apa-apa prosiding di hadapan sesuatu Jemaah hendaklah, tertakluk pada apa-apa peraturan sebagaimana yang dibuat bagi maksud ini, mengikut budi bicara Jemaah.

(4) Sesuatu perintah Jemaah hendaklah dikuatkuasakan seolah-olah ia adalah suatu hukuman Mahkamah Sesyen walaupun perintah itu ialah berkenaan dengan jumlah wang yang lebih daripada apa yang Mahkamah tersebut berkuasa membuatnya.

**Kehadiran melalui pengamal undang-undang, dsb.**

**88.** Sesuatu permohonan, kehadiran atau perbuatan yang dikehendaki dibuat atau dilakukan oleh seseorang kepada atau di hadapan sesuatu Jemaah (kecuali kehadiran seseorang yang dikehendaki bagi maksud diperiksa sebagai seorang saksi) boleh dibuat atau dilakukan oleh seorang pengamal undang-undang atau oleh seorang pegawai kesatuan sekerja berdaftar yang diberi kuasa dengan bertulis oleh orang itu atau dengan kebenaran Jemaah, oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa sedemikian.

**Faedah tidak boleh dibenarkan melainkan jika dituntut dalam masa yang sepatutnya**

**89.** Sesuatu Jemaah tidak boleh mengarahkan pembayaran apa-apa faedah kepada seseorang melainkan jika orang itu telah membuat tuntutan untuk faedah itu mengikut peraturan yang dibuat bagi maksud itu dan seksyen 86:

Dengan syarat bahawa jika Jemaah berpuas hati bahawa ada sebab yang berpatutan mengapa tuntutan tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan, Jemaah boleh mengarahkan pembayaran faedah itu seolah-olah tuntutan telah dibuat dalam masa yang sepatutnya.

**Rujukan kepada Mahkamah Tinggi**

**90.** Sesuatu Jemaah boleh mengemukakan apa-apa soal undang-undang untuk keputusan Mahkamah Tinggi dan jika Jemaah itu berbuat demikian ia hendaklah memutuskan soal yang belum selesai di hadapannya itu mengikut keputusan tersebut.

**Rayuan**

**91.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyatanya dalam seksyen ini, tiada apa-apa rayuan boleh dibuat terhadap sesuatu perintah jemaah rayuan yang ditubuhkan menurut atau di bawah Akta ini.

(2) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi terhadap sesuatu perintah jemaah rayuan yang ditubuhkan menurut atau di bawah Akta ini jika rayuan itu berkenaan dengan soal undang-undang yang material.

(3) Had tempoh bagi sesuatu rayuan di bawah seksyen ini ialah enam puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat.

**Pembayaran digantung sementara menanti rayuan**

**92.** Jika Pertubuhan telah mengemukakan suatu rayuan terhadap sesuatu perintah Jemaah, Jemaah itu boleh, dan jika diarahkan oleh Mahkamah Tinggi hendaklah, sementara menanti keputusan rayuan itu, menahan pembayaran apa-apa jumlah wang yang diarahkan oleh perintah yang terhadapnya rayuan dibuat supaya dibayar.

BAHAGIAN VI

PENALTI

**Hukuman bagi maklumat palsu**

**93.** Jika mana-mana orang, bagi maksud menyebabkan apa-apa tambahan pembayaran atau faedah di bawah Akta ini, atau bagi maksud menyebabkan apa-apa pembayaran atau faedah dibuat jika pembayaran atau faedah itu tidak dibenarkan oleh atau di bawah Akta ini, atau bagi maksud mengelakkan apa-apa pembayaran daripada dibuat olehnya sendiri di bawah Akta ini, atau membolehkan mana-mana orang lain mengelakkan apa-apa pembayaran sedemikian—

*(a)* membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa pernyataan palsu atau representasi palsu; atau

*(b)* membuat secara bertulis atau menandatangani apa-apa akuan, borang, laporan, perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta yang tidak benar atau tidak betul dalam apa-apa butir material,

boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya.

**Hukuman bagi kemungkiran membayar caruman, dsb.**

**94.** Jika sesiapa—

*(a)* mungkir membayar apa-apa caruman atau mana-mana bahagiannya yang kena dibayar olehnya di bawah Akta ini atau tidak membayar dalam masa yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan apa-apa bunga yang kena dibayar di bawah seksyen 14A;

*(b)* memotong atau cuba memotong kesemua atau sebahagian caruman majikan daripada gaji seseorang pekerja;

*(c)* dengan menyalahi seksyen 52 mengurangkan gaji atau apa-apa keistimewaan atau faedah yang dibenarkan bagi seseorang pekerja;

*(d)* dengan menyalahi seksyen 53 atau mana-mana peraturan, membuang kerja, memberhentikan, mengurangkan ataupun menghukum seseorang pekerja;

*(e)* mungkir atau enggan menyampaikan apa-apa penyata atau laporan kemalangan yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan atau membuat sesuatu penyata atau laporan palsu;

*(f)* menghalang seseorang Pemeriksa atau pegawai lain Pertubuhan pada menunaikan kewajipannya; atau

*(g)* melakukan kesalahan melanggar Akta ini atau tidak mematuhi apa-apa kehendak Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang tidak ada penalti khas diperuntukkan baginya,

ia hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya.

**Perintah Mahkamah berkenaan dengan caruman yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan**

**94A.** (1) Apabila seseorang didapati bersalah kerana melakukan apa-apa kesalahan di bawah perenggan 94*(a)*, Mahkamah yang mendapati orang itu bersalah hendaklah memerintahkan orang itu membayar kepada Pertubuhan amaun apa-apa caruman, bersama dengan bunga yang dikreditkan kepadanya, yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan dan disahkan oleh pegawai berkuasa Pertubuhan sebagai kena dibayar oleh orang itu sebelum tarikh dia didapati bersalah itu dan

perakuan pegawai berkuasa itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang amaun yang genap masa dan kena dibayar itu.

(2) Caruman itu hendaklah boleh dituntut balik mengikut cara yang sama sebagaimana, dan boleh dirayukan seolah-olah ia adalah, suatu perintah bagi bayaran pampasan di bawah seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], kecuali bahawa jika Mahkamah mengarahkan supaya pembayaran jumlah wang itu dibuat secara ansuran, Mahkamah hendaklah mengarahkan supaya jumlah wang itu dibayar dengan tidak lebih daripada enam ansuran.

(3) Apabila seseorang itu didapati bersalah atas mana-mana kesalahan di bawah perenggan 94*(e)* berkenaan dengan pengemukaan laporan kemalangan, Mahkamah yang dihadapannya orang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu mengemukakan laporan kemalangan yang dikehendaki itu dalam masa yang ditentukan oleh Mahkamah.

**Perbicaraan bagi lebih daripada satu kesalahan**

**94B.** Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, seseorang boleh dipertuduh dan dibicarakan dalam mana-mana satu perbicaraan bagi apa-apa bilangan kesalahan di bawah perenggan 94*(a)*, tidak melebihi tiga puluh enam, dan kesalahan tersebut hendaklah, bagi maksud undang-undang yang berkuat kuasa pada masa itu yang berhubungan dengan tatacara jenayah, disifatkan menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama.

**Salinan catatan menjadi keterangan *prima facie***

**94C.** Dalam sesuatu prosiding undang-undang, suatu salinan catatan dalam akaun Pertubuhan yang disahkan dengan sempurna di bawah tandatangan seorang pegawai Pertubuhan yang diberi kuasa hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa catatan tersebut telah dibuat dan mengenai kebenaran kandungannya.

**Pendakwaan**

**95.** (1) Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1232*).

(3) (*Dipotong oleh Akta A675*).

**Mengkompaunkan kesalahan**

**95A.** (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Ketua Pengarah, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

**Orang berinsurans tidak berhak mendapat lebih daripada satu faedah**

**96.** (1) Seseorang orang berinsurans tidak dibenarkan menerima, bagi tempoh yang sama dan berkenaan dengan hilang upaya yang sama, pencen ilat dan faedah hilang upaya kekal.

(2) Jika seseorang orang berinsurans berhak mendapat kedua-dua faedah, dia boleh memilih faedah yang akan diterimanya bagi tempoh itu.

**Orang tanggungan tidak berhak mendapat kedua-dua pencen penakat dan faedah orang tanggungan bagi tempoh yang sama**

**96A.** (1) Seseorang orang tanggungan tidak dibenarkan menerima, bagi tempoh yang sama dan berkenaan dengan orang berinsurans yang sama, pencen penakat dan faedah orang tanggungan.

(2) Jika orang tanggungan berhak kepada pencen penakat_dan faedah orang tanggungan kedua-duanya, dia boleh memilih untuk menerima faedah yang kena dibayar pada kadar yang lebih tinggi.

**Pengecualian bagi perusahaan atau kelas perusahaan**

**97**. Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu, mengecualikan mana-mana perusahaan atau kelas perusahaan dalam mana-mana kawasan yang tertentu daripada kuat kuasa Akta ini bagi tempoh selama tidak lebih daripada satu tahun dan boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan yang serupa membaharui pengecualian tersebut, bagi tempoh selama tidak lebih daripada satu tahun pada sesuatu masa.

**Pengecualian bagi orang atau kelas orang**

**98.** Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan tertakluk pada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang yang bekerja dalam mana-mana perusahaan atau kelas perusahaan yang baginya Akta ini terpakai daripada kuat kuasa Akta ini.

**Pertubuhan hendaklah membuat pernyataan**

**99.** Tiada apa-apa pengecualian boleh dibenarkan atau dibaharui di bawah seksyen 97 dan 98, melainkan jika peluang yang berpatutan telah diberikan kepada Pertubuhan bagi membuat apa-apa pernyataan yang hendak dibuatnya mengenai cadangan itu dan pernyataan tersebut telah ditimbangkan oleh Menteri.

**Pengecualian bagi perusahaan yang dipunyai oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan**

**100.** Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu, mengecualikan mana-mana perusahaan atau kelas perusahaan yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun, daripada kuat kuasa Akta ini, jika pekerja dalam mana-mana perusahaan atau kelas perusahaan tersebut menerima apa-apa faedah lain yang pada asasnya serupa dengan atau lebih baik daripada faedah yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

**Pengecualian daripada satu peruntukan Akta ini atau lebih**

**101.** Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana pekerja atau kelas pekerja dalam mana-mana perusahaan atau kelas perusahaan daripada satu peruntukan atau lebih yang berhubungan dengan faedah yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

**Caruman, dsb., yang kena dibayar kepada Pertubuhan hendaklah mendapat keutamaan daripada hutang lain**

**102.** Maka hendaklah disifatkan sebagai termasuk antara hutang yang, menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan hal tidak berkemampuan yang berkuat kuasa dalam negeri ini, ada dalam harta pihak tidak berkemampuan yang kena dibahagikan atau ada dalam aset sesuatu syarikat yang sedang diselesaikan urusannya yang kena dibahagikan, dibayar dengan diberi keutamaan daripada segala hutang lain, jumlah wang yang kena dibayar mengenai apa-apa caruman atau apa-apa jumlah wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini yang tanggungan bagi membayarnya telah wujud sebelum tarikh perintah keputusan mengenai pihak tidak berkemampuan itu atau tarikh penyelesaian urusan itu.

**Menjalankan kuasa dan fungsi Pertubuhan**

**103.** Semua kuasa dan fungsi yang boleh dijalankan oleh Pertubuhan di bawah Akta ini hendaklah dijalankan oleh Ketua Pengarah atau oleh mana-mana pegawai Pertubuhan yang diberi kuasa olehnya atau oleh suatu pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh Menteri.

**Pelupusan dokumen selepas lebih daripada tiga tahun**

**103A.** (1) Ketua Pengarah boleh membenarkan mana-mana dokumen berasaskan kertas kepunyaan Pertubuhan disalin ke atas bahan tara elektronik dengan cara yang akan memastikan bahawa imej tepat dokumen itu dapat dilihat, dikeluarkan semula dan disalin.

(2) Jika sesuatu dokumen berasaskan kertas telah disalin mengikut subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh membenarkan pelupusan dokumen berasaskan kertas itu selepas tamat tempoh tiga tahun dari pembuatan salinan elektronik itu.

(3) Sesuatu salinan dokumen yang disimpan pada bahan tara elektronik mengikut subseksyen (1) hendaklah boleh diterima sebagai

keterangan tentang apa-apa fakta yang dinyatakan di dalamnya mengikut seksyen 90A Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

**104.** (*Dipotong oleh Akta 478*).

**Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan**

**105.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan, yang tidak bertentangan dengan Akta ini, bagi mentadbirkan hal ehwal Pertubuhan dan bagi melaksanakan Akta ini.

(2) Khususnya dan dengan tidak menyentuh keluasan kuasa yang tersebut di atas, peraturan-peraturan itu boleh membuat peruntukan bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut, iaitu:

(i) (*Dipotong oleh Akta A675*);

(ii) (*Dipotong oleh Akta A675*);

(iii) cara bagaimana apa-apa caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini dikehendaki ditaksir dan dipungut;

(iv) pengenaan bunga mengikut kadar yang tidak kurang daripada enam peratus setahun atas caruman yang kena dibayar tetapi tidak dibayar tertakluk pada lima ringgit sekurang-kurangnya bagi setiap bulan atau sebahagian daripada sebulan yang tidak dibayar selepas tarikh yang sepatutnya dan syarat yang membolehkan bunga itu tidak dikenakan;

(v) bunga yang kena dibayar bagi jumlah wang yang kena dibayar untuk bantuan ilat;

(vi) penghitungan gaji bagi maksud menetapkan caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini;

(vii) perakuan hilang upaya dan kelayakan bagi apa-apa faedah berupa wang;

(viii) cara menentukan nilai aktuari pada masa itu bagi bayaran berkala;

(ix) pentaksiran nilai wang bagi apa-apa faedah yang bukan berupa wang;

(x) tempoh dalam masa dan borang yang dengannya sesuatu tuntutan faedah boleh dibuat dan butiran yang dikehendaki dinyatakan dalam tuntutan itu;

(xi) hal keadaan bagaimana seseorang pekerja yang menerima faedah hilang upaya boleh dibuang kerja, diberhentikan, dikurangkan atau pun dihukum;

(xii) cara bagaimana dan tempat dan masa bila sesuatu faedah akan dibayar;

(xiii) cara mengira jumlah faedah berupa wang yang kena dibayar dan hal keadaan bagaimana dan setakat mana penggantian faedah hilang upaya dan faedah orang tanggungan boleh dibenarkan dan cara mengira nilai penggantian itu;

(xiv) syarat yang membolehkan sesuatu faedah digantung;

(xv) syarat yang dikehendaki dipatuhi oleh seseorang apabila menerima sesuatu faedah dan pemeriksaan berkala kesihatan orang tersebut;

(xvi) lawatan mengenai orang hilang upaya;

(xvii) pelantikan pengamal perubatan bagi maksud Akta ini, kewajipan pengamal tersebut dan borang perakuan kesihatan;

(xviii) penalti kerana melanggar peraturan dengan denda (tidak lebih daripada dua hari gaji bagi langgaran pertama kali dan tidak lebih daripada tiga hari gaji bagi sesuatu langgaran seterusnya) yang boleh dikenakan ke atas pekerja;

(xix) hal keadaan bagaimana dan syarat yang tertakluk padanya mana-mana peraturan boleh dikendurkan, takat pengenduran itu dan dengan kuasa siapa pengenduran itu boleh dibenarkan;

(xx) penyata dan laporan yang dikehendaki disampaikan dan daftar atau rekod yang dikehendaki disenggarakan oleh majikan utama dan majikan langsung, bentuk penyata dan laporan, daftar atau rekod itu dan masa penyata dan laporan itu dikehendaki disampaikan dan butir-butir yang patut terkandung dalam penyata, daftar dan rekod itu;

(xxa) kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini yang boleh dikompaun, dan kriteria, kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan yang boleh dikompaun itu;

(xxi) kewajipan dan kuasa Pemeriksa dan pegawai dan pekhidmat lain Pertubuhan;

(xxia) keanggotaan jemaah doktor, termasuk Jemaah Doktor Khas;

(xxii) keanggotaan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial dan Jemaah Doktor Rayuan, kelayakan orang yang boleh dilantik menjadi pengerusi dan ahli, dan syarat perkhidmatan bagi pengerusi dan ahli tersebut;

(xxiii) tatacara yang akan diikuti dalam prosiding di hadapan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial dan Jemaah Doktor

Rayuan dan pelaksanaan keputusan oleh Jemaah Rayuan itu;

(xxiv) bayaran yang kena dibayar bagi permohonan yang dibuat kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial, belanja bersampingan dengan prosiding jemaah itu, bentuk yang mengikutnya permohonan patut dibuat kepada jemaah dan butir-butir yang dikehendaki dinyatakan dalam permohonan itu;

(xxv) penubuhan hospital, dispensari dan yayasan lain, penguntukan orang berinsurans kepada hospital, dispensari atau yayasan lain itu setelah berunding dengan Kementerian Kesihatan;

(xxvi) tingkatan faedah perubatan yang akan diadakan di mana-mana hospital, klinik, dispensari atau yayasan, penyenggaraan rekod perubatan dan penyampaian penyata perangkaan;

(xxvii) jenis dan had kakitangan, kelengkapan dan ubat yang akan diadakan di hospital, dispensari dan yayasan itu;

(xxviii) tatacara yang dikehendaki diikuti apabila mengirim caruman kepada Pertubuhan;

(xxix) pendaftaran perusahaan;

(xxx) perkara yang dikehendaki dipertimbangkan dalam penilaian berkala aset dan tanggungan Pertubuhan;

(xxxi) pelaburan Kumpulan Wang Keselamatan Sosial dan pemindahan atau perealisasiannya, bank di mana wang Pertubuhan boleh disimpan, mendapatkan dan membayar balik pinjaman dan kawalan dan tatacara kewangan dengan berunding dengan Menteri Kewangan;

(xxxia) pengenaan apa-apa fi atau caj bagi pemberian apa-apa maklumat atau dokumen yang berada dalam jagaan Pertubuhan; dan

(xxxii) apa-apa perkara yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan dikehendaki atau dibenarkan dibuat oleh Akta ini.

**Kewajipan Lembaga untuk mengkaji semula faedah**

**106.** Tanpa menyentuh seksyen 59I, apabila perubahan material pada pendapatan keseluruhan berbangkit daripada perubahan material pada belanja hidup, Lembaga hendaklah memeriksa kedudukan itu berasaskan penilaian aktuari yang dibuat di bawah seksyen 82 dan hendaklah membuat syor kepada Menteri bagi melaraskan Rancangan Insurans Sosial untuk mempertahankan nilai sebenar faedah wang tunai tertentu. Syor Lembaga, yang hendaklah disertakan dengan laporan aktuari itu dan juga mengambil kira dasar sosial Kerajaan, boleh termasuk—

*(a)* cadangan bagi skel baru kelas gaji dan caruman;

*(b)* cadangan bagi perubahan tentang kadar faedah wang tunai tertentu termasuk kadar pencen yang telah pun dalam pembayaran; dan

*(c)* peluasan faedah.

**Kadar faedah**

**106A.** Kadar faedah sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 20, 20A, 30 dan dalam Jadual Keempat hendaklah terpakai bagi semua kes yang sedang menerima bayaran faedah pada tarikh kadar itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa mana-mana faedah dan tambahan kepada faedah yang telah sedia diperuntukkan oleh undang-undang hendaklah

dipotong daripada kadar dihitung semula yang baru sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen itu:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa seksyen ini tidak menjejaskan sesuatu kes jika faedah yang telah dibayar adalah lebih daripada kadar dihitung semula yang baru:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal apabila orang berinsurans yang menerima pencen ilat mati sebelum 1 Februari 1986, amaun kadar bulanan pencen ilat bagi maksud pencen penakat di bawah seksyen 20A ialah amaun yang berhak diterima oleh orang berinsurans yang mati itu sekiranya dia masih hidup dalam bulan Januari 1986.

**Tambahan faedah**

**107.** Apa-apa faedah lain boleh ditambahkan kepada faedah yang diperuntukkan oleh Akta ini, tertakluk pada apa-apa tingkatan dan terma dan syarat yang diperuntukkan oleh undang-undang dan undang-undang tersebut adalah menjadi sebahagian daripada Akta ini.

**Kuasa untuk menghapuskan kesulitan**

**108.** (1) Jika apa-apa kesulitan terbit pada melaksanakan peruntukan Akta ini, Menteri Sumber Manusia atau Menteri Kewangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa peruntukan atau memberikan apa-apa arahan yang tidak bertentangan dengan peruntukan Akta ini, sebagaimana yang didapatinya perlu atau suai manfaat bagi menghapuskan kesulitan itu.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun peruntukan yang bertentangan dengannya dalam mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

**Tanggungan bersesama dan berasingan pengarah**

**108A.** Jika apa-apa jumlah wang yang merupakan caruman berserta apa-apa bunga yang kena dibayar atasnya masih tidak dibayar oleh sesuatu syarikat, firma atau persatuan orang, walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, pengarah syarikat itu termasuk mana-mana orang yang merupakan pengarah syarikat itu dalam tempoh caruman itu kena dibayar, atau anggota firma itu termasuk mana-mana orang yang merupakan anggota firma itu dalam tempoh caruman itu kena dibayar atau pemegang jawatan persatuan orang itu, termasuk mana-mana orang yang merupakan pemegang jawatan persatuan itu dalam tempoh caruman itu kena dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah bersama-sama dengan syarikat, firma atau persatuan orang itu bertanggungan secara bersesama dan berasingan bagi caruman itu berserta bunga yang genap masa dan kena dibayar atasnya kepada Pertubuhan.

**Mendapatkan balik caruman, dsb.**

**109.** Dengan tidak menyentuh apa-apa cara lain bagi mendapatkan caruman atau wang lain yang kena dibayar atau yang boleh didapatkan di bawah Akta ini, apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan boleh didapatkan, seolah-olah ia tunggakan sewa tanah atau tunggakan sejumlah wang yang kena dibayar kepada pihak berkuasa tempatan:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidaklah boleh berkuat kuasa dalam sesebuah Negeri sehingga diterima oleh Badan Perundangan Negeri itu.

**Kuasa Ketua Pengarah**

**110**. (1) Bagi maksud Akta ini, Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai lain Pertubuhan yang diberi kuasa olehnya adalah mempunyai segala kuasa Hakim Mahkamah Sesyen untuk menyaman dan memeriksa majikan, orang berinsurans, saksi dan orang lain dan

mengendalikan sumpah atau ikrar dan untuk memaksa pengemukaan dokumen dan benda material.

(2) Mana-mana orang yang dengan apa-apa cara sengaja menghalang disampaikan atau dipatuhi apa-apa saman dan mana-mana orang yang disaman yang abai hadir dan mengemukakan dokumen sebagaimana dikehendaki dalam saman itu boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya.

(3) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa olehnya hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

**Pertubuhan berurusan dengan orang yang diberi kuasa**

**111.** (1) Dalam semua perkara mengenai faedah di bawah Akta ini, Pertubuhan boleh berurusan secara langsung dengan orang berinsurans atau orang tanggungannya, atau seorang pegawai kesatuan sekerja berdaftar yang diberi kuasa secara bertulis oleh orang berinsurans itu atau orang tanggungannya, atau seorang pengamal undang-undang yang mewakili orang berinsurans itu atau orang tanggungannya.

(2) Pertubuhan boleh enggan melayani apa-apa representasi yang dibuat oleh mana-mana orang lain.

**Faedah bagi dua kemalangan atau lebih yang berturut-turut**

**112.** (1) Jika seseorang mengalami hilang upaya kekal akibat daripada dua kemalangan atau lebih yang berturut-turut, dia tidaklah pada tempoh yang sama berhak menerima faedah hilang upaya bagi hilang upaya kekal yang lebih daripada kadar harian bagi hilang upaya langsung yang kekal.

(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan untuk menyelaraskan faedah hilang upaya yang kena dibayar berkenaan dengan kemalangan yang berturut-turut atau syarat

bagi penerimaan faedah itu dalam mana-mana hal jika faedah hilang upaya itu telah digantikan dengan bayaran sekaligus.

**Penyerahan dokumen secara elektronik**

**112A.** (1) Tertakluk pada subseksyen (2), Pertubuhan boleh membenarkan apa-apa penyata, penyataan, butiran, rekod, notis, laporan, daftar atau dokumen lain yang dikehendaki untuk diserahkan atau dikemukakan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini melalui perantara elektronik atau secara penyampaian elektronik.

(2) Syarat dan spesifikasi yang di bawahnya sesuatu penyata, penyataan, butiran, rekod, notis, laporan, daftar atau dokumen lain yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diserahkan atau dikemukakan hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.

(3) Penyata, penyataan, butiran, rekod, notis, laporan, daftar atau dokumen lain yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah diserahkan atau dikemukakan oleh seseorang kepada Pertubuhan pada tarikh pengakuterimaan dokumen itu disampaikan secara elektronik oleh Pertubuhan kepada orang itu.

(4) Pengakuterimaan oleh Pertubuhan, penyata, penyataan, butiran, rekod, notis, laporan, daftar atau dokumen lain yang diserah atau dikemukakan menurut subseksyen (3) hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding.

---

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 3]

(1) (*Dipotong oleh Akta A1508*).

(2) Sesiapa yang pekerjaannya berjenis sambilan dan yang diambil kerja selain bagi maksud perusahaan majikannya.

(3) (*Dipotong oleh P.U.(A) 247/2021*).

(4) Seseorang tributer iaitu seseorang yang dibenarkan memperoleh apa-apa jenis galian atau hasil daripada atau atas tanah seseorang lain dan yang, sebagai balasan bagi kebenaran itu, memberikan sebahagian galian atau hasil yang diperoleh itu kepada orang lain itu atau membayar kepadanya nilai bahagian itu.

(5) (*Dipotong oleh P.U. (A) 144/2018).*

(6) Seseorang anggota Pasukan Bersenjata Malaysia atau mana-mana Pasukan Tempatan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau daripada mana-mana Pasukan Pelawat yang berada dengan sah dalam Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan Pasukan Pelawat.

(7) Seseorang pegawai polis, dan mana-mana orang lain yang diambil bekerja bagi menjalankan kewajipan polis mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis semasa menjalankan kewajipan itu.

(8) Seseorang yang ditahan dalam penjara, Sekolah Henry Gurney, sekolah yang diluluskan, tempat tahanan, hospital mental, atau petempatan kusta.

(9)–(11) (*Dipotong oleh Akta A814*).

(12) Setakat yang peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pencen ilat—

(i) seseorang pekerja yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun dan yang berkenaan dengannya tiada caruman telah kena dibayar sebelum dia mencapai umur lima puluh lima tahun;

(ii) seseorang pekerja yang telah mencapai umur enam puluh tahun;

(iii) seseorang ilat diperakui yang menerima pencen ilat; dan

(iv) seseorang pekerja asing, kecuali—

*(a)* orang bukan warganegara yang bermastautin secara tetap di Malaysia dan yang dikeluarkan dengan kad pengenalan sebagaimana yang diperihalkan di bawah perenggan 5(3)*(b)* Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [*P.U. (A) 472/1990*];

*(b)* orang yang—

(i) memasuki Malaysia secara sah melalui suatu pas atau permit imigresen yang sah;

(ii) dibenarkan menetap di Malaysia bagi tempoh dua belas bulan dan ke atas; dan

(iii) dikeluarkan dengan kad pengenalan sebagaimana yang diperihalkan di bawah perenggan 5(3)*(c)* Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990; dan

*(c)* orang yang dilahirkan di Malaysia tetapi taraf kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan, dan yang dikeluarkan dengan kad pengenalan sebagaimana yang diperihalkan di bawah perenggan 5(3)*(c)* Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

(13) (*Dipotong oleh Akta A1445*).

---

## JADUAL KEDUA

[Seksyen 2]

### BAHAGIAN I

*Senarai bencana yang disifatkan sebagai mengakibatkan hilang upaya langsung yang kekal*

| *No. Siri* | *Jenis Bencana* | *Peratus kehilangan upaya mencari nafkah* |
|---|---|---|
| 1. | Hilang kedua-dua tangan atau pengudungan di anggota atas | 100 |
| 2. | Hilang sebelah tangan dan sebelah kaki (buku lali ke bawah) | 100 |
| 3. | Pengudungan dua anggota di betis atau paha atau pengudungan di betis atau paha di sebelah kaki dan hilang kaki (buku lali ke bawah) yang lagi satu | 100 |
| 4. | Hilang penglihatan sehingga pihak menuntut tidak dapat membuat apa-apa pekerjaan yang memerlukan penglihatan | 100 |
| 5. | Cacat parah pada muka | 100 |

| *No. Siri* | *Jenis Bencana* | *Peratus kehilangan upaya mencari nafkah* |
|---|---|---|
| 6. | Pekak tuli | 100 |

BAHAGIAN II

*Senarai bencana yang disifatkan sebagai mengakibatkan hilang upaya separa yang kekal*

| *No. Siri* | *Jenis Bencana* | *Peratus kehilangan upaya mencari nafkah* |
|---|---|---|
| | *Pengudungan—anggota atas (Mana-mana satu tangan)* | |
| 1. | Pengudungan di sendi bahu | 90 |
| 2. | Pengudungan di pangkal lengan dengan kudungnya kurang dari 8” dari hujung permatang belikat | 80 |
| 3. | Pengudungan di bawah 8” daripada hujung permatang belikat hingga kurang daripada 4½” di bawah hujung siku | 70 |
| 4. | Hilang sebelah tangan atau ibu jari dan empat jari sebelah tangan atau pengudungan dari 4½” di bawah hujung siku | 60 |
| 5. | Hilang ibu jari | 30 |
| 6. | Hilang ibu jari dan tulang pada tapak tangan | 40 |
| 7. | Hilang empat jari sebelah tangan | 50 |
| 8. | Hilang tiga jari sebelah tangan | 30 |
| 9. | Hilang dua jari sebelah tangan | 20 |
| 10. | Hilang tulang ruas hujung ibu jari | 20 |

| *No. Siri* | *Jenis Bencana* | *Peratus kehilangan upaya mencari nafkah* |
|---|---|---|
| | *Pengudungan—anggota bawah* | |
| 11. | Pengudungan kedua-dua kaki mengakibatkan kudung menyangga badan | 80 |
| 12. | Pengudungan di kedua-dua kaki (buku lali ke bawah) lebih ke pangkal dari sendi tulang tapak kaki-jari kaki | 80 |
| 13. | Hilang semua jari kedua-dua kaki di sendi tulang tapak kaki-jari kaki | 40 |
| 14. | Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke pangkal dari sendi ruas pangkal-tengah jari | 30 |
| 15. | Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke hujung dari sendi ruas pangkal-tengah jari | 20 |
| 16. | Pengudungan di sendi pangkal paha | 90 |
| 17. | Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungnya tidak lebih dari 5” panjang diukur dari hujung bonggol besar tulang paha | 80 |
| 18. | Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungnya lebih daripada 5” panjang diukur dari hujung bonggol besar tetapi tidak lebih ke hujung dari tengah paha | 70 |
| 19. | Pengudungan di bawah tengah paha tidak lebih daripada 3½” di bawah lutut | 60 |
| 20. | Pengudungan di bawah lutut dengan kudungnya lebih daripada 3½” tetapi tidak lebih daripada 5” | 50 |
| 21. | Pengudungan di bawah lutut dengan kudungnya lebih daripada 5” | 40 |
| 22. | Pengudungan sebelah kaki mengakibatkan kudung menyangga badan | 30 |

| *No. Siri* | *Jenis Bencana* | *Peratus kehilangan upaya mencari nafkah* |
|---|---|---|
| 23. | Pengudungan di sebelah kaki (buku lali ke bawah) lebih ke pangkal dari sendi tulang tapak kaki-jari kaki | 30 |
| 24. | Hilang semua jari sebelah kaki di sendi tulang tapak kaki-jari kaki | 20 |
| | *Bencana lain* | |
| 25. | Hilang sebelah mata, tanpa kesulitan, mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa | 40 |
| 26. | Hilang penglihatan sebelah mata, tanpa kesulitan atau cacat biji mata, mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa | 30 |
| 27. | Hilang pendengaran langsung yang kekal di sebelah telinga | 20 |
| | Hilang— | |
| | A—Jari tangan sebelah kanan atau kiri | |
| | *Jari telunjuk* | |
| 28. | Seluruh | 14 |
| 29. | Dua ruas | 11 |
| 30. | Satu ruas | 9 |
| 31. | Pengudungan tetak hujung jari tanpa hilang tulang | 5 |
| | *Jari hantu* | |
| 32. | Seluruh | 12 |
| 33. | Dua ruas | 9 |
| 34. | Satu ruas | 7 |

| *No. Siri* | *Jenis Bencana* | *Peratus kehilangan upaya mencari nafkah* |
|---|---|---|
| 35. | Pengudungan tetak hujung jari tanpa hilang tulang | 4 |
| | *Jari kelingking* | |
| 36. | Seluruh | 7 |
| 37. | Dua ruas | 6 |
| 38. | Satu ruas | 5 |
| 39. | Pengudungan tetak hujung jari tanpa hilang tulang | 2 |
| | B—Jari kaki kiri atau kanan | |
| | *Ibu jari kaki* | |
| 40. | Di sendi tapak kaki-jari kaki | 14 |
| 41. | Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang | 3 |
| | *Jari kaki lain* | |
| 42. | Di sendi tapak kaki-jari kaki | 3 |
| 43. | Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang | 1 |
| | *Dua jari sebelah kaki tidak termasuk ibu jari kaki* | |
| 44. | Di sendi tapak kaki-jari kaki | 5 |
| 45. | Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang | 2 |
| | *Tiga jari sebelah kaki tidak termasuk ibu jari kaki* | |
| 46. | Di sendi tapak kaki-jari kaki | 6 |
| 47. | Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang | 3 |

| *No. Siri* | *Jenis Bencana* | *Peratus kehilangan upaya mencari nafkah* |
|---|---|---|
| | *Empat jari sebelah kaki tidak termasuk ibu jari kaki* | |
| 48. | Di sendi tapak kaki-jari kak | 9 |
| 49. | Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang | 3 |

CATATAN—kehilangan langsung dan kekal penggunaan mana-mana anggota yang disebut dalam Jadual ini hendaklah disifatkan sebagai sama seperti kehilangan anggota itu.)

JADUAL KETIGA

[Seksyen 6]

KADAR CARUMAN

**1.** Caruman jenis Pertama dan Kedua hendaklah dihitung dengan merujuk kepada gaji bulanan dan hendaklah dibayar mengikut kadar yang dinyatakan di bawah ini.

**1A.** Bagi maksud Jadual ini—

*(a)* "Gaji bulanan" ertinya gaji yang kena dibayar kepada seseorang pekerja berkenaan dengan semua tempoh gaji yang berakhir dalam bulan itu; dan

*(b)* "Tempoh gaji" ertinya tempoh yang berkenaan dengannya gaji yang patut diperoleh oleh seseorang pekerja adalah kena dibayar.

**2.** Bahagian I—Caruman jenis Pertama—bagi Keilatan dan Bencana Kerja.

| | *Gaji Bulanan* | *Caruman Majikan* | *Caruman Pekerja* | *Jumlah* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Gaji hingga RM30 | 40 sen | 10 sen | 50 sen |
| 2. | Apabila gaji melebihi RM30 tetapi tidak melebihi RM50 | 70 sen | 20 sen | 90 sen |

| | *Gaji Bulanan* | *Caruman Majikan* | *Caruman Pekerja* | *Jumlah* |
|---|---|---|---|---|
| 3. | Apabila gaji melebihi RM50 tetapi tidak melebihi RM70 | RM1.10 | 30 sen | RM1.40 |
| 4. | Apabila gaji melebihi RM70 tetapi tidak melebihi RM100 | RM1.50 | 40 sen | RM1.90 |
| 5. | Apabila gaji melebihi RM100 tetapi tidak melebihi RM140 | RM2.10 | 60 sen | RM2.70 |
| 6. | Apabila gaji melebihi RM140 tetapi tidak melebihi RM200 | RM2.95 | 85 sen | RM3.80 |
| 7. | Apabila gaji melebihi RM200 tetapi tidak melebihi RM300 | RM4.35 | RM1.25 | RM5.60 |
| 8. | Apabila gaji melebihi RM300 tetapi tidak melebihi RM400 | RM6.15 | RM1.75 | RM7.90 |
| 9. | Apabila gaji melebihi RM400 tetapi tidak melebihi RM500 | RM7.85 | RM2.25 | RM10.10 |
| 10. | Apabila gaji melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM600 | RM9.65 | RM2.75 | RM12.40 |
| 11. | Apabila gaji melebihi RM600 tetapi tidak melebihi RM700 | RM11.35 | RM3.25 | RM14.60 |
| 12. | Apabila gaji melebihi RM700 tetapi tidak melebihi RM800 | RM13.15 | RM3.75 | RM16.90 |
| 13. | Apabila gaji melebihi RM800 tetapi tidak melebihi RM900 | RM14.85 | RM4.25 | RM19.10 |
| 14. | Apabila gaji melebihi RM900 tetapi tidak melebihi RM1,000 | RM16.65 | RM4.75 | RM21.40 |
| 15. | Apabila gaji melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM1,100 | RM18.35 | RM5.25 | RM23.60 |
| 16. | Apabila gaji melebihi RM1,100 tetapi tidak melebihi RM1,200 | RM20.15 | RM5.75 | RM25.90 |
| 17. | Apabila gaji melebihi RM1,200 tetapi tidak melebihi RM1,300 | RM21.85 | RM6.25 | RM28.10 |
| 18. | Apabila gaji melebihi RM1,300 tetapi tidak melebihi RM1,400 | RM23.65 | RM6.75 | RM30.40 |

| | *Gaji Bulanan* | *Caruman Majikan* | *Caruman Pekerja* | *Jumlah* |
|---|---|---|---|---|
| 19. | Apabila gaji melebihi RM1,400 tetapi tidak melebihi RM1,500 | RM25.35 | RM7.25 | RM32.60 |
| 20. | Apabila gaji melebihi RM1,500 tetapi tidak melebihi RM1,600 | RM27.15 | RM7.75 | RM34.90 |
| 21. | Apabila gaji melebihi RM1,600 tetapi tidak melebihi RM1,700 | RM28.85 | RM8.25 | RM37.10 |
| 22. | Apabila gaji melebihi RM1,700 tetapi tidak melebihi RM1,800 | RM30.65 | RM8.75 | RM39.40 |
| 23. | Apabila gaji melebihi RM1,800 tetapi tidak melebihi RM1,900 | RM32.35 | RM9.25 | RM41.60 |
| 24. | Apabila gaji melebihi RM1,900 tetapi tidak melebihi RM2,000 | RM34.15 | RM9.75 | RM43.90 |
| 25. | Apabila gaji melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM2,100 | RM35.85 | RM10.25 | RM46.10 |
| 26. | Apabila gaji melebihi RM2,100 tetapi tidak melebihi RM2,200 | RM37.65 | RM10.75 | RM48.40 |
| 27. | Apabila gaji melebihi RM2,200 tetapi tidak melebihi RM2,300 | RM39.35 | RM11.25 | RM50.60 |
| 28. | Apabila gaji melebihi RM2,300 tetapi tidak melebihi RM2,400 | RM41.15 | RM11.75 | RM52.90 |
| 29. | Apabila gaji melebihi RM2,400 tetapi tidak melebihi RM2,500 | RM42.85 | RM12.25 | RM55.10 |
| 30. | Apabila gaji melebihi RM2,500 tetapi tidak melebihi RM2,600 | RM44.65 | RM12.75 | RM57.40 |
| 31. | Apabila gaji melebihi RM2,600 tetapi tidak melebihi RM2,700 | RM46.35 | RM13.25 | RM59.60 |
| 32. | Apabila gaji melebihi RM2,700 tetapi tidak melebihi RM2,800 | RM48.15 | RM13.75 | RM61.90 |
| 33. | Apabila gaji melebihi RM2,800 tetapi tidak melebihi RM2,900 | RM49.85 | RM14.25 | RM64.10 |
| 34. | Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000 | RM51.65 | RM14.75 | RM66.40 |

| | *Gaji Bulanan* | *Caruman Majikan* | *Caruman Pekerja* | *Jumlah* |
|---|---|---|---|---|
| 35. | Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100 | RM53.35 | RM15.25 | RM68.60 |
| 36. | Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200 | RM55.15 | RM15.75 | RM70.90 |
| 37. | Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300 | RM56.85 | RM16.25 | RM73.10 |
| 38. | Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400 | RM58.65 | RM16.75 | RM75.40 |
| 39. | Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500 | RM60.35 | RM17.25 | RM77.60 |
| 40. | Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600 | RM62.15 | RM17.75 | RM79.90 |
| 41. | Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700 | RM63.85 | RM18.25 | RM82.10 |
| 42. | Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800 | RM65.65 | RM18.75 | RM84.40 |
| 43. | Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900 | RM67.35 | RM19.25 | RM86.60 |
| 44. | Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000 | RM69.05 | RM19.75 | RM88.80 |
| 45. | Apabila gaji melebihi RM4,000 | RM69.05 | RM19.75 | RM88.80 |

**3.** (*Dipotong oleh Akta A814*).

**4.** Bahagian III—Caruman jenis Kedua bagi berlakunya Bencana Kerja sahaja. (Caruman hendaklah dibayar semata-mata oleh Majikan).

| | *Gaji Bulanan* | *Caruman Majikan* |
|---|---|---|
| 1. | Gaji hingga RM30 | 30 sen |
| 2. | Apabila gaji melebihi RM30 tetapi tidak melebihi RM50 | 50 sen |
| 3. | Apabila gaji melebihi RM50 tetapi tidak melebihi RM70 | 80 sen |
| 4. | Apabila gaji melebihi RM70 tetapi tidak melebihi RM100 | RM1.10 |

| | *Gaji Bulanan* | *Caruman Majikan* |
|---|---|---|
| 5. | Apabila gaji melebihi RM100 tetapi tidak melebihi RM140 | RM1.50 |
| 6. | Apabila gaji melebihi RM140 tetapi tidak melebihi RM200 | RM2.10 |
| 7. | Apabila gaji melebihi RM200 tetapi tidak melebihi RM300 | RM3.10 |
| 8. | Apabila gaji melebihi RM300 tetapi tidak melebihi RM400 | RM4.40 |
| 9. | Apabila gaji melebihi RM400 tetapi tidak melebihi RM500 | RM5.60 |
| 10. | Apabila gaji melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM600 | RM6.90 |
| 11. | Apabila gaji melebihi RM600 tetapi tidak melebihi RM700 | RM8.10 |
| 12. | Apabila gaji melebihi RM700 tetapi tidak melebihi RM800 | RM9.40 |
| 13. | Apabila gaji melebihi RM800 tetapi tidak melebihi RM900 | RM10.60 |
| 14. | Apabila gaji melebihi RM900 tetapi tidak melebihi RM1,000 | RM11.90 |
| 15. | Apabila gaji melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM1,100 | RM13.10 |
| 16. | Apabila gaji melebihi RM1,100 tetapi tidak melebihi RM1,200 | RM14.40 |
| 17. | Apabila gaji melebihi RM1,200 tetapi tidak melebihi RM1,300 | RM15.60 |
| 18. | Apabila gaji melebihi RM1,300 tetapi tidak melebihi RM1,400 | RM16.90 |
| 19. | Apabila gaji melebihi RM1,400 tetapi tidak melebihi RM1,500 | RM18.10 |
| 20. | Apabila gaji melebihi RM1,500 tetapi tidak melebihi RM1,600 | RM19.40 |
| 21. | Apabila gaji melebihi RM1,600 tetapi tidak melebihi RM1,700 | RM20.60 |
| 22. | Apabila gaji melebihi RM1,700 tetapi tidak melebihi RM1,800 | RM21.90 |
| 23. | Apabila gaji melebihi RM1,800 tetapi tidak melebihi RM1,900 | RM23.10 |
| 24. | Apabila gaji melebihi RM1,900 tetapi tidak melebihi RM2,000 | RM24.40 |
| 25. | Apabila gaji melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM2,100 | RM25.60 |
| 26. | Apabila gaji melebihi RM2,100 tetapi tidak melebihi RM2,200 | RM26.90 |
| 27. | Apabila gaji melebihi RM2,200 tetapi tidak melebihi RM2,300 | RM28.10 |
| 28. | Apabila gaji melebihi RM2,300 tetapi tidak melebihi RM2,400 | RM29.40 |

| | *Gaji Bulanan* | *Caruman Majikan* |
|---|---|---|
| 29. | Apabila gaji melebihi RM2,400 tetapi tidak melebihi RM2,500 | RM30.60 |
| 30. | Apabila gaji melebihi RM2,500 tetapi tidak melebihi RM2,600 | RM31.90 |
| 31. | Apabila gaji melebihi RM2,600 tetapi tidak melebihi RM2,700 | RM33.10 |
| 32. | Apabila gaji melebihi RM2,700 tetapi tidak melebihi RM2,800 | RM34.40 |
| 33. | Apabila gaji melebihi RM2,800 tetapi tidak melebihi RM2,900 | RM35.60 |
| 34. | Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000 | RM36.90 |
| 35. | Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100 | RM38.10 |
| 36. | Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200 | RM39.40 |
| 37. | Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300 | RM40.60 |
| 38. | Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400 | RM41.90 |
| 39. | Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500 | RM43.10 |
| 40. | Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600 | RM44.40 |
| 41. | Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700 | RM45.60 |
| 42. | Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800 | RM46.90 |
| 43. | Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900 | RM48.10 |
| 44. | Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000 | RM49.40 |
| 45. | Apabila gaji melebihi RM4,000 | RM49.40 |

## JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 20, 22, 26]

### FAEDAH HILANG UPAYA DAN FAEDAH ORANG TANGGUNGAN

**1.** (1) Kadar harian faedah adalah seperti yang berikut:

*(a)* bagi hilang upaya sementara, suatu amaun yang sama banyaknya dengan lapan puluh peratus gaji harian purata anggapan;

*(b)* bagi hilang upaya langsung yang kekal, suatu amaun yang sama banyaknya dengan sembilan puluh peratus gaji harian purata anggapan.

(2) Bagi maksud perenggan ini, "gaji harian purata anggapan" ertinya gaji harian purata anggapan seorang orang berinsurans yang mendapat bencana kerja yang mengakibatkan hilang upaya tersebut.

**2.** Gaji harian purata anggapan menurut perenggan di atas ialah sebanyak satu pertiga puluh gaji bulanan purata anggapan bagi orang berinsurans itu.

**3.** Gaji bulanan purata anggapan yang disebut dalam perenggan 2 ialah suatu amaun yang senilai dengan jumlah gaji bulanan anggapan bagi setiap bulan yang baginya caruman jenis Pertama atau Kedua telah dibayar atau kena dibayar dalam masa enam bulan berterusan sebelum sahaja bulan dalam mana bencana kerja itu berlaku, dibahagi dengan bilangan bulan yang baginya caruman itu telah dibayar atau kena dibayar:

Dengan syarat bahawa jika seseorang orang berinsurans telah bekerja selama kurang daripada 24 hari dalam sesuatu bulan, caruman yang telah dibayar atau kena dibayar bagi bulan itu berkenaan dengannya tidak boleh diambil kira bagi menghitung gaji bulanan purata anggapan.

**4.** Gaji bulanan anggapan yang dinyatakan dalam perenggan 3 bagi tiap-tiap bulan ialah amaun yang ditunjukkan dalam susunan yang berikut sebagai bersamaan dengan kadar caruman jenis Pertama atau Kedua yang dibayar atau kena dibayar bagi bulan itu.

| | *Gaji bulanan yang sebenar bagi bulan ini* | *Jenis Pertama* | *Jenis Kedua* | *Gaji bulanan anggapan yang bersamaan bagi bulan itu* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Gaji hingga RM30 | 50 sen | 30 sen | RM20 |
| 2. | Apabila gaji melebihi RM30 tidak melebihi RM50 | 90 sen | 50 sen | RM40 |
| 3. | Apabila gaji melebihi RM50 tetapi tidak melebihi RM70 | RM1.40 | 80 sen | RM60 |
| 4. | Apabila gaji melebihi RM70 tetapi tidak melebihi RM100 | RM1.90 | RM1.10 | RM85 |

| | *Gaji bulanan yang sebenar bagi bulan ini* | *Jenis Pertama* | *Jenis Kedua* | *Gaji bulanan anggapan yang bersamaan bagi bulan itu* |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Apabila gaji melebihi RM100 tetapi tidak melebihi RM140 | RM2.70 | RM1.50 | RM120 |
| 6. | Apabila gaji melebihi RM140 tetapi tidak melebihi RM200 | RM3.80 | RM2.10 | RM170 |
| 7. | Apabila gaji melebihi RM200 tetapi tidak melebihi RM300 | RM5.60 | RM3.10 | RM250 |
| 8. | Apabila gaji melebihi RM300 tetapi tidak melebihi RM400 | RM7.90 | RM4.40 | RM350 |
| 9. | Apabila gaji melebihi RM400 tetapi tidak melebihi RM500 | RM10.10 | RM5.60 | RM450 |
| 10. | Apabila gaji melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM600 | RM12.40 | RM6.90 | RM550 |
| 11. | Apabila gaji melebihi RM600 tetapi tidak melebihi RM700 | RM14.60 | RM8.10 | RM650 |
| 12. | Apabila gaji melebihi RM700 tetapi tidak melebihi RM800 | RM16.90 | RM9.40 | RM750 |
| 13. | Apabila gaji melebihi RM800 tetapi tidak melebihi RM900 | RM19.10 | RM10.60 | RM850 |
| 14. | Apabila gaji melebihi RM900 tetapi tidak melebihi RM1,000 | RM21.40 | RM11.90 | RM950 |
| 15. | Apabila gaji melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM1,100 | RM23.60 | RM13.10 | RM1,050 |
| 16. | Apabila gaji melebihi RM1,100 tetapi tidak melebihi RM1,200 | RM25.90 | RM14.40 | RM1,150 |
| 17. | Apabila gaji melebihi RM1,200 tetapi tidak melebihi RM1,300 | RM28.10 | RM15.60 | RM1,250 |
| 18. | Apabila gaji melebihi RM1,300 tetapi tidak melebihi RM1,400 | RM30.40 | RM16.90 | RM1,350 |
| 19. | Apabila gaji melebihi RM1,400 tetapi tidak melebihi RM1,500 | RM32.60 | RM18.10 | RM1,450 |

| | *Gaji bulanan yang sebenar bagi bulan ini* | *Jenis Pertama* | *Jenis Kedua* | *Gaji bulanan anggapan yang bersamaan bagi bulan itu* |
|---|---|---|---|---|
| 20. | Apabila gaji melebihi RM1,500 tetapi tidak melebihi RM1,600 | RM34.90 | RM19.40 | RM1,550 |
| 21. | Apabila gaji melebihi RM1,600 tetapi tidak melebihi RM1,700 | RM37.10 | RM20.60 | RM1,650 |
| 22. | Apabila gaji melebihi RM1,700 tetapi tidak melebihi RM1,800 | RM39.40 | RM21.90 | RM1,750 |
| 23. | Apabila gaji melebihi RM1,800 tetapi tidak melebihi RM1,900 | RM41.60 | RM23.10 | RM1,850 |
| 24. | Apabila gaji melebihi RM1,900 tetapi tidak melebihi RM2,000 | RM43.90 | RM24.40 | RM1,950 |
| 25. | Apabila gaji melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM2,100 | RM46.10 | RM25.60 | RM2,050 |
| 26. | Apabila gaji melebihi RM2,100 tetapi tidak melebihi RM2,200 | RM48.40 | RM26.90 | RM2,150 |
| 27. | Apabila gaji melebihi RM2,200 tetapi tidak melebihi RM2,300 | RM50.60 | RM28.10 | RM2,250 |
| 28. | Apabila gaji melebihi RM2,300 tetapi tidak melebihi RM2,400 | RM52.90 | RM29.40 | RM2,350 |
| 29. | Apabila gaji melebihi RM2,400 tetapi tidak melebihi RM2,500 | RM55.10 | RM30.60 | RM2,450 |
| 30. | Apabila gaji melebihi RM2,500 tetapi tidak melebihi RM2,600 | RM57.40 | RM31.90 | RM2,550 |
| 31. | Apabila gaji melebihi RM2,600 tetapi tidak melebihi RM2,700 | RM59.60 | RM33.10 | RM2,650 |
| 32. | Apabila gaji melebihi RM2,700 tetapi tidak melebihi RM2,800 | RM61.90 | RM34.40 | RM2,750 |
| 33. | Apabila gaji melebihi RM2,800 tetapi tidak melebihi RM2,900 | RM64.10 | RM35.60 | RM2,850 |
| 34. | Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000 | RM66.40 | RM36.90 | RM2,950 |

| | *Gaji bulanan yang sebenar bagi bulan ini* | *Jenis Pertama* | *Jenis Kedua* | *Gaji bulanan anggapan yang bersamaan bagi bulan itu* |
|---|---|---|---|---|
| 35. | Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100 | RM68.40 | RM38.10 | RM3,050 |
| 36. | Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200 | RM70.90 | RM39.40 | RM3,150 |
| 37. | Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300 | RM73.10 | RM40.60 | RM3,250 |
| 38. | Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400 | RM75.40 | RM41.90 | RM3,350 |
| 39. | Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500 | RM77.60 | RM43.10 | RM3,450 |
| 40. | Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600 | RM79.90 | RM44.40 | RM3,550 |
| 41. | Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700 | RM82.10 | RM45.60 | RM3,650 |
| 42. | Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800 | RM84.40 | RM46.90 | RM3,750 |
| 43. | Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900 | RM86.60 | RM48.10 | RM3,850 |
| 44. | Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000 | RM88.80 | RM49.40 | RM3,950 |
| 45. | Apabila gaji melebihi RM4,000 | RM88.80 | RM49.40 | RM3,950 |

**4A.** Jika tiada apa-apa caruman jenis Pertama atau Kedua dibayar atau kena dibayar bagi orang berinsurans dalam tempoh enam bulan berterusan sebelum sahaja bulan bencana kerja itu berlaku atau jika tiada satu pun caruman yang telah dibayar atau kena dibayar dalam tempoh enam bulan berterusan sebelum sahaja bulan bencana kerja itu berlaku boleh diambil kira bagi maksud menghitung gaji bulanan purata anggapan mengikut proviso kepada perenggan 3, kadar harian faedah yang dibenarkan bagi hilang upaya sementara hendaklah sebanyak lapan puluh peratus dan hilang upaya langsung yang kekal hendaklah sebanyak sembilan puluh peratus daripada gaji bulanan purata anggapan seseorang yang diambil kerja dalam pekerjaan yang serupa itu oleh majikan yang sama atau mana-mana majikan dalam kawasan yang sama dibahagikan dengan tiga puluh:

Dengan syarat bahawa bagi maksud perenggan ini gaji bulanan purata anggapan hendaklah sama dengan jumlah gaji bulanan anggapan bagi orang yang diambil kerja dalam pekerjaan yang serupa itu oleh majikan yang sama atau, jika tidak ada orang yang sedemikian itu, mana-mana orang lain dalam kawasan dalam pekerjaan yang sama oleh majikan lain dalam kawasan yang sama yang baginya caruman jenis Pertama atau Kedua telah dibayar atau kena dibayar dalam masa enam bulan berterusan sebelum sahaja bulan dalam mana bencana kerja yang berkenaan itu berlaku, dibahagikan dengan bilangan bulan yang baginya caruman itu telah dibayar atau kena dibayar:

Dengan syarat selanjutnya bahawa jika seseorang orang berinsurans telah bekerja selama kurang daripada 24 hari dalam sesuatu bulan, caruman yang bagi bulan itu telah dibayar atau kena dibayar berkenaan dengannya tidak boleh diambil kira bagi menghitung gaji bulanan purata anggapan.

**5.** Jika tiada apa-apa caruman jenis Pertama atau Kedua dikehendaki dibayar atau kena dibayar dalam masa enam bulan berterusan sebelum sahaja bulan dalam mana bencana kerja itu berlaku atau jika tiada apa-apa caruman yang telah dibayar atau kena dibayar dalam tempoh enam bulan berterusan sebelum sahaja bulan bencana kerja itu berlaku boleh diambil kira bagi maksud menghitung gaji bulanan purata anggapan mengikut proviso kepada perenggan 3, atau jika kadar harian faedah yang dikira di bawah perenggan 1 atau perenggan 4A kurang daripada kadar minimum yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan, maka dalam hal yang demikian kadar harian faedah yang dibenarkan bagi hilang upaya sementara atau hilang upaya langsung yang kekal hendaklah disifatkan sebagai kadar minimum yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan.

**6.** (*Dipotong oleh Akta A1232*).

**7.** Kadar harian faedah hilang upaya separa yang kekal ialah sebanyak peratus kadar harian hilang upaya langsung yang kekal sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sebagai peratus kehilangan upaya mencari nafkah yang disebabkan oleh hilang upaya separa yang kekal itu:

Dengan syarat bahawa bagi hilang upaya separa yang kekal yang tidak dinyatakan dalam Jadual Kedua, kadar harian faedah ialah sebanyak sesuatu peratus daripada kadar faedah hilang upaya langsung yang kekal sebagaimana yang seimbang dengan kehilangan upaya mencari nafkah yang kekal disebabkan oleh hilang upaya separa yang kekal itu:

Dan lagi dengan syarat bahawa jika sesuatu kemalangan itu mengakibatkan lebih daripada satu bencana, kadar harian faedah bagi bencana itu hendaklah dikumpulkan tetapi walau bagaimana pun tidak boleh melebihi faedah hilang upaya langsung yang kekal.

**8.** Kadar harian faedah orang tanggungan ialah seperti yang berikut:

(i) bagi balu atau duda, sebanyak tiga perlima daripada kadar harian faedah hilang upaya langsung yang kekal bagi orang berinsurans yang mati jika si mati mendapat hilang upaya tersebut daripada bencana kerja yang mengakibatkan kematiannya itu;

(ii) bagi tiap-tiap seorang anak, dua perlima daripada kadar harian faedah hilang upaya langsung yang kekal sebagaimana yang tersebut dalam (i):

Dengan syarat bahawa jika jumlah faedah orang tanggungan yang dibahagikan antara balu atau duda, anak atau anak-anak melebihi pada bila-bila masa kadar harian faedah hilang upaya langsung yang kekal, maka bahagian bagi setiap seorang orang tanggungan hendaklah dikurangkan mengikut imbangan supaya jumlah semua yang kena dibayar tidak melebihi kadar harian faedah hilang upaya langsung yang kekal:

Dengan syarat selanjutnya bahawa jika tidak terdapat balu atau duda atau jika balu atau duda atau mati, kadar harian faedah bagi setiap orang anak hendaklah sebanyak tiga perlima kadar harian faedah hilang upaya langsung yang kekal yang disebut dalam (i), dan jika terdapat lebih daripada seorang anak, amaun yang kena dibayar hendaklah dibahagikan sama banyak antara mereka.

**9.** Sekiranya orang berinsurans yang mati tidak meninggalkan balu atau duda atau anak, faedah orang tanggungan hendaklah dibayar kepada orang tanggungan yang lain seperti yang berikut:

*(a)* kepada ibu bapa atau nenek atau datuk, seumur hidup, sebanyak empat persepuluh daripada kadar harian faedah hilang upaya langsung yang kekal sebagaimana yang boleh dibenarkan bagi orang berinsurans yang mati itu sekiranya dia mendapat hilang upaya langsung yang kekal daripada bencana kerja, dan jika sekiranya lebih daripada seorang jumlah yang kena dibayar kepada ibu bapa atau nenek atau datuk seperti yang tersebut di atas itu hendaklah dibahagikan sama banyak antara mereka;

*(b)* kepada seseorang orang tanggungan yang lain sehingga dia berkahwin atau sehingga dia mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal, atau jika dia telah menjadi balu sehingga dia berkahwin lagi atau sehingga dia mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal, suatu amaun yang sama banyaknya dengan tiga persepuluh kadar penuh, dan jika terdapat lebih daripada seorang orang tanggungan di bawah subperenggan ini, amaun yang kena dibayar hendaklah dibahagikan sama banyak antara mereka.

**10.** (*Dipotong oleh Akta A1232*).

## JADUAL KELIMA

[Seksyen 28]

## PENYAKIT KHIDMAT

### BAHAGIAN I

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Bahan kimia -*<br>*Logam dan sebatiannya* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada logam dan wasap, debu atau wap toksiknya atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. Aluminium | Perengsa pernafasan, bronkitis kronik, fibrosis pulmonari, dermatitis | Pendedahan semasa pengimpalan logam aluminum; digunakan sebagai pengikat fosfor, pengilangan tin, bekas dan bungkusan, pigmen, cat, mangkin, aloi, enjin dan komponen pesawat udara, wayar dan kabel elektrik, rangka tingkap, anti peluh dan dalam loji penurunan aluminum |
| 2. Antimoni | Dermatitis, pneumokoniosis, hemolisis, anuria, penembusan septum hidung, kecederaan miokardium, kanser paru-paru (Antimoni trioksida) | Pendedahan semasa digunakan sebagai perencat nyalaan bagi plastik, cat, tekstil, kertas, getah dan perekat, aloi dalam penghasilan grin bateri, tuangan jenis, sarung kabel dan pengilangan peranti semi konduktor |
| 3. Arsenik | Ensefalopati, neuritis periferal, polineuropati, anemia hemolitik perolehan, kerosakan glomerulus dan tubul, penembusan septum hidung, hiperkeratosis kulit, fibrosis paru-paru, distrofi permukaan kornea, angiosar koma hepar, kanser kulit dan paru-paru | Pendedahan semasa perlombongan, penghasilan aloi, peleburan kuprum, penghasilan dan penggunaan pestisid, herbisid, insektisid arsenik; penggunaan dalam industri mikroelektronik; dan digunakan sebagai pigmen dan agen penapis dalam pembuatan kaca, bahan pengawet dalam pemerangan kayu dan sarung kabel |
| 4. Barium | Pneumokoniosis benigna (baritosis), iritasi setempat | Pendedahan semasa pengilangan aloi aluminum, seramik (sebagai fluks), pengimpalan fluks rod, nyalaan isyarat dan bunga api, detergen minyak pelincir, getah, cat, kertas, linoleum dan plastik (sebagai pengisi), penanggal bulu, pestisid; semasa penapisan bijih barit |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Bahan kimia -* *Logam dan sebatiannya* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada logam dan wasap, debu atau wap toksiknya atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 5. Berilium | Penyakit berilium kronik, trakeobronkitis, dermatitis (pengulseran atau granuloma) pneumonitis, beriliosis, kanser paru-paru | Pendedahan semasa penghasilan aloi keras dan tahan kakisan dalam industri aeroangkasa, reaktor nuklear; produk seramik dan refraktori, penghubung elektrik, suis, pengimpalan elektrod, tiub sinaran katod, aloi logam dan litografi bagi industri elektronik |
| 6. Boron | Iritasi pernafasan dan kulit, depresi sistem saraf pusat, gangguan tingkah laku mental, kerosakan ginjal | Pendedahan semasa penyahgasan dan penyahoksidaan logam; proses pengerasan keluli; proses metalurgik (sebagai fluks dan sanga pemerisaian); digunakan dalam reaktor atom sebagai penyerap neutron; penghasilan gentian kaca dan dalam produk peluntur |
| 7. Kadmium | Osteomalasia, pneumonitis, emfisema, kerosakan tubul dan glomerulus dengan kegagalan ginjal, anosmia, kanser paru-paru | Pendedahan semasa penyaduran elektrik; pengilangan bateri nikel-kadmium, galas kelajuan tinggi, pematerian, pengimpalan dan pematerian keras perak (sebagai pengisi); digunakan dalam industri plastik (penstabil); digunakan sebagai pigmen (dalam getah, dakwat, plastik, cat, tekstil) dan pengilangan barang kemas |
| 8. Kromium | Ulser hidung dan kulit, penembusan septum hidung, nekrosis tubul, dermatitis alergi dan iritasi, asma | Pendedahan semasa penyaduran elektrik, pengilangan pewarna atau pigmen dan pengimpalan |
| 9. Kobalt | Dermatitis sentuh alergi, penyakit paru-paru logam keras, kardiomiopati | Pendedahan semasa pengilangan aloi bersuhu tinggi untuk enjin jet |
| 10. Kuprum | Hemolisis, fibrosis pulmonari, demam wasap logam | Pendedahan semasa penyaduran elektrik, pengilangan rayon, pigmen dan racun kulat berasaskan kuprum |
| 11. Plumbum | | |
| *(a)* Tak Organik | Anemia, polineuropati, ensefalopati toksik, gangguan | Pendedahan semasa pelombongan atau pengekstrakan plumbum dan zink; digunakan dalam perpaipan, |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Bahan kimia -<br>Logam dan sebatiannya* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada logam dan wasap, debu atau wap toksiknya atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | neuro tingkah laku, hemolisis dan kegagalan ginjal akut | senjata, seramik, kristal, pengilangan bateri simpanan plumbum; pengimpalan atau pemotongan, percetakan sembur dan tembikar |
| *(b)* Sebatian plumbum Alkil Organik | Halusinasi, fikiran terganggu, kekeliruan, koma | Pendedahan semasa penghasilan bahan api, pengangkutan agen antiketuk, pengadunan bendalir antiketuk dan gasolin mentah di tempat penapisan agen antiketuk, pembersihan tangki yang mengandungi gasolin berplumbum atau bahan api penerbangan |
| 12. Mangan | Pneumonitis kimia, Parkinsonisme sekunder, ensefalopati, kecederaan ginjal, demam wasap logam | Pendedahan semasa perlombongan dan pemprosesan, pengisaran, peleburan, metalurgi, pengimpalan dan pelicauan tembikar; pengilangan bateri kering dan racun kulat; digunakan sebagai agen pengoksida dalam industri kimia dan dalam penghasilan keluli dan aloi |
| 13. Raksa | | |
| *(a)* Raksa metil organik | Ketoksikan sistem saraf pusat yang dicirikan melalui gabungan kemerosotan serebelum dan korteks | Pendedahan semasa digunakan dalam pengilangan antiseptik, germisid, diuretik, kontraseptif, racun perosak (racun alga, racun kulat), cat dan lilin serta dalam industri kimia (mangkin dan agen pengalkalian) |
| *(b)* Raksa tak organik | Ketoksikan sistem saraf pusat yang dicirikan melalui tremor dan penyakit neuropsikiatri | Pendedahan semasa penghasilan elektrolitik natrium hidroksida dan klorin, penghasilan bateri, pengilangan racun kulat, metalurgi dan pengilangan kelengkapan yang mengandungi raksa |
| 14. Nikel | Dermatitis sentuh alergi, asma, pneumonitis ruang-antara, kanser hidung dan paru-paru (Nikelbisulfida) | Pendedahan semasa pemekatan, peleburan atau penapisan dalam industri penghasilan nikel, penghasilan keluli tahan karat, pengilangan bateri, metalurgi, aloi, penyaduran elektrik; digunakan sebagai mangkin dan pigmen; |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Bahan kimia -*<br>*Logam dan sebatiannya* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada logam dan wasap, debu atau wap toksiknya atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | | pelombong bijih nikel sulfida dan pekerja kilang aloi nikel |
| 15. Nikel karbonil | Pneumonitis ruang-antara, edema pulmonari dan serebrum, pendarahan serebrum | Pendedahan kepada gas karbonil nikel semasa penapisan nikel |
| 16. Fosforus | Nekrosis rahang, luka terbakar dermis, iritasi pernafasan, ketoksikan hepar dan ginjal | Pendedahan semasa digunakan sebagai baja; digunakan dalam penghasilan minuman dan dentifris (garam asid fosforik); racun perosak/racun haiwan perosak, perencat nyalaan, penghasilan gasolin dan minyak pelincir (sebatian fosforus tak organik); penghasilan bahan letupan, senjata dan mancis (fosforus merah) |
| 17. Platinum | Asma, dermatitis sentuh alergi, rinitis alergi | Pendedahan semasa digunakan dalam penyaduran elektrik, operasi penapisan platinum dan pengilangan skrin pendarflour |
| 18. Selenium | Edema pulmonari, dermatitis alergi perengsa kulit dan luka terbakar pada kulit | Pendedahan kepada selenium unsur dalam industri elektronik, kaca, seramik, plastik dan getah |
| 19. Talium | Polineuropati deria motor | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun rodensia, pengilangan komponen elektronik dan kanta optik |
| 20. Tin<br>*(a)* Tak organik | Iritasi pernafasan, pneumokoniosis benigna (stannosis), iritasi kulit dan sawan | Pendedahan semasa digunakan dalam penyaduran elektrik, pengetinan, pematerian, proses aloi tin |
| *(b)* Organik organotin (trimetil, trietiltin) | Iritasi mata, iritasi ringan hingga teruk pada kulit dan membran mukus, edema serebrum, nekrosis hepar dan sawan | Pendedahan semasa digunakan sebagai penstabil dalam plastik dan minyak, sebagai mangkin dalam pengawetan getah; sebagai bahan pengawet dalam tekstil dan kulit serta sebagai biosid pada tumbuhan marin |
| 21. Uranium | Penyakit buah pinggang, kanser paru-paru, sakit sinaran | Pendedahan semasa perlombongan dan pengguna anuranium |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Bahan kimia -*<br>*Logam dan sebatiannya* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada logam dan wasap, debu atau wap toksiknya atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 22. Vanadium | Iritasi pernafasan, asma, dermatitis alergi | Pendedahan semasa digunakan dalam penghasilan ferovanadium, aloi vanadium, digunakan sebagai mangkin dan salutan |
| 23. Zink | Iritasi pulmonari dan edema | Pendedahan semasa digunakan dalam penggalvanian keluli dan logam lain, tuangan terap untuk digunakan dalam alat automotif dan kelengkapan elektrik |

## BAHAGIAN II

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Asid dan alkali* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada asid dan alkali, dan wap toksiknya atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. Asid asetik | Iritasi pernafasan, bronkitis,faringitis | Pendedahan semasa digunakan dalam penghasilan fotografik; pengilangan glisin, drug, pewarna dan herba |
| 2. Asid akrilik | Iritasi mata, kulit dan sistem pernafasan; luka terbakar pada mata dan kulit, pemekaan kulit | Pendedahan semasa digunakan dalam resin, bahan pemplastik dan penghasilan drug |
| 3. Asid kromik (kromat atau dikromat) | Pengulseran hidung dan kulit, penembusan septum hidung | Pendedahan semasa digunakan dalam penyaduran kromium, ukiran proses, pengilangan simen, penyaduran anod, pembersihan logam, pemerangan, pengilangan licau dan cat seramik |
| 4. Asid formik | Iritasi mata, kulit, tekak; luka terbakar pada kulit, dermatitis | Pendedahan semasa digunakan dalam industri tekstil, industri kulit, penyaduran nikel dan sebagai bahan penggumpal lateks getah |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Asid dan alkali* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada asid dan alkali, dan wap toksiknya atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 5. Asid fumarik | Iritasi ringan pada kulit dan membran mukus | Pendedahan semasa digunakan dalam pengilangan resin sintetik, pewarna, salutan permukaan, dakwat dan bahan pemplastik |
| 6. Asid glikolik | Luka terbakar pada kulit dan mata | Pendedahan semasa digunakan dalam industri kulit, tekstil, pelekat dan plastik |
| 7. Asid hidroklorik | Iritasi mata dan kulit | Pendedahan semasa digunakan dalam pencelup asidan keluli, penghasilan bahan kimia dan degradasi *terma* polivinil klorida |
| 8. Asid hidrofluorik | Osteosklerosis, luka terbakar pada kulit | Pendedahan semasa digunakan sebagai perantaraan dalam penghasilan fluoro karbon; digunakan dalam pembersihan logam, punaran kaca dan aplikasi gilap |
| 9. Asid nitrik-wasap nitrus | Bronkiolitis fibrosa obliterans | Pendedahan semasa penghasilan ammonium kalium nitrat, bahan letupan, asid adipik, isosianida dan baja |
| 10. Asid fosforik | Iritan dermatitis, iritasi pernafasan, edema pulmonari | Pendedahan semasa penghasilan baja, detergen dan bahan pembersih |
| 11. Asid sulfurik | Larinks dan kanser paru-paru | Pendedahan semasa pengilangan baja, nitrobenzena, penyaduran elektrik dan penapisan petroleum |

## BAHAGIAN III

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Gas* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada gas yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. Ammonia | Sindrom disfungsi saluran udara reaktif, bronkiolitis obiliterans, ketakcukupan pernafasan kronik | Pendedahan semasa digunakan dalam kerja penyejukan, pengilangan plastik, penapisan petroleum dan penyaduran elektrik bahan kemas |
| 2. Karbon dioksida | Penyesak ringkas, koma, kecederaan otak anoksik, jantung terhenti | Pendedahan semasa peletupan, digunakan dalam pengilangan air mineral, penapaian di kilang bir dan pembentukan kapur di tanur kapur |
| 3. Karbon monoksida | Penyesak kecederaan otak anoksik, iskemia jantung | Pendedahan semasa penggunaan trak angkat susun bukan elektrik yang digunakan dalam bangunan, dinamit, serbuk letupan untuk peletupan di kolong bawah tanah; digunakan dalam gas pencahayaan; memadam kebakaran, kerja garaj, kuasa gas penghasil, relau letupan ketuhar untuk pembakaran kok batu arang dan bahan api lain, enjin gas |
| 4. Dietilena dioksida (dioksana) | Kegagalan ginjal akut, nekrosishati | Pendedahan semasa digunakan dalam pencair cat, agen pembersih dan dalam industri semikonduktor |
| 5. Etilena oksida | Iritasi saluran pernafasan, kanser, polineuropati, katarak | Pendedahan semasa digunakan dalam pengilangan glikol etilena, glikol eter dan produk perubatan; digunakan sebagai pewasap racun perosak, pensteril di hospital |
| 6. Formaldehida | Dermatitis sentuh, bronkitis, asma, nasofarinks dan kanser paru-paru | Pendedahan semasa digunakan dalam rumah mayat, pengawetan tisu, kerja makmal |
| 7. Halogen | Penyesak kimia | Pendedahan semasa digunakan untuk pensterilan air |
| 8. Hidrogen sianida | Kecederaan otak anoksis, kakisan kulit, atropi optik | Pendedahan semasa digunakan dalam pewasapan, operasi penyaduran logam, pengekstrakan garam perak dan emas daripada bijih |
| 9. Hidrogen fluorida | Luka terbakar pada kulit, fluorosis, sindrom disfungsi saluran udara reaktif, bronkiolitis obliterans, | Pendedahan semasa digunakan dalam industri plastik dan mikroelektronik |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Gas* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada gas yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | ketakcukupan pernafasan kronik | |
| 10. Hidrogen sulfida | Iritasi pernafasan dan membran mukus, kecederaan otak anoksis | Pendedahan semasa digunakan dalam geoterma dan pengekstrakan tenaga bahan api fosil; digunakan sebagai bahan penyahjangkit tani oleh peladang, pekerja lubang kumbahan dan baja |
| 11. Nitrik oksida, Nitrogen dioksida | Penyesak ringkas, menjadikan asma semakin teruk | Pendedahan semasa pengimpalan; digunakan dalam industri kertas |
| 12. Ozon | Menjadikan asma semakin teruk | Pendedahan semasa pengimpalan dan proses fotokopi |
| 13. Fosgen | Sindrom disfungsi saluran udara reaktif, edema pulmonari, bronkiolitis | Pendedahan semasa digunakan dalam pengilangan isosianat, racun perosak, pewarna dan farmaseutikal; pengimpalan arka |

## BAHAGIAN IV

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Pelarut* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada pelarut yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. Karbon bisulfida | Ensefalopati, psikosis, skotoma pusat, keabnormalan neurotingkah laku, parkinsonisme, neuritis periferi, iritasi pernafasan dan penyakit ginjal | Pendedahan semasa pengilangan rayon, racun serangga, racun herba, laker dan varnis serta kerja makmal |
| 2. n-heksana | Sistem saraf pusat, depresi, disfungsi neurotingkah laku, polineuropati, dermatitis | Pendedahan semasa digunakan sebagai pelarut dalam gam, simen getah, varnis, dakwat dan proses pengekstrakan di dalam makmal |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Pelarut* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada pelarut yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 3. Monomer akrilamida | Neuropati akson dengan rasa kebas. Kesan sistem saraf pusat – ataksia, tremor, disartria, kulit melepuh | Pendedahan kepada monomer akrilamida semasa pengilangannya, dalam penghasilan polimer, dalam industri salutan permukaan; digunakan dalam pemprosesan kimia, rawatan air dan pemisahan mineral |
| 4. Sikloheksana, kerosin | Dermatitis nyahlemak, depresi sistem saraf pusat, depresi, ketakseimbangan, dermatitis, disfungsi neurotingkah laku | Pendedahan semasa digunakan sebagai pelarut industri dan dalam sintesis nilon |
| 5. Hidrokarbon Aromatik | | |
| *(a)* Benzena dan homolognya | Leukemia bukan-limfatik akut, anemia aplastik, agranulositosis, metemoglobinemia | Pendedahan semasa menanggalkan dan menyahgris cat; digunakan sebagai pelarut dalam industri petroleum; ketuhar kok, dalam penghasilan agen pembersih kering |
| *(b)* Terbitan amino- atau kloro-atau nitro yang toksik | Dermatitis, ensefalopati toksik, disfungsi neurotingkah laku, neuropati periferal | Pendedahan semasa digunakan dalam pengilangan bahan letupan dan industri pewarna |
| *(c)* Stirena | Dermatitis, ensefalopati toksik, disfungsi neurotingkah laku, neuropati periferal | Digunakan dalam pengilangan getah sintetik, sebagai monomer atau kopolimer untuk resin polistirena akrionitril-butadienastirena (ABS) |
| *(d)* Toluena | Dermatitis, ensefalopati toksik, disfungsi neurotingkah laku, neuropati periferal | Digunakan sebagai pelarut dalam industri kimia dan makmal |
| *(e)* Xilena | Dermatitis, ensefalopati toksik, disfungsi neurotingkah laku, neuropati periferal | Digunakan sebagai substrat bagi sintesis organik |
| 6. Metil alkohol | Neuropati optik (Metil alkohol) dan depresi sistem saraf pusat | Pendedahan semasa digunakan sebagai perantaraan industri, pelarut, ramuan antisejuk beku dan bahan api |
| 7. Karbon tetraklorida | Toksik hati dan ginjal | Pendedahan semasa penghasilan klorofluorokarbon, getah terklorin, farmaseutikal, racun perosak dan agen antiketuk |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Pelarut* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada pelarut yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 8. 2 metoksietanol | Ensefalopati, anemia, dermatitis nyahlemak | Pendedahan semasa digunakan sebagai pelarut; pengilangan antisejuk beku dan poliester |
| 9. Keton | | |
| *(a)* Metil n-butil keton (MnBK) | Ensefalopati, polineuropati deria motor, gangguan mental dan tingkah laku, neuropati optik | Pendedahan semasa digunakan sebagai pelarut industri dan penanggal varnis |
| *(b)* Metil iso-butil Keton (MiBK) | Neuropati periferal | Pendedahan semasa digunakan sebagai pelarut dalam cat dan pelarut pengekstrakan dalam industri farmaseutikal |
| *(c)* Metil etil keton (MEK) | Neuropati periferi dengan n-heksana atau Metil n-butil keton | Pendedahan semasa digunakan sebagai pelarut; dalam pengekstrakan minyak sayur dan pemisahan dalam industri petrokimia |
| 10. Metilena klorida | Toksin hati, meningkatkan karboksihemoglobin | Pendedahan semasa digunakan dalam penghasilan alat mainan dan produk plastik |
| 11. Metil klorida (klorometana) | Toksik kepada otak, hati, buah pinggang dan paru-paru, sawan, ataksia dan diplopia | Pendedahan semasa penghasilan polimer dan resin silikon metil, digunakan sebagai agen pemetilan dalam penghasilan getah butil |
| 12. Tetrakloretana | Narkotik kuat, sistem saraf pusat dan ketoksikan hati, perengsa kulit | Pendedahan semasa digunakan dalam pengilangan pesawat udara: digunakan sebagai pelarut; penyediaan fabrik kapal terbang; pengilangan mutiara dan kulit tiruan |
| 13. Triklorometana (kloroform) | Toksin hati, anestetik | Pendedahan semasa digunakan dalam kerja makmal dan pelarut industri |
| 14. Trikloroetilena | Kesan narkotik, euforia, sakit kepala, kekeliruan, mengantuk, tidak sedarkan diri, pneumonitis kimia, kerosakan buah pinggang dan hati, dermatitis | Pendedahan semasa digunakan dalam penyahgrisan, pembersihan kanta; sebagai pelarut untuk pengekstrakan dan perantaraan kimia |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Pelarut* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada pelarut yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 15. 1, 1, 2 Trikloroetana | Depresi sistem saraf pusat, ensefalopati toksik | Pendedahan semasa digunakan sebagai perantaraan kimia dan pelarut |
| 16. Pelarut berasaskan aldehida | | |
| *(a)* Formaldehid | Iritasi mata, dermatitis sentuh, bronkitis, asma, kanser nasofaringeal dan kanser paru-paru | Pendedahan semasa digunakan dalam penghasilan formaldehid dan resin poliasetal dan fenoliknya, plastik, gam papan lapis; pengilangan urea; sebagai perantaraan dalam sintesis kimia, sebatian acuan, resin faundri; pengawetan dan penyahjangkitan; perekat untuk penebatan; baja pelepasan perlahan dan kemasan tekstil berasaskan formaldehid |
| *(b)* Glutaraldehid | Perengsa kulit, mata dan paru-paru, asma, dermatitis alergi | Pendedahan semasa digunakan sebagai pengikat biologi dalam makmal, pemerangan dan sintesis kimia |
| 17. Bis (Klorometil) eter (BCME) | Iritasi pernafasan, kanser paru-paru (terutamanya jenis sel oat) | Pendedahan semasa digunakan dalam penyediaan resin penukaran ion |

## BAHAGIAN V

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Racun Perosak* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada racun perosak, wap, debu atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. Dipiridil (Dikuat, Parakuat) | Sindrom distres pernafasan akut, fibrosis pulmonari, kecederaan kornea, gangguan sistem saraf pusat, ketoksikan ginjal dan hepar | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun herba oleh peladang, pengilang racun perosak, penyembur racun perosak dan penyelidik pertanian |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Racun Perosak* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada racun perosak, wap, debu atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 2. Karbamat (dimetilditio karbamat) | Dermatitis perengsa, polineuropati tertunda, bronkospasma, pankreatitis | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun serangga oleh peladang, pengilang racun perosak, penyembur racun perosak dan penyelidik pertanian |
| 3. Sebatian klorofenoksi (2-4 dikloro fenoksi asid asetik) | Hipotensi, kegagalan pernafasan, lemah otot dan spasma, rabdomiolisis | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun herba oleh peladang, pengilang racun perosak, penyembur racun perosak dan penyelidik pertanian |
| 4. Racun kulat | | |
| Ditiokarbamat dan tiokarbamat (etilena-bis-ditiokarbamat, dimetilditiokarbamat) | Perengsa dan dermatitis alergi, adenokarsinoma tiroid | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun kulat oleh peladang, pengilang racun perosak, penyembur racun perosak dan penyelidik pertanian |
| 5. Glifosat | Hipotensi, disaritmia, edema pulmonari, pneumonitis sedutan, iritasi membran mukus, dermatitis sentuh, ketoksikan hati | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun herba oleh peladang, pengilang racun perosak, penyembur racun perosak dan penyelidik pertanian |
| 6. Organoklorin (Aldrin, klordana, endosulfan, endrin, lindana) | Pengujaan sistem saraf pusat, sawan, anemia aplastik | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun serangga oleh peladang, pengilang racun perosak, penyembur racun perosak dan penyelidik pertanian |
| 7. Metil bromida (Bromometana) | Ensefalopati, distres pernafasan, sawan, neuropati periferi, ketoksikan hati | Pendedahan semasa digunakan sebagai agen pewasapan |
| 9. Nitrofenol | Kerosakan buah pinggang dan hati, metemoglobinemia, perangsang saraf pusat | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun herba, racun serangga, racun kulat oleh peladang, pengilang racun perosak, penyembur racun perosak dan penyelidik pertanian |
| 10. Fosforus organofosfat atau | Dermatitis perengsa, ketoksikan berterusan sistem saraf pusat, polineuropati | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun serangga oleh peladang, pengilang racun perosak, |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Racun Perosak* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada racun perosak, wap, debu atau sebatiannya yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| sebatian tak organiknya | tertunda, bronkospasma, pankreatitis | penyembur racun perosak dan penyelidik pertanian |
| 11. Piretroid sintetik (Permetrin, deltametrin) | Asma, dermatitis sentuh alergi dan perengsa, rinitis alergi, trombositopenia | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun serangga oleh peladang, pengilang racun perosak, penyembur dan penyelidik pertanian |
| 12. Pentaklorofenol | Iritasi kulit dan saluran pernafasan, keruntuhan sistemik, klorakne, bronkitis, aplasi sumsum tulang, hilang penglihatan | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun serangga dan pengawet kayu |
| 13. Racun rodensia | | |
| *(a)* Warfarin | Pendarahan dari membran mucus dan saluran gastrousus | Pendedahan semasa digunakan sebagai racun rodensia oleh peladang, pengilang dan penyelidik pertanian |
| *(b)* Zink fosfida | Iritasi pulmonari yang teruk, sawan, ketoksikan ginjal dan hati | Pendedahan semasa digunakan sebagai gas pewasap, umpan racun rodensia |

## BAHAGIAN VI

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Agen Fizikal* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada agen fizikal ini dan pendedahan kepada agen melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. Bunyi bising | Trauma akustik | Pendedahan kepada bunyi bising pekerjaan pada tahap tekanan bunyi 140 dB yang sangat tinggi dalam tempoh yang pendek |
| | Hilang pendengaran teraruh hingar | Pendedahan kepada bunyi bising pekerjaan pada tahap tekanan bunyi yang tinggi melebihi 85 desibel |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Agen Fizikal* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada agen fizikal ini dan pendedahan kepada agen melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | | sepanjang tempoh 8 jam selama bertahun-tahun |
| 2. Getaran | *Hand Arm Vibration Syndrome* (HAVS) | Pendedahan secara berpanjangan dan berlebihan kepada getaran setempat di bahagian tangan dalam julat 125-300 Hz |
| | Getaran seluruh tubuh | Pendedahan kepada gerakan yang berulang, getaran daripada alat pneumatik, gerudi kuasa, mesin rivet atau tukul pembalak, gergaji rantai, penyerpih, penggerudi batu, pemotong batu, operator dan perivet gerudi tukul |
| 3. Tekanan | Disbarisme, kesakitan nyahmampat, barotrauma, osteonekrosis, embolisme gas arteri serebrum, lengkok | Pendedahan kepada udara termampat, udara dalam air atau nipis, gas boleh nafas lain atau campuran gas seperti dalam air atau pekerja terowong |
| 4. Sinaran | | |
| *(a)* Sinaran pengionan | | |
| (i) Pendedahan akut kepada sinar X, sinar gamma, sinar alfa dan sinar beta pada dos yang tinggi | Sindrom sinaran akut, eritema alihan, deskuamasi, lesiradionekrotik | Pendedahan akut kepada sinar X, reaktor nuklear, partikel ion, radium, bahan radioaktif lain atau tenaga sinaran |
| (ii) Pendedahan kronik kepada sinar X, sinar gamma, sinar alfa dan sinar beta dalam tempoh pendam yang panjang | Katarak, radiodermatitis kronik, polineuropati, epitelioma spinoselular kutaneus, leukemia limfoid mieloid, osteosarkoma, anemia aplastik, kanser paru-paru, tiroid, testis, payu dara wanita dan kulit | Pendedahan kronik kepada sinar X, reaktor nuklear, zarah pengionan, radium, bahan radio aktif lain atau tenaga sinaran |
| *(b)* Sinaran bukan pengionan | Kesan akut: kerato konjunktivitis katarak sinaran, fotoretinitis,eritema kulit | Pendedahan secara berulang atau berpanjangan kepada ultra ungu, silau atau sinaran daripada kaca |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Agen Fizikal* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada agen fizikal ini dan pendedahan kepada agen melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| (i) Sinaran ultraungu | Kesan kronik: katarak aktinik, kanser kulit | lebur, logam lebur atau merah pijar, bahan putih pijar semasa pengimpalan elektrik atau pengimpalan asetilena |
| (ii) Sinaran inframerah | Kesan akut: blefaritis, keratitis, gangguan retina berkaitan dengan haba-skotoma. Lesi pigmen fundus<br><br>Kesan kronik: katarak pekerja kaca | Pendedahan secara akut atau berpanjangan kepada sinaran inframerah di kalangan tukang besi, peniup kaca, pekerja direlau, pembuat roti, pekerja faundri, laser industri |
| 5. Haba | Kekejangan haba, kelesuan haba, sinkop haba, strok haba dan katarak | Pendedahan kepada haba yang melampau, senaman lasak dan pelesapan haba terganggu, kelembapan tinggi semasa bekerja di luar, proses bersuhu tinggi, pengimpal, pekerja seramik dan pekerja kedai roti |
| 6. Suhu terlalu rendah | *Chilblain*, rosak fros, kaki rendaman, hipotermia sistemik | Pendedahan kepada kesejukan melampau yang menyebabkan suhu teras badan jatuh di bawah 36° Celsius di dalam bilik sejuk atau industri makanan sejuk beku |
| 7. Kekurangan oksigen | Hipoksia, asfiksiasi | Pendedahan kepada persekitaran kerja tanpa oksigen yang mencukupi, ruang tertutup, lurang, silo penyelenggaran dan penyelidik di altitud tinggi, pemanjat gunung |
| 8. Pencahayaan kurang baik | Nistagmus pelombong dan gerakan mata yang luar biasa | Pendedahan kepada pencahayaan yang kurang baik di dalam lombong |

## BAHAGIAN VII

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Agen Biologi* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada agen biologi dan adanya jangkitan* |
| A. Virus | | |
| 1. Arbovirus | Ensefalomielitis St. Louis/ Equine | Pendedahan di kalangan pekerja makmal |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Agen Biologi* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada agen biologi dan adanya jangkitan* |
| 2. *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI) *Virus* | Selesema Burung | Pendedahan kepada burung yang dijangkiti HPAI |
| 3. Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) | Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) | Pendedahan kepada darah dan produk darah yang dijangkiti HIV di kalangan pekerja jagaan kesihatan, pekerja pelupusan dan perkhidmatan makmal |
| 4. Flavivirus | *Japanese Encephalitis* | Pendedahan kepada haiwan yang dijangkiti Flavivirus |
| 5. Virus Hepatitis A | Jangkitan Hepatitis A | Pendedahan kepada virus Hepatitis A di kalangan pekerja kumbahan |
| 6. Virus Hepatitis B | Jangkitan Hepatitis B kegagalan hati akut, Hepatitis kronik, sirosis,hepatoma | Pendedahan kepada darah manusia atau produk darah manusia yang dicemari virus Hepatitis B atau suatu sumber virus Hepatitis B di kalangan pekerja jagaan kesihatan dan makmal, pekerja pelupusan sisa hospital, kakitangan ambulan, kakitangan penjara dan polis |
| 7. Virus Hepatitis C | Jangkitan Hepatitis C Hepatitis kronik, sirosis, hepatoma | Pendedahan kepada darah atau produk darah manusia yang dicemari virus Hepatitis C atau suatu sumber virus Hepatitis C di kalangan pekerja jagaan kesihatan dan makmal, pekerja pelupusan sisa hospital, kakitangan ambulan, kakitangan penjara dan polis |
| 8. Virus Hepatitis E | Jangkitan Hepatitis E | Pendedahan kepada darah atau produk darah manusia yang dicemari virus Hepatitis E atau suatu sumber virus Hepatitis E di kalangan pekerja jagaan kesihatan dan makmal, pekerja pelupusan sisa hospital, kakitangan ambulan, kakitangan penjara dan polis |
| 9. Virus Nipah (Paramiksovirida) | Jangkitan virus Nipah | Pendedahan kepada haiwan dan dagingnya yang dijangkiti virus Nipah di kalangan penternak babi dan pekerja jagaan kesihatan |
| 10. Virus (Virus Korona) Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) | Jangkitan virus SARS | Pendedahan kepada mereka yang dijangkiti virus SARS di kalangan pekerja jagaan kesihatan |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Agen Biologi* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada agen biologi dan adanya jangkitan* |
| 11. Virus Anjing Gila | Anjing gila, gejala sistem saraf pusat, racauan, sawan, kegagalan pernafasan | Pendedahan kepada virus Anjing Gila melalui gigitan haiwan rabid atau haiwan domestik yang dijangkiti virus anjing gila di kalangan pekerja ladang dan penternakan, haiwan veterinar, kakitangan makmal haiwan dan kawalan haiwan |
| 12. Virus Rubela | Rubela | Pendedahan kepada pesakit yang dijangkiti rubela di kalangan kakitangan jagaan kesihatan dan penjaga tadika |
| B. Bakteria | | |
| 1. *Bacillus anthracis* daripada produk haiwan | Jangkitan antraks lesi vesikular kutaneus, pendarahan pulmonari, pneumonia | Pendedahan kepada haiwan yang dijangkiti *Bacillus anthracis* dan spora, bulu kejur, belulang, kuku, kapas, tanduk atau kulitnya atau produk haiwan yang lain atau pengendalian karkas dan sisa oleh pekerja ladang, haiwan, rumah sembelih, veterinar, makmal, doktor, jururawat, kakitangan ambulan dan juruteknik patologi |
| 2. *Borrelia burgdorferi* daripada gigitan sengkenit yang dijangkiti | Penyakit Lyme | Pendedahan kepada gigitan sengkenit yang dijangkiti *Borrelia burgdorferi* dalam kerja yang melibatkan kerja luar meliputi perladangan dan perhutanan |
| 3. *Brucella abortus, B.suis, B. Mellitensis* daripada ternakan | Bruselosis | Pendedahan kepada haiwan yang dijangkiti *Brucella* atau produknya dalam kerja perladangan, perhutanan dan penternakan haiwan, pengendalian karkas atau sebahagian daripadanya atau produknya yang tidak dirawat, rumah sembelih, veterinar, kerja makmal; pengendalian spesimen makmal atau vaksin yang mengandungi *Brucella* |
| 4. *Clostridium tetani* dari tanah, kumbahan atau haiwan melalui luka dalam yang tidak dibersihkan | Tetanus Sawan | Pendedahan kepada tanah yang tercemar semasa perladangan, tugas ketenteraan dan kerja kumbahan |
| 5. *Erysipelothrix rhusiopathiae* dari | Erisipeloid (Erisipeloid Kutaneus) Sepsis dengan endokarditis | Pendedahan kepada agen melalui kerja perladangan dan penternakan haiwan, kerja veterinar, kerja |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Agen Biologi* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada agen biologi dan adanya jangkitan* |
| haiwan yang dijangkiti | | penyembelihan, kerja pemprosesan daging, kerja lain yang boleh terkena babi, lembu, atau ikan termasuk pengendalian karkasnya |
| 6. *Francisella-tularensis* daripada pelbagai haiwan, terutamanya kuda betina, arnab, tupai, tikus, mencit dan haiwan perosak lain | Tularemia | Pendedahan kepada *Francisella tularensis* dalam perladangan, kerja penternakan haiwan, perhutanan, kerja makmal yang melibatkan pengendalian arnab, kuda betina, tupai darat, mencit atau rodensia kecil berbulu yang lain yang dijangkiti |
| 7. *Leptospira ictohaemorrhagica/ interrogans* daripada haiwan (tikus terutamanya), air kencing haiwan atau tanah yang tercemar | Leptospirosis/penyakit Weil (demam paya, penyakit babi)<br><br>Kegagalan hati dan ginjal, pneumonia | Pendedahan kepada agen melalui perladangan dan kerja penternakan haiwan, kerja veterinar, kerja penyembelihan, kerja tenusu, kerja pemprosesan daging, kerja yang boleh terkena tanah yang tercemar, nelayan air tawar dan pengendali ikan, kerja kumbahan dan pemungut sampah yang terdedah kepada tikus yang dijangkiti |
| 8. *Mycobacterium bovis* daripada haiwan yang dijangkiti | Tuberkulosis bovin | Pendedahan kepada *Mycobacterium bovis* yang dipindahkan melalui haiwan yang dijangkiti atau produknya, kerja penyembelihan dan penternakan haiwan |
| 9. *Mycobacterium tuberculosis, Mycobacterium leprae* daripada manusia yang dijangkiti | Tuberkulosis/Kusta | Pendedahan jika terkena terus dengan sumber atau sumber-sumber agen disebabkan oleh pekerjaan:<br><br>*(a)* dalam rawatan perubatan atau penjagaan seseorang atau mereka yang menghidap penyakit tuberkulosis/kusta atau dalam suatu khidmat tambahan yang lain kepada rawatan atau penjagaan itu;<br><br>*(b)* merawat seseorang atau mereka yang menghidap penyakit tuberkulosis atau kusta yang timbul keperluan terhadapnya disebabkan penyakit fizikal atau mental;<br><br>*(c)* sebagai penyelidik yang terbabit dalam penyelidikan berkaitan dengan tuberkulosis/kusta; atau |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Agen Biologi* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada agen biologi dan adanya jangkitan* |
| | | *(d)* sebagai pekerja makmal, ahli patologi atau pekerja bedah siasat, yang kerjanya itu melibatkan bahan yang merupakan sumber jangkitan tuberkulosis atau dalam sebarang kerja tambahan kepada pekerjaan tersebut |
| 10. *Mycobacterium marinum* | Granuloma tangki ikan | Pendedahan kepada agen di kalangan pembersih tangki ikan |
| 11. *Pseudomonas mallei* | *Glanders* pneumonia, septisemia, abses setempat | Pendedahan apabila terkena anjing gila, atau haiwan ekuin atau karkas di kalangan pekerja ladang dan pekerja di tempat penyembelihan |
| 12. *Pseudomonas pseudomallei* | Melioidosis | Pendedahan kepada rodensia yang dijangkiti *Pseudomonas pseudomallei* |
| C. Rickettsiae dan Chlamydiae | | |
| 1. *Chlamydia psittaci* daripada burung | Klamidiosis burung psitakosis (ornitosis) ensefalitis, miokarditis, tromboflebitis | Pendedahan kepada burung, ayam itik dan najisnya yang dijangkiti *Chlamydia psittaci* atau sisanya atau produk burung seumpamanya yang tidak dirawat misalnya pekerja ladang itik, pekerja memproses bulu, pekerja rumah sembelih, pemeriksa daging ayam itik dan pekerja kedai haiwan peliharaan |
| | Ovin klamidiosis | Pendedahan apabila terkena kambing biri-biri yang dijangkiti *Chlamydia psittaci* atau sisanya atau produk kambing seumpamanya yang tidak dirawat di kalangan pekerja ladang biri-biri, pakar bedah veterinar |
| 2. *Chlamydia pneumoniae* daripada manusia | Pneumonia klamidia | Pendedahan kepada manusia yang dijangkiti *Chlamydia pneumoniae* di kalangan pekerja jagaan kesihatan |
| 3. *Coxiella burnetii* daripada haiwan domestik (lembu, kambing biri-biri, kambing) atau melalui gigitan | Demam Q pneumonitis, miokarditis, | Pendedahan apabila terkena haiwan yang dijangkiti, kambing biri-biri, sisa atau produknya yang tidak dirawat di kalangan pekerja ladang lembu yang terlibat dalam penternakan kambing |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Agen Biologi* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada agen biologi dan adanya jangkitan* |
| sengkenit yang jarang-jarang berlaku | | biri-biri, kerja penyembelihan, kerja veterinar, kerja makmal |
| 4. *Rickettsia rickettsii* dan spesies *Rickettsia* lain | Demam berbintik (demam tifus bawaan sengkenit/*rickettsia* bawaan sengkenit) | Pendedahan kepada *Rickettsia rickettsii* dan spesies Rickettsia lain dalam kerja makmal dan kerja luar |
| 5. *Rickettsia prowazeki* | Tifus Eskar | Pendedahan kepada sebarang *Rickettsia prowazekii* di kalangan kakitangan tentera dan peladang |
| 6. *Yersinia pestis* | Wabak septisemia, kejutan endotoksik, koagulasi intravaskular tersebar–(DIVC) | Pendedahan kepada agen melalui tikus yang dijangkiti di kawasan penternakan haiwan dan perladangan |
| D. Protozoa | | |
| 1. *Toxoplasma gondii* daripada kucing (atau burung, kambing biri-biri, kambing, babi, lembu, dll) | Toksoplasmosis abses serebrum, pneumonia, miokarditis | Pendedahan kepada agen semasa kerja pertanian, kerja veterinar, kerja penyembelihan dan kerja di kedai haiwan peliharaan |
| 2. Cacing kerawit *Ancyostoma braziliense* | Larva migrans kutaneus plak gerak, berkeluk terutamanya di kaki | Pendedahan kepada agen di kalangan pekerja di pantai tropika |
| E. Kulat | | |
| 1. Sporotrikosis nokardia | Mikosis dalam nodul kulit | Pekerja dengan pendedahan kepada agen |
| 2. *Candida albicans* | Kandidiasis | Pekerja dengan pendedahan kepada agen |

## BAHAGIAN VIII

### PENYAKIT MENGIKUT ORGAN SASARAN

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| A. Penyakit Paru-paru | *(a)* Isosianat-toluena diisosianat | Pendedahan kepada asmagen dalam kerja kimia, cat sembur, |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. Asma | *(b)* Garam platinum<br>*(c)* Wasap atau debu yang berpunca daripada pengilangan, pengangkutan atau penggunaan agen pengeras (agen pengawet resin epoksi berasaskan ftalikan hidrida, tetrakloroftalik anhidrida, trimelitik anhidrida atau trietilenatetramina<br>*(d)* Wasap yang berpunca daripada penggunaan rosin sebagai fluks pematerian<br>*(e)* Enzim proteolitik<br>*(f)* Debu mineral seperti simen, kuprum<br>*(g)* Debu tepung dan bijirin<br>*(h)* Haiwan termasuk serangga dan epitelia atropod lain serta bahan kumuh–debu haiwan seperti tulang atau bulu<br>*(i)* Debu papan<br>*(j)* Debu tumbuhan daripada tumbuhan seperti kapas, kayu, flaks, sekam padi, gabus, rempah, hem, guni, tembakau, teh, gandum barli, rai<br>*(k)* Pewarna reaktif<br>*(l)* Garam persulfat<br>*(m)* Produk yang diperbuat daripada lateks asli (getah asli)<br>*(n)* Glutaraldehid | pengilangan busa poliuretana, digunakan dalam perekat berasaskan poliuretana, pembuatan roti dan perladangan, kerja makmal, perladangan, kerja kayu, tukang kayu, pengering tekstil, pendandan rambut, penjagaan kesihatan dan pengeluar sarung tangan |

| | *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|---|
| | | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 2. | Rinitis alergi | *(a)* Isosianat<br><br>*(b)* Garam Platinum<br><br>*(c)* Wasap atau debu yang berpunca daripada pengilangan, pengangkutan atau penggunaan agen pengeras (agen pengawet resin epoksi berasaskan ftalik anhidrida, tetrakloroftalik anhidrida, trimelitik anhidrida atau trietilenatetramina<br><br>*(d)* Wasap yang berpunca daripada penggunaan rosin sebagai fluks pematerian<br><br>*(e)* Enzim proteolitik<br><br>*(f)* Debu mineral seperti simen, kuprum<br><br>*(g)* Debu tepung dan bijirin<br><br>*(h)* Haiwan termasuk serangga dan epitelia atropod lain dan bahan kumuh–debu haiwan seperti tulang atau bulu<br><br>*(i)* Pewarna reaktif Persulfat<br><br>*(j)* Produk yang diperbuat daripada lateks asli (getah asli)<br><br>*(k)* Glutaraldehid | Pendedahan kepada agen dalam industri penyaduran logam, pemprosesan makanan, pekerja makmal, pemprosesan bijirin, pengilangan drug, pengilangan serbuk pencuci, dandanan rambut, industri elektronik, pengimpal, pemprosesan pewarna teh dan kopi |
| 3. | Penyakit berkaitan dengan asbestos Asbestosis (fibrosis pulmonari interstitial resapan), penyakit pleural asbestos benigna, penyakit berkaitan dengan asbestos malignan | Asbestos atau sebarang campuran asbestos | Pendedahan kepada asbestos atau sebarang campuran asbestos (lombong dan kuari asbestos, industri pengilangan produk asbestos), kerja penebatan, kerja limbungan kapal, kerja yang melibatkan penyingkiran bahan yang mengandungi asbestos atau jubin atau yang lain atau yang banyak pendedahan kepada debu yang berpunca daripada sebarang |

| | *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|---|
| | | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | mesotelioma, plak pleural, efusi pleural | | operasi sebelumnya, pengilangan atau pembaikan tekstil asbestos atau barangan lain yang mengandungi atau terdiri daripada asbestos; pelombongan, pemprosesan, pengilangan atau pengendalian, perobohan, pengangkutan, pelupusan |
| 4. | Kecederaan pulmonari akut (edema larinks, laluan udara terhalang), sindrom distres pernafasan akut (A*cute Respiratory Distress Syndrome* (ARDS) | Klorin, ammonia, sulfur dioksida, dan aerosol asid | Pendedahan kepada agen |
| 5. | Bronkitis kronik | Batu arang, kabut minyak, gentian berkekaca sintetik, simen Portland, wasap pengimpalan, kapas, bijirin, kayu, asap tembakau, asap kebakaran, ekzos enjin | Pendedahan kepada agen yang menyebabkan bronkitis kronik, pendedahan kepada debu batu arang yang disebabkan oleh kerja di bawah tanah di dalam lombong batu arang untuk satu tempoh selama sekurang-kurangnya 20 tahun dan tempoh itu hendaklah termasuk satu tempoh ketidakupayaan untuk bekerja semasa melakukan pekerjaan itu |
| 6. | Emfisema | *B. subtilis proteases*, wasap kadmium | Sedutan wasap kadmium bagi satu tempoh, selama 20 tahun atau lebih di kalangan pelombong batu arang, pekerja pengilangan tekstil |
| 7. | Penyakit saluran udara akibat debu organik tertentu | | |
| | *(a)* Bisinosis (*weaver's cough* atau *mill fever*) | Debu kapas, hem atau sisal | Pendedahan kepada debu kapas, debu kapas sintetik atau hem atau debu sisal di kalangan pekerja industri kapas |
| | *(b)* Penyakit *Flax-dressers* | Flaks | Pendedahan kepada debu flaks |
| 8. | Pneumokoniosis<br>*(a)* Silikosis | | Sebarang pekerjaan yang melibatkan– |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| (i) Silikosis Akut<br>(ii) Silikosis Dipercepat<br>(iii) Silikosis kronik | Batu silika dan debu mineral lain<br>Pasir kuartzos kering (kuartza, kristobalit, tridimit) atau sebarang deposit kering atau sisa kering silika (silikon dioksida SiO2) atau sebarang campuran yang mengandungi bahan seumpamanya, termasuk magnesium silikat terhidrat | *(a)* pelombongan, pengkuarian atau pemprosesan batu silika, penggunaan pasir kuartzos kering (kuartza, kristobalit, tridimit) atau sebarang endapan kering atau sisa kering silika (silikon dioksida SiO2) atau sebarang campuran yang mengandungi bahan tersebut, termasuk magnesium silikat terhidrat;<br>*(b)* pengendalian sebarang bahan yang dinyatakan dalam subperenggan *(a)* dalam atau berkaitan dengan sebarang operasi yang disebut di dalamnya atau banyak pendedahan kepada debunya akibat operasi tersebut, pengisaran, penggerudian, pemecahan batu yang mengandungi silika, pengilangan seramik dan kaca;<br>*(c)* pemecahan, penghancuran atau pengisaran flin atau kerja atau pengendalian flin yang pecah, hancur atau yang dikisar atau bahan yang mengandungi flin tersebut atau yang banyak pendedahan kepada debu akibat operasi tersebut;<br>*(d)* peletupan pasir melalui udara termampat dengan penggunaan pasir kuartzos atau batu silika atau flin hancur atau yang banyak pendedahan kepada debu akibat peletupan pasir itu;<br>*(e)* penskalaan dandang atau banyak pendedahan kepada debu akibat daripadanya;<br>*(f)* pekerjaan di dalam faundri atau pengerjaannya, atau pendedahan yang banyak kepada debu akibat mana-mana operasi berikut; |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan*<br><br>*(g)* pelepasan tuangan keluli daripada bahan silika yang terlekat;<br><br>*(h)* pelepasan tuangan logam daripada bahan silika yang terlekat;<br><br>*(i)* pengilangan tembikar atau barang tanah liat, (termasuk barang tanah liat sanitari, jubin tanah liat elektrik), dan sebarang pekerjaan yang banyak pendedahan kepada debu akibat daripadanya;<br><br>*(j)* pemasangan granit atau sebarang batu igneus oleh tukang batu atau penghancuran bahan seperti itu atau banyak pendedahan kepada debu akibat operasi tersebut; atau<br><br>*(k)* penggunaan atau persediaan untuk menggunakan mesin pengasah atau banyak pendedahan kepada debu akibat daripadanya |
| *(b)* Silikosis yang dikaitkan dengan tuberkulosis | Mana-mana agen di atas serentak dengan jangkitan *Mycobacterium tuberculosis* | Sebarang pekerjaan yang melibatkan–<br><br>*(a)* pelombongan, pengkuarian atau pemprosesan batu silika, penggunaan pasir kuartzos kering (kuartza, kristobalit, tridimit) atau sebarang endapan kering atau sisa kering silika (silikon dioksida $SiO2$) atau sebarang campuran kering yang mengandungi bahan tersebut, termasuk magnesium silikat terhidrat;<br><br>*(b)* pengendalian sebarang bahan yang dinyatakan dalam subperenggan *(a)* di dalam atau berkaitan dengan sebarang operasi yang disebut di dalamnya atau banyak pendedahan yang kepada debu akibat operasi tersebut, pengisaran, penggerudian, |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | | pemecahan batu yang mengandungi silika, pengilangan seramik dan kaca; |
| | | *(c)* pemecahan, penghancuran atau pengisaran flin atau kerja atau pengendalian flin yang pecah, hancur atau yang dikisar atau bahan yang mengandungi flin tersebut atau yang banyak pendedahan kepada debu akibat operasi tersebut; |
| | | *(d)* peletupan pasir melalui udara termampat dengan penggunaan pasir kuartzos atau batu silika atau flin hancur atau yang banyak pendedahan kepada debu akibat peletupan pasir itu; |
| | | *(e)* penskalaan dandang atau yang banyak Pendedahan kepada debu akibat daripadanya; |
| | | *(f)* pekerjaan di dalam faundri atau melakukan, atau yang banyak pendedahan kepada debu akibat, mana-mana operasi berikut; |
| | | *(g)* pelepasan tuangan keluli daripada bahan silika yang terlekat; |
| | | *(h)* pelepasan tuangan logam daripada bahan silika yang terlekat; |
| | | *(i)* pengilangan tembikar atau barang tanah liat, (termasuk barang tanah liat sanitari, jubin tanah liat elektrik), dan sebarang pekerjaan yang banyak pendedahan kepada debu akibat daripadanya; |
| | | *(j)* pemasangan granit atau sebarang batu igneus oleh tukang batu atau penghancuran bahan seperti itu atau banyak pendedahan kepada debu akibat operasi tersebut; atau |

| | *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|---|
| | | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan*<br><br>*(k)* penggunaan atau persediaan untuk menggunakan mesin pengasah atau banyak pendedahan kepada debu akibat daripadanya. |
| 9. | Pneumokoniosis pelombong batu arang dan penyakit paru-paru lain yang berkaitan dengan batu arang | Batu arang | Batu arang atau sebarang lombong (di bawah atau di atas tanah) yang salah satu matlamat operasi melombong adalah untuk mendapatkan sebarang mineral, atau menggunakan atau mengendalikan sebarang mineral yang dikeluarkan dari tempat itu |
| 10. | Grafit fibrosis (paru-paru) (grafit pneumokoniosis) | Grafit (asli dan tiruan) | Pendedahan semasa pengeluar angrafit asli atau tiruan dan debu akibat pengisaran |
| 11. | Stanosis | Timah | Pendedahan kepada debu atau wasap timah semasa melombong timah dan metalurgi |
| 12. | Siderosis | Debu besi | Pendedahan dengan tersedut debu yang mengandungi besi dan hematit |
| 13. | Baritosis | Debu barium | Pendedahan semasa penggerudian telaga, aloi dengan aluminum,dan penggunaan barium karbonat dalam rawatan air dan sebagai fluks dalam seramik |
| 14. | Talkosis | Talkum | Pendedahan semasa pengeluaran talkum |
| 15. | Pneumokoniosis akibat sekam padi | Sekam padi atau debu atau bahan yang mengandungi padi | Pendedahan kepada sekam padi, debu atau bahan yang mengandungi padi |
| 16. | Pneumonitis Hiperpeka (Alveolitis alergi luaran) akibat debu organik | | Pendedahan kepada spora kulapuk atau kulat atau protein heterolog disebabkan melakukan kerja dalam bidang—<br><br>*(a)* pertanian, hortikultur, perhutanan, penanaman kulat yang boleh dimakan atau kerja malt; atau |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | | *(b)* memuatkan atau memunggah atau mengendalikan penyimpanan bahan sayuran cendawan atau kulat yang boleh dimakan |
| *(a)* Bakteria termofilik dan produk bakteria | | |
| (i) Paru-paru peladang | *Micropolyspora faeni Faenia rectivirgula* | Pendedahan peladang kepada agen |
| (ii) Paru-paru pekerja cendawan | *Thermoactinomyces vulgaris Micropolyspora faeni* | Pendedahan pekerja semasa penghasilan cendawan |
| (iii) Bagasosis | *Thermoactinomyces sachari Thermoactinomyces vulgaris* | Pendedahan kepada agen dalam ladang tebu |
| (iv) Penyakit pekerja sisal | Debu tali | Pendedahan kepada agen di kalangan pembuat beg dan tali |
| (v) Paru-paru pekerja kopi | Debu biji kopi | Pendedahan kepada agen di kalangan pekerja kopi |
| *(b)* Bakteria bukan termofilik | | |
| (i) Paru-paru pekerja baja | *Thermoactinomyces vulgaris Thermoactinomyces candidus* | Peladang pendedahan kepada agen apabila mengendalikan baja |
| (ii) Paru-paru pekilang | *Sitophilus granaries* (kumbang belalai gandum) | Pendedahan kepada agen melalui bijirin yang dicemari debu |
| (iii) Paru-paru pekerja detergen | *Debu detergen* | Pendedahan kepada manik dan debu detergen |
| B. Kulat | | |
| 1. Paru-paru pekerja kayu | Debu kulit kayu yang bercendawan | Pendedahan kepada agen di kalangan pengulit kayu gergaji dan pembalak |
| 2. Penyakit kumbang belalai gandum | Tepung gandum yang dicemari | Pendedahan kepada agen di kalangan pekerja tepung |
| 3. Paru-paru pekerja kilang kertas | Serpihan kayu bercendawan | Pendedahan kepada agen di kalangan pekerja kilang kertas |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| C. Protein Haiwan | | |
| 1. Penyakit penggemar burung | Burung bayan | Pendedahan kepada agen di kalangan pengendali burung |
| 2. Paru-paru penternak merpati | Burung merpati | Pendedahan kepada agen di kalangan pengendali burung merpati |
| 3. Paru-paru pengendali ayam dan itik | Ayam | Pendedahan kepada agen di kalangan penternak ayam itik |
| 4. Paru-paru furier | Ayam belanda | Pendedahan kepada agen di kalangan furier |
| 5. Penyakit pengendali rodensia | Tikus | Pendedahan kepada agen di kalangan pekerja makmal haiwan |
| D. Bahan kimia | | |
| 1. Pneumonitis hiperpeka | Toluena diisosianat (TDI), heksametilena diisosianat, difenilmetana diisosianat (MDI) | Pendedahan kepada agen semasa digunakan sebagai pelarut industri, di kalangan pekerja faundri dan pekerja busa poliuretana |
| | Trimelitik anhidrid | Pendedahan kepada agen di kalangan pekilang resin epoksi dan cat |
| 2. Penyakit paru-paru logam keras | Kobalt dalam pelarut | Pekerja tungsten karbida apabila pendedahan kepada kobalt |
| 3. Penyakit berilium kronik | Zarahan berilium | Pendedahan kepada berilium semasa pengeksrakan; digunakan dalam metalurgi, industri aeroangkasa dan industri nuklear |
| 4. Sindrom toksik debu organik | Rumput kering dan bijirin bercendawan, kompos, tebu bercendawan, debu biji kopi,debu kulit kayu bercendawan, tepung gandum yang tercemar, kulapuk keju, liken bercendawan, burung bayan, burung merpati, ayam itik, musang, tikus dan debu organik lain | Pendedahan kepada agen semasa kegiatan pertanian |
| 5. Legionelosis | *Legionella pneumophila* | Pendedahan kepada *Legionella pneumophila* akibat sistem pengalihudaraan yang tercemar dalam persekitaran kerja |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 6. Kanser paru-paru akibat pekerjaan | Arsenik, asbestos, nikeloksida, nikel subsulfida, Bis (klorometil) eter, sebatian kromium (heksavalen), kalsium kromat, zink kromate, strontium kromat dalam bentuk tulennya, gas mustard, minyak mineral, hidrokarbon aromatik polisiklik, radon, debu kayu | Pendedahan kepada agen |

## BAHAGIAN IX

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Penyakit kulit* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. Dermatitis sentuh alergi | *(a)* Pelekat, antiseptik, antibiotik–bahan makanan haiwan dengan antibiotik | Pendedahan kepada agen semasa pengendaliannya |
| | *(b)* Biosid–(formaldehid, timerosal) | |
| | *(c)* Simen (kromate, kobalt) | |
| | *(d)* Kosmetik–haruman | |
| | *(e)* Bendalir dan minyak pemotong | |
| | *(f)* Pewarna-pewarna rambut–(para-fenilena diamina, pencuci gambar warna, pewarna tekstil serakan), bahan penyahjangkit | |
| | *(g)* Makanan (sayur-sayuran, makanan laut, sos salad, daging, buah-buahan, agen perisa, bahan antioksida) | |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Penyakit kulit* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | *(h)* Gam dan agen pengikat | |
| | *(i)* Logam–nikel (peralatan nikel), kromat, kobalt, raksa | |
| | *(j)* Tumbuh-tumbuhan dan pokok (pengawet)–kayu dan pengawetnya | |
| | *(k)* Urushiol (*Toxicodendron*), Lakton seskuiterpena (*Compositae*), Primin(*Primula obconica*), Tulpalin A (*Tulipa, Alstroemeria*) | |
| | *(l)* Plastik-(monomer epoksi, monomer akrilik, resinfenolik, mangkin amina) | |
| | *(m)* Resin–(epoksi, akrilat, isosiatana, resinformaldehid), fluks pematerian (amina dan kolofoni) | |
| | *(n)* Produk getah (bahan tambah merkaptobenzotiazol, tiuram, karbamat, tiourea)-sarung tangan, but dan topeng (bahan kimia getah) | |
| 2. Dermatitis Sentuh Perengsa | *(a)* Alkohol, glikol, air | Pendedahan kepada agen semasa pengendaliannya |
| | *(b)* Bahan makanan haiwan, baja, tumbuh-tumbuhan, racun perosak | |
| | *(c)* Mangkin amina stirena, benzoil peroksida | |
| | *(d)* Alifatik–sulingan petroleum (kerosen, gasolin), nafta, minyak, pembersih tangan | |
| | *(e)* Aromatik–benzena, toluena, xilena | |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Penyakit kulit* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | *(f)* Bendalir pemotong, pelelas, minyak, pembersih tangan | |
| | *(g)* Bahan kimia, asid dan alkali (simen) | |
| | *(h)* Eploksi, fenolik, monomer akrilik | |
| | *(i)* Terhalogen-trikloroetilena, kloroform, dan metilena klorida | |
| | *(j)* Logam–arsenik, krom | |
| | *(k)* Agen lain–turpentin, keton, ester, debu kayu, laker, penggilap | |
| | *(l)* Plastik–sabun dan detergen, syampu, larutan ombak kekal, resin, bahan penyahjangkit, antiseptik, ubat-ubatan, zat aktif permukaan | |
| | *(m)* Pelarut–fototoksin: tar batu arang, furokumarin, pewarna, drug | |
| | *(n)* Fotoalergen–tumbuh-tumbuhan, stilbena, terbitan asid amino-benzoik dan salisilanilida terhalogen | |
| | *(o)* Pengawet kayu, gentian kaca, pelarut, minyak, pic, tar, cat, jus sayur-sayuran dan buah-buahan (enzim), agen penggilap | |
| 3. Akne dan klorakne | *(a)* Minyak dan gris serta keadaan panas dan lembap di tempat kerja | Pendedahan kepada minyak, gris dan keadaan panas dan lembap di tempat kerja |
| | *(b)* Klorakne–terpolihalogen, naftalena, bifenol, dibenzofuran dan | Pendedahan kepada agen |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Penyakit kulit* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| | sesetengah bahan cemar racun herba | |
| 4. Pengulseran krom, pengulseran membran mukus atau epidermis | Asid kromik, kromat atau dikroma tammonium, kalium, zink atau natrium, atau sebarang sediaan atau larutan yang mengandungi sebarang bahan ini | Pendedahan kepada agen |
| 5. Urtikaria sentuh | *(a)* Alergen-lateks, tepung jagung, bulu binatang dan dander, antibiotik, akrilat, resin epoksi, formaldehid, bahan makanan misalnya telur, lobak merah, ikan, daging dan susu | Pendedahan kepada agen |
| | *(b)* Agen bukan imunologi–etil/butil/isopropil/asetil, alkohol, asid sorbik, asid sorbik, asid benzoik, sulfur dioksida | |
| | *(c)* Ammonia, (sama ada asid sinnamik yang alergi atau tak alergi) kentang, epal, salad, ammonium persulfat, xilena | |
| 6. Dermatitis | Kayu rengas dan sapnya | Pendedahan kepada agen semasa manipulasi kayu rengas atau sebarang proses dalam atau berkaitan dengan pengilangan barangannya |
| 7. Kerato kilat-konjunktivitis atau retinitis | Pengimpalan elektrik atau pengimpalan asetilena cahaya ultra ungu | Pendedahan kepada agen semasa pengimpalan elektrik atau pengimpalan asetilena |
| 8. Ketumbuhan kulit setempat yang baru, papiloma atau lesi keratotik | Berilium, minyak syal, tar, pic, bitumen, minyak mineral dan jelaga | Pendedahan kepada agen |
| 9. Dermatitis tungau | Burung hantu dan burung merpati dan burung lain yang mempunyai tungau | Pendedahan kepada agen semasa mengendalikan burung hantu dan burung merpati yang dipenuhi tungau |

| *AGEN* | *PENYAKIT* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Penyakit kulit* | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, penyimpanan, pelupusan), dan pendedahan kepada agen yang melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 10. Pengulseran kulit pekerjaan | Bahan kimia perengsa yang mengakis | Pendedahan kepada agen semasa mengendalikan bahan kimia perengsa yang mengakis |
| 11. Vitiligo pekerjaan/toksik (leukoderma) | *(a)* Fenol-paratertier-butilfenol (4-tert-butilfenol), paratertier-butilkatekol (4-tert-butilkatekol), para-amilfenol<br><br>*(b)* Katekol-katekol (pirokatekol), p-metil katekol, 4-isopropil katekol, 4-tert-butil katekol<br><br>*(c)* Hidrokuinon, monobenzil eter bagi hidrokuinon (4-benzil oksifenol) atau mono-butil eter bagi hidrokuinon (4-butoksifenol) | Pendedahan kepada agen |
| 12. Kanser kulit pekerjaan | Arsenik atau sebatian arsenik, tar, pic, poliaromatik hidrokarbon, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga, sinaran ultra ungu debu organik | Pendedahan kepada agen |

## BAHAGIAN X

| *PENYAKIT* | *AGEN/FAKTOR RISIKO ERGONOMI* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Penyakit Otot-Skeletal Pekerjaan* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada berbilang faktor risiko ergonomik–tenaga, sangat berulang, kerja tidak neutral, tempoh yang berpanjangan, beban berat dan melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. Anggota atas | | |

| *PENYAKIT* | *AGEN/FAKTOR RISIKO ERGONOMI* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Penyakit Otot-Skeletal Pekerjaan* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada berbilang faktor risiko ergonomik–tenaga, sangat berulang, kerja tidak neutral, tempoh yang berpanjangan, beban berat dan melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| *(a)* Sindrom Salur keluar Torasik | Kerja yang melibatkan penarikan bahu ke belakang dan ke bawah, bekerja pada aras yang lebih tinggi daripada kepala dengan abduksi dan abduksi berulang pada bahu dan lengan yang mengakibatkan mampatan struktur neurovaskular yang merentas keluar dada, leher dan melalui bahagian bawah klavikel hingga ke aksila | Pekerja dengan kegiatan yang dicirikan oleh berbilang faktor risiko ergonomik |
| *(b)* Sindrom Kuf pemutar | Tugas yang berkaitan dengan pergerakan yang sangat pantas, berulang dan kuat, memberikan tekanan yang berlebihan pada otot dan tendon dengan daya yang berlebihan di sekeliling bahu | Pekerja dengan kegiatan yang dicirikan oleh berbilang faktor risiko ergonomik |
| *(c)* Tangan lesu | Tugas dengan tugas manual yang pantas, berulang dan berlebihan yang menyebabkan geseran atau tekanan yang teruk dan berpanjangan pada bursa tangan yang mengakibatkan geseran atau tekanan yang teruk atau berpanjangan pada tangan | Pekerja dengan kegiatan yang dicirikan oleh berbilang faktor risiko ergonomik |
| *(d)* Siku lesu | Tugas dengan tugas manual yang pantas, berulang dan berlebihan yang menyebabkan geseran atau tekanan luaran yang teruk dan berpanjangan pada bursa siku | Pekerja dengan kegiatan yang dicirikan oleh berbilang faktor risiko ergonomik |
| *(e)* Epikondilitis tengah (*Golfer's elbow*) | Pergerakan kuat yang sentiasa berulang, melibatkan fleksor/pronator jari dan pergelangan tangan | Pekerja dengan fleksi pergelangan tangan/jari dan siku terlentur yang kuat dan sentiasa berulang |
| *(f)* Epikondilitis lateral (*Tennis elbow*) | Dorsifleksi pergelangan tangan yang kuat dan sentiasa berulang | Pekerja dengan regangan pergelangan tangan dan genggaman yang kuat dan berulang |

| *PENYAKIT* | *AGEN/FAKTOR RISIKO ERGONOMI* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Penyakit Otot-Skeletal Pekerjaan* | | *Pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada berbilang faktor risiko ergonomik–tenaga, sangat berulang, kerja tidak neutral, tempoh yang berpanjangan, beban berat dan melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| *(g)* Tenosinovitis *stiloid radial* (De Qu ervains tenosynovitis) | Pergerakan berterusan atau sentiasa berulang, penggunaan tenaga yang kuat dan postur pergelangan tangan yang ekstrem, terutamanya jika digabungkan dengan kecederaan pada anggota badan dan apendaj. | Pekerja yang mencubit dengan kuat secara berterusan atau berulang menggunakan ibu jari semasa menjalankan tugasnya, penggunaan tenaga yang kuat dan postur pergelangan tangan yang ekstrem, terutamanya jika digabungkan dengan kecederaan pada anggota badan dan apendaj |
| *(h)* Sindrom Terowong Karpal (saraf median) | Pergerakan yang sentiasa berulang, penggunaan tenaga yang kuat, postur pergelangan tangan yang ekstrem dan pergerakan hiperfleksi dan hiperekstensi yang ekstrem menyebabkan tekanan berpanjangan pada alur anatomi mengakibatkan kecederaan saraf. Pergerakan yang kuat dan kerap berulang dengan alat bergetar, kerja yang melibatkan tekanan dan postur pergelangan tangan yang ekstrem, terutamanya gabungan semua faktor risiko ini | Pekerja dengan pergerakan yang kuat, kerap dan berulang menggunakan alat bergetar pegang tangan yang bahagian dalam alat itu bergetar untuk memindahkan getaran ke tangan; kerja yang melibatkan postur pergelangan tangan atau tangan yang ekstrem |
| 2. Anggota bawah | | |
| *(a)* Lutut lesu (*Housemaid's knee*) | Bursitis atau selulitis subkutaneus yang terjadi pada atau di bahagian atas lutut | Pekerja dengan tugas manual yang pantas, berulang dan berlebihan yang menyebabkan geseran atau tekanan yang teruk atau berpanjangan terhadap bursa pada atau di sekitar lutut. Tugas yang memerlukan pekerja kerap duduk melutut. |
| *(b)* Sindrom Terowong Tarsus (saraf tibial posterior) | Pergerakan kaki yang kuat, kerap, berpanjangan dan berulang | Pekerja dengan pergerakan kaki yang pantas, berulang dan berlebihan |

## BAHAGIAN XI

| *PENYAKIT* | *AGEN* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| *Penyakit Psikososial* | | |
| 1. Gangguan tekanan pascatrauma | Gangguan trauma ekstrem atau ketakutan yang melampau, tidak berdaya atau seram | Pendedahan kepada tekanan yang terlalu ekstrem yang disebabkan oleh kemalangan atau kejadian yang berlaku semasa bekerja atau tidak bekerja |

## BAHAGIAN XII

### KANSER PEKERJAAN

| *AGEN* | *KANSER PEKERJAAN* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan) dan pendedahan kepada agen melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 1. 4-Aminobifenil (1 IARC) | Kanser lapisan epitelium saluran dan pundi kencing (papiloma), gangguan neurologi hati | Pendedahan kepada agen semasa menggunakan atau mengendalikan atau pendedahan kepada wasap, debu atau wap 4-aminobifenil atau bahan yang mengandungi 4-aminobifenil; digunakan dalam industri sintesis bahan kimia dan pengilangan getah |
| 2. Akrilonitril (2A IARC) | Kanser paru-paru dan prostat, limfoma, polineuropati | Pendedahan kepada akrilonitril; digunakan dalam pengilangan serat tekstil, pempolimeran akrilonitril dan getah, plastik, industri tekstil |
| 3. Arsenik (1 IARC) | Neoplasma kulit malignan (karsinoma sel skuamus), larinks, bronkus dan paru-paru, hemangiosarkoma | Pendedahan semasa perlombongan, peleburan kuprum, pengilangan kaca, pengeluaran; penggunaan racun perosak arsenik, racun herba, racun serangga, pemerangan dan pembuatan kaca |
| 4. Asbestos (1 IARC) | Paru-paru–mesotelioma malignan terbaur (pleura, perikardium, peritoneum), pleura, kanser saluran gastrousus–esofagus, peritoneum, usus besar Neoplasma bronkus malignan, larinks, paru-paru, ginjal | Pendedahan kepada asbestos, debu atau sebarang campuran asbestos pada satu paras yang melebihi paras yang lazimnya didapati di persekitaran terutamanya dilombong atau kuari; semasa pengilangan produk berasaskan asbestos, kerja perobohan atau pembuangan asbestos |

| | *AGEN* | *KANSER PEKERJAAN* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|---|
| | | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan) dan pendedahan kepada agen melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 5. | Benzena atau homolog toksiknya (terbitan nitro dan amino) (1 IARC) | Leukemia, limfoma hodgkin, malignansi darah yang lain | Pendedahan kepada benzena atau homolog toksiknya semasa menggunakan ketuhar kok, pengilangan kasut menggunakan benzena, pelarut dengan benzena, bahan api dan industri petroleum |
| 6. | Benzidina dan garam (1IARC) | Kemaglinanan pundi | Pendedahan kepada benzidin semasa pengilangan pewarna atau pigmen, agen makmal; digunakan dalam industri kertas, kulit, tekstil dan pewarna |
| 7. | Benz-o-pirena (2A IARC) | Kemaglinanan paru-paru, kulit dan pundi | Pendedahan kepada benz-o-pirena semasa mengguna atau mengendalikannya; digunakan dalam penyelidikan |
| 8. | Berilium (IARC 1) | Neoplasma bronkus dan paru-parumalignan | Pendedahan semasa pengeluaran aloi keras tahan kakisan dalam industri aeroangkasa, reaktor nuklear; produk seramik dan refraktori, penghubung elektrik, suis, elektrod kimpalan, tiub sinaran katod, aloi logam dan litografi dalam industri elektronik |
| 9. | β-naftilamina (1 IARC) | Kanser pundi kencing, metemoglobinemia, ataksia | Pendedahan semasa digunakan untuk pengilangan pewarna atau pigmen |
| 10. | Bis-klorometil eter (BCME), Klorometilmetil eter (1 IARC) | Kemaglinanan bronkus dan paru-paru | Pendedahan kepada Bis-klorometil eter yang terhasil semasa pengilangan klorometil metil eter; digunakan dalam industri kimia sebagai perantaraan kimia |
| 11. | Kadmium dan sebatiannya (1 IARC) | Neoplasma bronkus dan paru-paru malignan | Pendedahan semasa penyaduran elektrik; pengilangan bateri nikel-kadmium; galas kelajuan tinggi, pematerian, pengimpalan dan pematerian keras perak (sebagai pengisi); digunakan dalam industri plastik (penstabil); digunakan sebagai pigmen (dalam getah, dakwat, plastik, cat, tekstil)dan pengilangan barang kemas |

| *AGEN* | *KANSER PEKERJAAN* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan) dan pendedahan kepada agen melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 12. Sebatian kromium–heksavalen (1 IARC) | Neoplasma bronkus dan paru-paru malignan, kanser hidung | Pendedahan semasa penyaduran elektrik, pengilangan pewarna atau pigmen dan pengimpalan |
| 13. Tar batu arang dan pic tar batu arang gelaga; asfalt jelaga, kreosot atau bitumen, antrasena, minyak mineral, bahan meruap dan sisa bahan ini. Hidrokarbon aromatik polisiklik zarahan (1 IARC) | Kanser kulit, bronkus dan paru-paru, pundi, larinks, kaviti mulut | Pendedahan kepada agen semasa penggunaan bahan binaan, elektrod, pengegasan batu arang dan pengeluaran kok–pengeluaran petroleum, pengilangan pigmen, pembinaan jalan dan penebatan |
| 14. Etilena oksida (1 IARC) | Leukemia, katarak | Pendedahan semasa digunakan dalam pengilangan etilena glikol, glikol eter dan produk perubatan; digunakan sebagai pewasap racun perosak, pensteril di hospital |
| 15. Etilena dibromida (1,2 dibromoetana) (2A IARC) | Kanser perut | Pendedahan kepada agen semasa penggunaan, pengendalian atau pendedahan kepada wasap, debu atau wap etilena dibromida atau bahan yang mengandungi dibromida |
| 16. Formaldehid (2A IARC) | Kanser nasofarinks, sino-hidung, otak dan leukemia | Pendedahan kepada agen semasa digunakan sebagai pengawet tisu di rumah mayat dan makmal |
| 17. Hematit | Kanser paru-paru | Pendedahan kepada agen semasa penggunaan, pengendalian dan pendedahan kepada wasap, debu atau wap hematit semasa melombong (dengan pendedahan kepada radon) |
| 18. Sinaran pengionan (1 IARC) | Neoplasm malignan – tulang dan kulit, leukemia | Pendedahan kepada sinar X, reaktor nuklear, zarah pengionan, radium, bahan radioaktif lain atau tenaga sinaran |
| 19. Minyak mineral, tidak dirawat dan dirawat secara biasa (1 IARC) | Kanser kulit dan skrotum | Pendedahan kepada agen semasa digunakan sebagai pelincir |

| *AGEN* | *KANSER PEKERJAAN* | *PEKERJAAN/INDUSTRI* |
|---|---|---|
| | | *Pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian (pengilangan, pengangkutan, penyimpanan, pelupusan) dan pendedahan kepada agen melebihi Had Pendedahan yang Dibenarkan* |
| 20. Gas mustard (1 IARC) | Kanser paru-paru, larinks, farinks | Pendedahan kepada gas mustard–gas perang |
| 21. Nikel–sebatiannya subsulfit dan karbonil (1 IARC) | Kemalignanan bronkus dan paru-paru, membran mucus hidung atau sinus udara yang berkaitan | Pendedahan semasa memekat, melebur atau menapis dalam industri pengeluaran nikel, pengeluaran keluli tahan karat, pengilangan bateri, metalurgi, aloi, penyaduran elektrik; digunakan sebagai pemangkin dan pigmen; pelombong bijih nikel sulfida dan pekerja kilang aloi nikel |
| 22. Radium (1 IARC) | Tulang (sarkoma) | Penggunaan, pengendalian atau pendedahan kepada wasap, debu atau wap radium |
| 23. Progeni radon (1 IARC) | Neoplasm bronkus dan paru-paru malignan | Pendedahan kepada agen dalam perlombongan bawah tanah, pemprosesan bijih dan produk radioaktif |
| 24. Minyak syal (1 IARC) | Kanser kulit dan skrotum | Penggunaan, pengendalian atau pendedahan kepada minyak syal |
| 25. Jelaga, tar dan minyak mineral | Kanser kulit, paru-paru dan pundi, distrofi permukaan kornea | Pendedahan kepada agen semasa membuat jalan |
| 26. Monomer vinil klorida (1 IARC) | Angiosarkoma hati, neoplasm hati malignan dan duktus hempedu intrahepar, otak dan paru-paru | Pendedahan kepada agen semasa pengilangan vinil klorida, pempolimeran vinil klorida dan industri plastik |
| 27. Debu kayu keras | Kanser nasofarinks, hidung dan paru-paru | Pendedahan kepada agen semasa kerja kayu, pembuat perabot dan kabinet |

## BAHAGIAN XIII

1. Bagi maksud Jadual ini—

*(a)* "had pendedahan yang dibenarkan" ertinya had siling atau kepekatan bawaan udara purata nilai masa lapan jam atau had pendedahan maksimum sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan

Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 [*P.U. (A) 131/2000*];

*(b)* "IARC" ertinya Agensi Penyelidikan Kanser Antarabangsa;

*(c)* "Kumpulan 1 IARC" ertinya agen ini karsinogen kepada manusia; dan

*(d)* "Kumpulan 2A IARC" ertinya agen ini mungkin karsinogen kepada manusia.

2. Bagi maksud menentukan suatu penyakit khidmat, Jadual ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan—

*(a)* Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, garis panduan dan kod amalan yang berkaitan dengan pendedahan kepada agen di tempat kerja;

*(b)* Garis panduan Diagnosa Penyakit Khidmat yang dikeluarkan oleh Pertubuhan; dan

*(c)* Garis panduan Pengawasan Perubatan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000.

---

## JADUAL KEENAM

[Seksyen 59D]

**Mesyuarat**

**1.** (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali dalam setiap tahun.

(2) Mesyuarat Lembaga hendaklah dipanggil oleh Pengerusi atau, jika dia tidak ada, oleh mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri untuk bertindak sebagai Pengerusi, dan pemberitahuan mesyuarat hendaklah dikeluarkan dengan ditandatangani oleh Pengerusi, mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri untuk bertindak sebagai Pengerusi atau Setiausaha.

(3) Kuorum bagi Lembaga ialah enam orang ahli termasuk Pengerusi atau mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri untuk bertindak sebagai Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat.

(4) Jika Lembaga terpaksa memutuskan sesuatu soal dengan undi, dan bilangan undi didapati sama banyak, Pengerusi berhak memberikan suatu undi pemutus selain undi asalnya.

(5) Lembaga boleh meminta seseorang, yang bukan ahlinya, menghadiri sesuatu mesyuarat bagi maksud menasihatinya atau memberikan maklumat mengenai apa-apa perkara dalam perbincangan tetapi orang itu tidak berhak mengundi.

(6) Tertakluk pada Akta ini, Lembaga hendaklah mengawal selia tatacaranya sendiri.

**Minit**

**2.** (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggarakan dalam bentuk yang wajar dan memasukkan rekod mengenai semua keputusan yang telah diambil.

(2) Minit mesyuarat Lembaga hendaklah ditandatangani dengan sewajarnya dan minit itu boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa dibuktikan lagi, dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit mengenai perjalanannya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan sebagai telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli yang hadir sebagai telah berkelayakan dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Meterai perbadanan**

**3.** (1) Pertubuhan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang bereka bentuk seperti yang diluluskan oleh Lembaga, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau diperbaharui sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan "Pertubuhan Keselamatan Sosial" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai suatu meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan atau cap yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dan hendaklah disahkan sama ada oleh Pengerusi atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga dan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeterai dengan meterai

tersebut yang disahkan seperti yang tersebut di atas, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sah:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak dikehendaki dimeterai boleh dengan cara yang sama disempurnakan oleh Lembaga dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh seorang pegawai atau pekhidmat Pertubuhan yang diberi kuasa secara am atau secara khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak sebagai hakim hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman akan meterai Pertubuhan.

**Sahnya tindakan atau prosiding**

**4.** Tiada apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

*(a)* sesuatu kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan Lembaga; atau

*(b)* sesuatu ketinggalan, kecacatan atau salah aturan yang tidak menyentuh merit kes yang berkenaan.

---

JADUAL KETUJUH

[Subseksyen 59O(2)]

**1.** Kaedah-kaedah kakitangan yang dibuat di bawah seksyen 59O boleh mengadakan peruntukan bagi mana-mana atau semua yang berikut:

*(a)* mengawal selia amaun gaji, fi dan elaun yang kena dibayar kepada pegawai dan pekhidmat Pertubuhan;

*(b)* mengawal selia pemberian cuti kepada pegawai dan pekhidmat itu;

*(c)* membenarkan pembayaran semua elaun kepada pegawai dan pekhidmat itu semasa bercuti;

*(d)* menentukan saraan yang hendaklah dibayar kepada orang yang dilantik untuk bertugas bagi pihak mana-mana pegawai dan pekhidmat tersebut semasa mereka bercuti;

*(e)* mengawal selia tempoh perkhidmatan bagi semua pegawai dan pekhidmat itu;

*(f)* (*Dipotong oleh Akta A814*);

*(g)* menetapkan syarat yang menurutnya ganjaran atau elaun ihsan boleh dibayar kepada mana-mana pegawai dan pekhidmat itu yang mendapat bencana atau kepada saudara yang menakati pegawai atau pekhidmat itu yang terbunuh semasa menjalankan kewajipan mereka;

*(h)* penubuhan, penyenggaraan dan pentadbiran skim pencen bagi mengadakan peruntukan membayar pencen, ganjaran atau elaun lain apabila pegawai dan pekhidmat Pertubuhan bersara kerana uzur, meletakkan jawatan, bersara atau diberhentikan dan bagi penubuhan dan penyenggaraan kumpulan wang pencen; dan

*(i)* penubuhan dan pentadbiran skim bersara kerana uzur untuk memberikan apa-apa ganjaran dan elaun yang difikirkan suai manfaat apabila pegawai rendah dan pekhidmat Pertubuhan mati, bersara kerana uzur, meletakkan jawatan, bersara atau diberhentikan dan untuk memberikan apa-apa ganjaran dan elaun yang difikirkan suai manfaat kepada orang tanggungan, sama ada seorang atau lebih daripada seorang, yang menakati seseorang yang setelah bekerja sebagai pegawai rendah atau pekhidmat Pertubuhan mati setelah bersara kerana uzur atau diberhentikan atau setelah meletakkan jawatan atau bersara.

*(j)* (*Dipotong oleh Akta A814*).

**2.** Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi apa-apa kaedah kakitangan yang dibuat menurut subperenggan 1*(g), (h)* dan *(i)*:

*(a)* tiada ganjaran, elaun atau bayaran lain yang kena dibayar di bawah mana-mana kaedah dan juga tiada hak atau kepentingan yang diperoleh oleh mana-mana orang terhadap apa-apa ganjaran, elaun atau bayaran lain di bawahnya boleh diserahhakkan atau dipindahkan hak miliknya atau ditahan, diasingkan, dilevi atas, bagi atau mengenai apa-apa jua hutang atau tuntutan, selain hutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan;

*(b)* apa-apa wang yang dibayar di bawah mana-mana kaedah itu apabila seseorang mati hendaklah disifatkan sebagai teramanah untuk orang yang berhak terhadapnya mengikut wasiat simati itu atau jika simati itu mati tanpa wasiat, tetapi tidak boleh disifatkan sebagai menjadi sebahagian daripada hartanya atau tidak boleh tertakluk pada hutangnya;

*(c)* seseorang boleh, melalui wasiatnya atau dengan suatu memorandum yang ditandatanganinya, melantik seorang pemegang amanah bagi wang yang kena dibayar apabila dia mati di bawah mana-

mana kaedah itu, dan boleh mengadakan peruntukan bagi pelantikan seorang pemegang amanah baru bagi wang itu dan bagi pelaburannya;

*(d)* jika pada masa kematian seseorang atau pada bila-bila masa kemudiannya, tidak ada pemegang amanah bagi wang itu atau suai manfaat dilantik seorang pemegang amanah baru, pelantikan yang demikian itu boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi;

*(e)* resit pemegang amanah yang dilantik dengan sewajarnya, atau jika tiada pelantikan yang demikian itu dibuat, resit wakil diri di sisi undang-undang bagi orang yang mati itu, adalah menjadi suatu penyelesaian bagi apa-apa wang yang kena dibayar di bawah mana-mana kaedah itu apabila dia mati;

*(f)* seseorang pekerja Pertubuhan yang selainnya berhak mendapat apa-apa faedah di bawah mana-mana kaedah itu, jika dia dibuang dari perkhidmatan Pertubuhan kerana fraud atau kecurangan atau salah laku, yang melibatkan kerugian wang kepada Pertubuhan, atau bersara atau meletakkan jawatannya dengan niat hendak mengelak daripada diberhentikan atau dibuang dengan sebab fraud, kecurangan atau salah laku itu, adalah terlucut hak daripada dan hilang kesemua atau apa-apa bahagian faedah itu mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga menurut budi bicara mutlaknya; dan

*(g)* dengan kelulusan Menteri, Lembaga boleh, menurut budi bicaranya, memandang kepada lamanya perkhidmatan dan juga perkhidmatan khas mana-mana pegawai dan pekhidmat Pertubuhan yang kesnya tidak termasuk dalam bidang dan kuat kuasa kaedah-kaedah rancangan pencen atau rancangan bersara kerana uzur Pertubuhan, membayar kepada pegawai atau pekhidmat itu, apabila dia mati, ganjaran atau elaun ihsan atas apa-apa had dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga.

**3.** Kaedah-kaedah kakitangan yang tidak selaras dengan mana-mana terma dan syarat perkhidmatan yang diluluskan oleh Kerajaan berhubung dengan pegawai dan pekhidmat badan berkanun tidaklah mempunyai apa-apa kuat kuasa.

---

## JADUAL KELAPAN

[Seksyen 20A]

### PENCEN PENAKAT

**1.** Kadar harian pencen penakat hendaklah amaun kadar bulanan pencen ilat yang telah dibayar atau kena dibayar kepada orang berinsurans yang telah mati bagi bulan

sebelum sahaja bulan kematiannya dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan yang pencen itu telah dibayar atau kena dibayar.

**2.** Jika orang berinsurans itu belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 17A, kadar harian pencen penakat hendaklah amaun pokok yang sama banyak dengan lima puluh peratus daripada gaji bulanan purata ditambah satu peratus gaji bulanan purata bagi tiap-tiap dua belas bulan caruman yang telah dibayar melebihi dua puluh empat bulan yang pertama, tetapi tertakluk pada maksimum enam puluh lima peratus gaji bulanan purata baginya dalam tempoh antara tarikh apabila caruman mula-mula menjadi kena dibayar olehnya dengan tarikh kematiannya dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan yang pencen telah dibayar atau kena dibayar.

**3.** Jika seseorang orang berinsurans belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan yang dikurangkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 17A, kadar harian pencen penakat hendaklah suatu amaun yang sama banyak dengan lima puluh peratus daripada gaji bulanan purata dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan yang pencen telah dibayar atau kena dibayar.

**4.** (1) Istilah "gaji bulanan purata" sebagaimana yang disebut dalam perenggan 2 dan 3 adalah merujuk kepada gaji bulanan purata anggapan yang bersamaan dengan dua puluh empat caruman bulanan yang akhir bagi orang berinsurans itu yang telah dibayar sebelum sahaja tarikh kematiannya:

Dengan syarat bahawa gaji bulanan purata minimum ialah tiga ratus empat puluh dua ringgit dan lapan puluh enam sen tertakluk pada apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan.

(2) Gaji bulanan anggapan yang bersamaan dengan caruman bulanan hendaklah disifatkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

**5.** Kadar harian pencen penakat adalah kena dibayar seperti yang berikut:

*(a)* bagi balu atau duda, suatu amaun sebanyak tiga perlima daripada kadar harian pencen penakat;

*(b)* bagi tiap-tiap anak, dua perlima daripada kadar harian pencen penakat:

Dengan syarat bahawa jika jumlah pencen penakat yang dibahagikan antara balu atau duda dan anak-anak pada bila-bila masa adalah lebih daripada kadar harian pencen penakat, bahagian tiap-tiap orang tanggungan hendaklah dikurangkan mengikut kadar supaya jumlah amaun kena dibayar tidak melebihi kadar harian pencen penakat:

Dengan syarat selanjutnya bahawa kadar harian pencen penakat bagi tiap-tiap anak hendaklah tiga perlima daripada kadar harian pencen penakat jika tiada balu

atau duda atau jika balu atau duda atau mati, dan jika ada lebih daripada seorang anak, amaun yang kena dibayar hendaklah dibahagikan sama banyak antara mereka.

**6.** Jika seseorang orang berinsurans yang menerima pencen ilat, atau jika seorang orang berinsurans yang belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau tempoh kelayakan yang dikurangkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 17A, mati dan tidak meninggalkan balu atau duda atau anak, pencen penakat hendaklah kena dibayar kepada orang tanggungan lain seperti yang berikut:

*(a)* kepada ibu atau bapa atau nenek atau datuk, seumur hidup, suatu amaun yang sama banyak dengan empat persepuluh kadar harian pencen penakat, dan jika terdapat dua orang atau lebih ibu atau bapa, atau nenek atau datuk, amaun yang kena dibayar hendaklah dibahagikan sama banyak antara mereka;

*(b)* kepada mana-mana orang tanggungan lain, sehingga dia berkahwin atau sehingga dia mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal, atau jika telah menjadi balu sehingga dia berkahwin lagi atau sehingga dia mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana yang lebih awal, suatu amaun yang sama banyaknya dengan tiga persepuluh kadar harian pencen penakat dan jika terdapat lebih daripada seorang orang tanggungan di bawah subperenggan ini, maka amaun yang kena dibayar hendaklah dibahagikan sama banyak antara mereka.

**7.** (*Dipotong oleh Akta A1232*).

---

## JADUAL KESEMBILAN

[Seksyen 75A]

**1.** Orang yang berikut tidak layak dilantik sebagai atau menjadi seorang anggota Panel Pelaburan:

*(a)* seseorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, penipuan, pecah amanah jenayah, salah guna jenayah harta atau apa-apa kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau keburukan akhlak dan telah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun;

*(b)* seorang bankrap; dan

*(c)* seorang yang tidak sempurna akal atau tidak upaya selainnya untuk menjalankan fungsinya.

**2.** (1) Seseorang anggota Panel Pelaburan hendaklah terhenti menjadi anggota—

*(a)* jika dia tidak menghadiri tiga mesyuarat Panel Pelaburan berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Panel Pelaburan; atau

*(b)* jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri, dalam hal seseorang yang dilantik di bawah perenggan 75A(2)*(f)*.

(2) Seseorang anggota yang dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 75A(2)*(f)* boleh meletakkan jawatannya sebagai anggota Panel Pelaburan dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri.

(3) Jika mana-mana anggota Panel Pelaburan mempunyai apa-apa kepentingan benefisial dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Panel Pelaburan, dia hendaklah dengan segera mengisytiharkan kepada Pengerusi jenis dan takat kepentingannya dalam perkara itu dan Panel Pelaburan hendaklah memutuskan sama ada atau tidak dia boleh mengambil bahagian dalam mesyuarat Panel Pelaburan apabila perkara itu sedang dipertimbangkan, walau apa pun kepentingannya dalam perkara itu.

(4) Panel Pelaburan hendaklah bermesyuarat apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Pengerusi Panel Pelaburan.

(5) Pengerusi dan tiga orang anggota lain dalam Panel Pelaburan hendaklah membentuk kuorum dalam mana-mana mesyuarat Panel Pelaburan.

---

## JADUAL KESEPULUH

[Seksyen 59V dan 59W]

## KEANGGOTAAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT DAN LEMBAGA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

| *Kategori Pegawai* | *Lembaga Kenaikan Pangkat* | *Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat* |
|---|---|---|
| 1. Perkhidmatan dalam Gred 21 | Tiga orang anggota Lembaga termasuk Ketua Pengarah, dan | Pengerusi Lembaga … Pengerusi |

| *Kategori Pegawai* | *Lembaga Kenaikan Pangkat* | *Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat* |
|---|---|---|
| | seorang wakil daripada Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia salah seorang daripadanya dilantik oleh Lembaga menjadi Pengerusi | Anggota Lembaga … Anggota-anggota |
| 2. Perkhidmatan dalam Gred 12 hingga Gred 20 | Ketua Pengarah atau wakilnya … Pengerusi | Pengerusi Jawatankuasa Perjawatan … Pengerusi |
| | Ketua Bahagian atau Cawangan Pertubuhan yang dilantik oleh Ketua Pengarah … Anggota | Anggota Jawatankuasa Perjawatan … Anggota-anggota |
| | Ketua Penolong Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi buruh dan dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang sama … Anggota | |
| 3. Perkhidmatan dalam Gred 11 ke bawah | Ketua Pengarah atau wakilnya … Pengerusi | Pengerusi Jawatankuasa Perjawatan ... Pengerusi |
| | Dua orang pegawai dalam Gred 21 yang dilantik oleh Ketua Pengarah … Anggota-anggota | Anggota Jawatankuasa Perjawatan … Anggota-anggota |

---

## LAMPIRAN

*Tarikh Mula Berkuat Kuasa*

[Subseksyen 1(3)]

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| 01-01-1971 | Seluruh Malaysia | Bahagian I, seksyen 3, 4 dan 5 dalam Bahagian II, seksyen 58, 59, 70 dan 73-81 dalam Bahagian IV, seksyen 103-105 dan seksyen 108 dalam Bahagian VII | P.U. (B) 322/1970 |
| 15-04-1971 | Seluruh Malaysia | Seksyen 12 dan seksyen 60-66 | P.U. (B) 125/1971 |
| 01-10-1971 | Dalam kawasan tanah yang terletak dalam Daerah Johor Bahru dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan PG 659 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor, menurut seksyen 410 Kanun Tanah Negara 1965 | Seksyen 6-11, 13 dan 14 dalam Bahagian II, seksyen 15 (kecuali subseksyen (1)*(a)*), seksyen 22-34, 36-48, 50-55 dan 57 dalam Bahagian III, seksyen 67-69, 71, 72 dan 82 dalam Bahagian IV, Bahagian V dan VI, seksyen 96(1)*(b)*, seksyen 97-102, 106, 107 dan 109 dalam Bahagian VII | P.U. (B) 330/1971 |
| 01-07-1972 | Dalam Kawasan Keselamatan Sosial Pekerja, Pulau Pinang dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan PG 75 dan PG 76 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang, menurut seksyen 410 Kanun Tanah Negara 1965 | Seksyen 6-11, 13 dan 14 dalam Bahagian II, seksyen 15 (kecuali subseksyen (1)*(a)*), seksyen 22-34, 36-48, 50-55 dan 57 dalam Bahagian III, seksyen 67-69, 71, 72 dan 82 dalam Bahagian IV, Bahagian V dan VI, seksyen 96(1)*(b)*, seksyen 97-102, 106, 107 dan 109 dalam Bahagian VII | P.U. (B) 218/1972 |
| 01-07-1972 | Dalam kawasan tanah yang terletak dalam Daerah Kinta dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 247 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak, menurut seksyen 410 Kanun Tanah Negara 1965 | Seksyen 6-11, 13 dan 14 dalam Bahagian II, seksyen 15 (kecuali subseksyen (1)*(a)*), seksyen 22-34, 36-48, 50-55 dan 57 dalam Bahagian III, seksyen 67-69, 71, 72 dan 82 dalam Bahagian IV, Bahagian V dan VI, seksyen 96(1)*(b)*, | P.U. (B) 221/1972 |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | | seksyen 97-102, 106, 107 dan 109 dalam Bahagian VII | |
| 01-01-1973 | Dalam kawasan tanah yang terletak—<br><br>(i) dalam Daerah Kota Setar dan yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan PG. 551 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Kedah dan Perlis; | Seksyen 6-11, 13 dan 14 dalam Bahagian II, seksyen 15 (kecuali subseksyen (1)*(a)*), seksyen 22-34, 36-48, 50-55 dan 57 dalam Bahagian III, seksyen 67-69, 71, 72 dan 82 dalam Bahagian IV, Bahagian V dan VI, seksyen 96(1)*(b)*, seksyen 97-102, 106, 107 dan 109 dalam Bahagian VII | P.U. (B) 539/1972 |
| | (ii) dalam Daerah Larut dan Matang dan yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan PG. 286 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak;<br><br>(iii) dalam Daerah Kelang dan yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan PG. 377 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Selangor;<br><br>(iv) dalam Daerah Kelang dan yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan PG. 378 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Selangor;<br><br>(v) dalam Daerah Seremban yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 263 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Negeri Sembilan;<br><br>(vi) dalam Daerah Melaka Tengah yang ditandakan dengan warna kelabu atas | | |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | Pelan P.G. 97 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Melaka;<br><br>(vii) dalam Daerah Kuantan yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 1063 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pahang,<br><br>menurut seksyen 410 Kanun Tanah Negara 1965. | | |
| 01-09-1973 | Dalam kawasan-kawasan tanah yang terletak dalam—<br><br>(i) kawasan Keselamatan Sosial Kota Bharu dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 160 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Kelantan;<br><br>(ii) kawasan Keselamatan Sosial Kuala Terengganu dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 127 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Terengganu;<br><br>(iii) kawasan Keselamatan Sosial Seberang Perai dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 122 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang;<br><br>(iv) kawasan Keselamatan Sosial Kangar dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 572 sebagaimana yang disimpan di pejabat | Seksyen 6-11, 13 dan 14 dalam Bahagian II, seksyen 15 (kecuali subseksyen (1)*(a)*), seksyen 22-34, 36-48, 50-55 dan 57 dalam Bahagian III, seksyen 67-69, 71, 72 dan 82 dalam Bahagian IV, Bahagian V dan VI, seksyen 96(1)*(b)*, seksyen 97-102, 106, 107 dan 109 dalam Bahagian VII | P.U. (B) 384/1973 |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | Pengarah Ukur, Kedah dan Perlis;<br><br>(v) kawasan Keselamatan Sosial Keluang dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 802 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor;<br><br>(vi) kawasan Keselamatan Sosial Batu Pahat dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 803 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor;<br><br>(vii) kawasan Keselamatan Sosial Muar dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 804 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor,<br><br>menurut seksyen 410 Kanun Tanah Negara 1965. | | |
| 01-03-1974 | Dalam kawasan tanah yang ditandakan dengan warna merah atas Pelan Pelbagai No. 1062/13 sebagaimana yang disimpan di pejabat Penguasa Tanah dan Ukur, Bahagian Pertama, Kuching, Sarawak | Seksyen 6-11, 13 dan 14, seksyen 15 (kecuali subseksyen (1)*(a)*), seksyen 22-34, 36-48, 50-55 dan 57, seksyen 67-69, 71, 72 dan 82, seksyen 96(1)*(b)*, seksyen 97-102, 106, 107 dan 109 | P.U. (B) 568/1973 |
| 01-03-1974 | Dalam kawasan tanah lebih kurang 7,890 ekar luasnya yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 01200578, di Daerah Kota Kinabalu; 10 ekar yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 21200360; 6 ekar yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 21200359 dan 290 ekar yang ditunjukkan sebagai Lot | Seksyen 6-11, 13 dan 14, seksyen 15 (kecuali subseksyen (1)*(a)*), seksyen 22-34, 36-48, 50-55 dan 57, seksyen 67-69, 71, 72 dan 82, seksyen 96(1)*(b)*, seksyen 97-102, 106, 107 dan 109 | P.U. (B) 569/1973 |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | Ukur No. 21200358 di Daerah Penampang dan khususnya ditunjukkan di atas pelan nombor 99197155 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, Sabah | | |
| 01-01-1974 | Dalam kawasan-kawasan tanah yang terletak dalam: | | |
| | (i) Daerah Kuala Lumpur dan Kelang dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 357 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Selangor; | Seksyen 15(1)*(a)*, seksyen 16-21, seksyen 35, 49, 57, 96(1)*(b)* dan 96(2) | P.U. (B) 570/1973 |
| | (ii) Kawasan Keselamatan Sosial Pekerja, Pulau Pinang dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 75 dan Pelan P.G. 76 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang; | | |
| | (iii) Daerah Kinta dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 247 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak; | | |
| | (iv) Daerah Johor Bahru dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 659 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor;<br>(v) Daerah Kota Setar dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 551 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Kedah | | |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | (vi) Daerah Larut dan Matang dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 286 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak; | | |
| | (vii) Daerah Kelang dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 377 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Selangor; | | |
| | (viii) Daerah Kelang dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 378 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Selangor; | | |
| | (ix) Daerah Seremban dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 263 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Negeri Sembilan; | | |
| | (x) Daerah Tengah Melaka dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 97 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Melaka; | | |
| | (xi) Daerah Kuantan dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 1063 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pahang; | | |
| | (xii) Kawasan Keselamatan Sosial Kota Bharu dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 160 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Kelantan; | | |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | (xiii) Kawasan Keselamatan Sosial Kuala Terengganu dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 127 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Terengganu; | | |
| | (xiv) Kawasan Keselamatan Sosial Seberang Prai dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 122 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang; | | |
| | (xv) Kawasan Keselamatan Sosial Kangar dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 572 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Kedah dan Perlis; | | |
| | (xvi) Kawasan Keselamatan Sosial Kluang dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 802 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor; | | |
| | (xvii) Kawasan Keselamatan Sosial Batu Pahat dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 803 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor; | | |
| | (xviii) Kawasan Keselamatan Sosial Muar dan ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 804 sebagaimana disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor. | | |
| 01-10-1974 | Dalam— | | |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | (i) Kawasan Keselamatan Sosial Segamat sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 877 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor; | Seksyen 6-11, 13, 14, 15-55, 57-69, 71, 72, 82, Bahagian V dan VI, seksyen 96-102, 106, 107 dan 109 | P.U. (B) 576/1974 |
| | (ii) Kawasan Keselamatan Sosial Kuala Pilah sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 294 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Negeri Sembilan; | | |
| | (iii) Kawasan Keselamatan Sosial Tapah sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 329 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak; | | |
| | (iv) Kawasan Keselamatan Sosial Kuala Kangsar sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 328 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak; | | |
| | (v) Kawasan Keselamatan Sosial Telok Intan sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 326 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak; | | |
| | (vi) Kawasan Keselamatan Sosial Kulim sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 584 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Kedah dan Perlis; | | |
| | (vii) Kawasan Keselamatan Sosial Dungun sebagaimana yang ditandakan dengan | | |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | warna kelabu atas Pelan P.G. 131 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Terengganu | | |
| | (viii) Kawasan Keselamatan Sosial Kuala Krai sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 165 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Kelantan; | | |
| | (ix) Kawasan Keselamatan Sosial Sungai Patani sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 586 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Kedah dan Perlis; | | |
| | (x) Kawasan Keselamatan Sosial Rawang sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 401 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Selangor; | | |
| | (xi) Kawasan Keselamatan Sosial Temerloh sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 1069 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pahang; | | |
| | (xii) Kawasan Keselamatan Sosial Bentong sebagaimana yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 1068 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pahang. | | |
| 01-07-1975 | Dalam— | | |
| | (i) Kawasan tanah yang ditandakan dengan warna merah atas Pelan Pelbagai No. 1062/13 sebagaimana yang disimpan di pejabat | Seksyen 15(1)*(a)*, seksyen 16-21, seksyen 35, 49, 57, 96(1)*(b)* dan 96(2) | P.U.(B) 239/1975 |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | Penguasa Tanah dan Ukur, Bahagian Pertama, Kuching;<br><br>(ii) Kawasan tanah lebih kurang—<br><br>*(a)* 7,890 ekar yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 01200578 di Daerah Kota Kinabalu;<br><br>*(b)* 10 ekar yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 21200360 di Daerah Penampang;<br><br>*(c)* 6 ekar yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 21200359 di Daerah Penampang;<br><br>*(d)* 510 ekar yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 21200358 di Daerah Penampang;<br><br>dan kesemuanya terdapat lebih khusus lagi atas Plan No. 99197155 sebagaimana yang disimpan di pejabat Penguasa Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu. | | |
| 01-12-1976 | Dalam— | | |
| | (i) seluruh Negeri Perlis (kecuali kawasan tanah yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 572 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Kedah dan Perlis);<br>(ii) seluruh Pulau Pinang (kecuali kawasan tanah yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan- pelan P.G. 75 dan P.G. 76 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang); | Seksyen 6-11, 13, 14, 15-55, 57, 67-69, 71, 72, 82, Bahagian V dan VI, seksyen 96-102, 106, 107 dan 109 Akta | P.U. (B) 27/1977 |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | (iii) seluruh Seberang Perai (kecuali kawasan tanah yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 122 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang); | | |
| | (iv) seluruh Daerah Kinta (kecuali kawasan tanah yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 247 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Perak); | | |
| | (v) seluruh Daerah Johor Bahru (kecuali kawasan tanah yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 659 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Johor); dan | | |
| | (vi) seluruh Daerah Pontian. | | |
| 01-01-1979 | Dalam— | | |
| | (i) Wilayah Persekutuan, Mukim Ampang, Mukim Ulu Kelang dan Batu seperti dalam Pelan-pelan P.G. 383, P.G. 417 dan P.G. 415 (kecuali kawasan tanah yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan P.G. 357) yang disimpan di Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pengarah Pemetaan Negara, Kuala Lumpur; | Seksyen 6-11, 13, 14, 15-55, 57, 67-69, 71, 72, 82, Bahagian V dan VI, seksyen 96-102, 106, 107 dan 109. | P.U.(B) 711/1978 |
| | (ii) Daerah Petaling seperti dalam Pelan P.G. 400 (kecuali kawasan-kawasan tanah yang ditandakan dengan warna kelabu atas Pelan-pelan P.G. 357 dan P.G. 377) yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor. | | |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| 01-10-1980 | Di seluruh Semenanjung Malaysia, melainkan di dalam 31 kawasan Keselamatan Sosial yang wujud sekarang di mana peruntukan itu telah pun berkuat kuasa. | Seksyen 6-11, 13, 14, 15-55, 57, 67-69, 71, 72, 82, Bahagian V dan VI, seksyen 96-102, 106, 107 dan 109. | P.U. (B) 486/1980 |
| 01-01-1980 | Di seluruh Malaysia | Seksyen 2-12, 14, 33-35 dan 38-41 | P.U. (B) 544/1980 |
| 01-07-1985 | Di seluruh Malaysia | Seksyen 13, 15-32, 36, 37 dan 42 | P.U. (B) 315/1985 |
| 01-12-1985 | Dalam sempadan daerah pentadbiran Kuching (kecuali kawasan tanah yang ditandakan dengan warna merah atas Pelan Pelbagai No. 1062/13 sebagaimana yang disimpan di pejabat Penguasa Tanah dan Ukur Bahagian Pertama, Kuching, Sarawak), Bau, Lundu, Hilir Sadong, Hulu Sadong, Samarahan, Sibu, Oya Dalat, Mukah, Kanowit, Bintulu, Miri, Baram, Sri Aman, Lubok Antu, Saribas dan Kalaka sebagaimana yang ditunjukkan atas Pelan Pelbagai No. 60280/1 | Seksyen 6-11, 13, 14, 15-55, 57, 67-69, 71, 72, 82, Bahagian V and VI, seksyen 96-102, 106, 107 dan 109 | P.U. (B) 550/1985 |
| 01-12-1985 | Dalam sempadan daerah pentadbiran Kota Kinabalu (kecuali kawasan tanah yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 01200578 di Daerah Kota Kinabalu dan ditunjukkan dengan lebih khusus lagi atas Pelan No. 99197155 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, Sabah), Penampang (kecuali kawasan tanah lebih kurang 10 ekar yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 21200360, 6 ekar yang | Seksyen 6-11, 13, 14, 15-55, 57, 67-69, 71, 72, 82, Bahagian V and VI, seksyen 96-102, 106, 107 dan 109 | P.U. (B) 551/1985 |

| *Berkuat kuasa mulai* | *Kawasan* | *Peruntukan yang berkuat kuasa* | *Kuasa* |
|---|---|---|---|
| | ditunjukkan sebagai Lot Ukur No. 21200359 dan 510 ekar yang ditunjukkan sebagai Lot Ukur No.21200358 di Daerah Penampang dan kesemuanya ditunjukkan dengan lebih khusus lagi atas Pelan No. 99197155 sebagaimana yang disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, Sabah), Papar, Tuaran, Ranau, Kota Belud, Sandakan, Kinabatangan, Labuk dan Sugut, Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Keningau, Tenom, Tambunan dan Pensiangan sebagaimana yang ditunjukkan atas Pelan No. 99197300 | | |
| 01-01-1987 | Dalam kawasan— | | |
| | Wilayah Persekutuan Labuan | Seksyen 6-11, 13, 14, 15-55, 57, 67-69, 71, 72, 82, Bahagian V and VI, seksyen 96-102, 106, 107 dan 109 | P.U. (B) 626/1986 |
| | Daerah pentadbiran Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu sebagaimana yang ditunjukkan atas Pelan No. 99197300 yang disimpan di Pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu. | | |
| | Daerah pentadbiran Kapit, Belaga, Song, Sarikei, Maradong, Julau, Matu Daro, Limbang dan Lawas sebagaimana yang ditunjukkan atas Pelan Pelbagai No. 60280/1 yang disimpan di Pejabat Penguasa Tanah dan Ukur, Kuching. | | |

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

# Akta 4

# AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| Akta A450 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 | s. 2-12, 14, 33-35, 38-41: 01-08-1980; s. 13, 15-32, 36, 37 dan 42: 01-07-1985 |
| Akta A499 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1980 | 15-08-1980 |
| Akta A590 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984 | 01-01-1985 |
| Akta A675 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987 | 01-07-1987; s. 2*(e)*: 01-10-1971; s. 11, 12 (kecuali perenggan *(a)*(iii), 20 dan 44 (kecuali perenggan *(e)* dan *(f)*): 01-01-1986; s. 21: 06-08-1987 |
| Akta A814 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992 | s. 16*(a)*: 01-01-1985; s. 18*(a)*: 01-10-1971; |

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| | | s. 26, 30*(b)* dan 31: 1-7-1985; s. 41: 01-07-1987; s. 3, 7, 11–15, 16*(b)*, 17, 18*(b)*, 19, 21, 47 dan 48: 01-01-1992 s. 2, 4, 5, 6, 8–10, 20, 22–26, 27–30*(a)*, 32–12, 40, 42–46: 01-07-1992 |
| Akta 478 | Akta Pembatalan Pengecualian Daripada Bayaran Duti-Duti Setem 1992 | 21-02-1992 |
| Akta A830 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (No. 2) 1992 | 17-07-1992 |
| Akta A981 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1997 | s. 3–6, 10, 13–16: 01-05-1997; s. 2, 7–9, 11, 12, 17: 01-08-1997 |
| Akta A1232 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2004 | 01-05-2005 |
| P. U. (A) 32/2008 | Perintah Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan Jadual Kelima) 2008 | 04-02-2008 |
| Akta A1445 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 | 01-01-2013 |
| Akta A1508 | Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 | 01-06-2016 |

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| P.U. (A) 144/2018 | Perintah Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan Jadual Pertama) 2018 | 01-07-2018 |
| P.U. (A) 351/2018 | Perintah Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan Jadual Pertama) (No. 2) 2018 | 01-01-2019 |
| P.U. (A) 247/2021 | Perintah Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan Jadual Pertama) 2021 | 01-06-2021 |

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 4

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| Tajuk panjang | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 2 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 ss.2(11) mulai 01-10-1971 |
| | Akta A814 | 01-01-1992 |
| | Akta A981 | 01-08-1997 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| 3 | Akta A675 | 01-07-1988 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| 5 | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| 6 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 9 | Akta A675 | 01-07-1987 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 9A | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 9B | Akta A814 | 01-01-1992 |
| 10 | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 12 | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 12A | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 12B | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 12C | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 13 | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 13A | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 14 | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 14A | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 15 | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| 17 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-11-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 17A | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-11-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 18 | Akta A814 | 01-11-1992 |
| 19 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A814 | 01-11-1992 |
| 20 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-01-1986 |
| | Akta A814 | 01-11-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 20A | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A814 | 01-01-1985 para.16*(b)* mulai 01-01-1992 |
| | Akta A675 | 01-01-1986 para.20A(1)*(b)*,*(c)* mulai 01-07-1987 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| 20B | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 21 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| 22 | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 24 | Akta A814 | 01-01-1992 |
| 26 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-10-1971 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 27 | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 28 | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 29 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-11-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| 30 | Akta A675 | 01-01-1986 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| 31 | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A981 | 01-05-1997 |
| 32 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| 32A | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 33A | Akta A814 | 01-01-1992 |
| 34 | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 36 | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 06-08-1982 |
| 37 | Akta A450 | 01-07-1985 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 42 | Akta A981 | 01-05-1997 |
| 43 | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 47 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| 49 | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 50 | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 51 | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 56 | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 57 | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 57A | Akta A981 | 01-05-1997 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| 57B | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 57C | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 58 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| 59 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A981 | 01-05-1997 |
| 59A | Akta A450 | 01-07-1985 |
| 59B | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-03-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A981 | 01-08-1997 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 59C | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A981 | 01-08-1997 |
| 59D | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 59E | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A981 | 01-08-1997 |
| 59F | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 59G | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 59H | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 59I | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 59J | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 59K | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 59L | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 59M | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 59N | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 59O | Akta A450 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 59P | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 59Q | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 59R | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 59S | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 59T | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 59U | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 59V | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 59W | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 60 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 61 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 62 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 63 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 64 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 65 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 66 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 67 | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 68 | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 69 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 71 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A981 | 01-05-1997 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| 72 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 para.72*(a)* mulai 01-07-1985 |
| 72A | Akta A814 | 01-07-1985 |
| | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| 74A | Akta A1508 | 01-06-2016 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 75 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 75A | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A981 | 01-05-1997 |
| | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| 75B | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A981 | 01-08-1997 |
| 78 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| 79 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 80 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 81 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| 82 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 83 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 84 | Akta A590 | 01-01-1985 |
| 86 | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-01-1987 |
| 93 | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A981 | 01-05-1997 |
| 94 | Akta A981 | 01-05-1997 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 94A | Akta A675 | 01-01-1987 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 94B | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 94C | Akta A675 | 01-07-1987 |
| 95 | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 95A | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| 96 | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 96A | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 100 | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 103 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| 103A | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| 104 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| | Akta 478 | 01-02-1992 |
| 105 | Akta A450 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A981 | 01-05-1997 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| 106 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| 106A | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1987 |
| 108 | Akta A450 | 01-07-1985 |
| 108A | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A450 | 01-07-1985 |
| 110 | Akta A981 | 01-05-1987 |
| 111 | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 112 | Akta A814 | 01-07-1992 |
| 112A | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| Jadual Pertama | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-01-1986 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| | P.U. (A) 144/2018 | 01-07-2018 |
| | P.U. (A) 351/2018 | 01-01-2019 |
| | P.U. (A) 247/2021 | 01-06-2021 |
| Jadual Ketiga | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| Jadual Keempat | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-01-1986<br>p 8 dan 9 mulai<br>01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1508 | 01-06-2016 |
| Jadual Kelima | Akta A675 | 01-07-1987 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---|---|---|
| | P. U (A) 32/2008 | 04-02-2008 |
| Jadual Keenam | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A981 | 01-08-1997 |
| Jadual Ketujuh | Akta A450 | 01-07-1985 |
| | Akta A675 | 01-07-1987 |
| | Akta A814 | 01-07-1992 |
| Jadual Kelapan | Akta A590 | 01-01-1985 |
| | Akta A675 | 01-01-1987 |
| | Akta A814 | 01-01-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |
| | Akta A1445 | 01-01-2013 |
| Jadual Kesembilan | Akta A675 | 01-07-1987 |
| Jadual Kesepuluh | Akta A814 | 01-01-1992 |
| | Akta A1232 | 01-05-2005 |